

AUKU - AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI
Chedet.co.cc
August 18, 2008
by Dr. Mahathir Mohamad

(Chedet.com meminta maaf kepada para pembaca kerana terdapat gangguan teknikal kepada program menyebabkan pembaca tidak boleh berikan komen. Gangguan tersebut telah diatasi dan pembaca boleh meningalkan komen seperti biasa. Terima kasih kerana melayari chedet.com)

1. Saya mengaku yang sayalah orangnya yang telah perkenalkan AUKU (Akta Universiti dan Kolej Universiti) semasa saya menjadi Menteri Pelajaran.
2. Walaupun kita sudah merdeka lebih 15 tahun ketika itu tetapi bilangan kelulusan daripada universiti tidak ramai, terutamanya di kalangan orang Melayu. Jumlah jurutera, doktor perubatan, arkitek dan lain-lain ahli profesional amat kecil dan menyediakan. Sebaliknya maju mundurnya bangsa dan negara bergantung kepada ketinggian jumlah rakyat yang berilmu. Tidaklah sihat bagi Malaysia jika dari rakyat berbilang kaumnya jumlah Melayu dan bumiputra lain yang berkelulusan universiti sangat berkurangan. Setelah Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan maka jumlah penuntut Melayu di tiga buah universiti tempatan sudah bertambah dengan banyaknya. Tetapi kemasukan sahaja tidak akan dapat menambah jumlah Melayu yang berpelajaran tinggi jika ramai yang diterima masuk tidak lulus dan tidak berjaya memperolehi ijazah.
3. Kita terpaksa menerima hakikat bahawa ramai penuntut Melayu dan bumiputra lain yang diterima masuk universiti memiliki kelulusan yang kurang baik daripada penuntut bukan Melayu. Samada mereka mendapat ijazah universiti atau tidak bergantung kepada kegigihan mereka menumpu sepenuh masa untuk menguasai ilmu melalui proses-proses pembelajaran ala universiti.
4. Kita dapati penuntut Melayu amat berminat dengan kegiatan politik. Mereka suka melibatkan diri dengan demonstrasi jalan dan lain-lain aktiviti politik yang memakan masa mereka di universiti. Dengan ini tidak dapat tidak tumpuan mereka kepada penguasaan ilmu tentu kurang. Amatlah merugikan mereka dan masyarakat Melayu jika mereka gagal.
5. Apakah kerana mereka tidak boleh berdemonstrasi dan lain-lain maka mereka akan kurang berpengetahuan dalam bidang politik; mereka akan jadi robot? Tidak juga. Mereka boleh ada forum perbahasan dalaman atau antara universiti, dan mereka boleh mendapat pakar yang tidak punyai kepentingan politik parti untuk memberi syarahan dan sessi soal jawab. Tanpa terlibat secara langsung dengan aktiviti politik berpartian, mereka masih boleh menguasai dan memahami selok belok politik.
6. Kegiatan seperti ini tidak akan memisahkan mereka daripada menumpukan masa yang mencukupi untuk menguasai ilmu yang menjadi sebab utama mereka berada di universiti.
7. Harus diingat bahawa pembiayaan bagi tiap-tiap penuntut samada yang dapat basiswa atau tidak datang daripada duit rakyat. Duit itu disalur dengan rela hati oleh mereka kerana kepentingan penuntut dan ilmu yang dituntut oleh mereka, yang akan menjamin masa depan yang cerah bagi mereka. Rakyat yang sanggup wang ini dibelanjakan untuk penuntut sedia berkorban jika korban mereka mendatangkan hasil yang dikehendaki. Tentulah mereka akan kecewa jika wang mereka disalahguna, dihabiskan untuk kegiatan yang lain. Negara juga akan rugi kerana tidak dapat warga yang berilmu. Dan penuntut itu sendiri akan rugi kerana masa depan mungkin tidak cerah seperti yang diharapkan.
8. Pengorbanan yang kita pohon daripada penuntut kita hanya sedikit sahaja. Masa untuk menuntut tidak begitu lama - hanya tiga atau empat tahun sahaja. Setelah lulus tumpukanlah sepenuh masa untuk kegiatan politik atau lain-lain jika ini menjadi minat utama. Pada masa itu kita tidak habiskan wang orang lain. Kita habiskan duit dari titik peluh kita sendiri.

9. Saya percaya orang yang bertanggungjawab dan tahu kenang budi seperti ini akan menjadi manusia dan pemimpin politik yang lebih baik.

10. Tetapi jika kita sanggup habiskan duit orang, kita hampakan harapan orang, sebaliknya kita tidak rela mengguna duit dan masa kita sendiri untuk sesuatu yang kita gemar, maka tidaklah kita dapat berkata yang kita begitu prihatin dan rasa bertanggungjawab terhadap masalah negara kita.

11. Penuntut universiti tentu tidak suka dengar pendapat saya ini. Yang amat marah kerana AUKU ialah penuntut Melayu. Saya rela dimarah oleh siapa sahaja tetapi saya tidak berniat buruk semasa memperkenalkan AUKU. Bagi saya peningkatan kebolehan bangsa saya adalah lebih penting dan utama daripada apa kecaman terhadap diri saya.

12. Jika hari ini penuntut lebih dewasa dan bertanggungjawab batalkan sahaja AUKU.

282 Comments

By warisan melayu on August 19, 2008 8:36 AM

Salam Tun,

Sy menyokong penuh apa yg Tun perkenalkan.

Ianya dapat membantu meningkatkan taraf hidup, sosial budaya, serta duduk sama rendah, diri sama tinggi dengan bangsa lain. Apa yang Tun lakukan dan buat adalah untuk bangsa Melayu. Biasalah Tun, sebarang perkara atau tindakan yg kita lakukan untuk bangsa, agama dan negara seperti biasa dipandang, dihina, dicerca dan sinis oleh orang-orang yg berkepentingan. Mereka semua tidak patriotik! Lebih mementingkan kuasa, harta dan kedudukan!

"Bagi saya peningkatan kebolehan bangsa saya adalah lebih penting dan utama daripada apa kecaman terhadap diri saya"-mahathir mohamad

P/S: Marilah sama-sama kita kibarkan Jalur Gemilang sempena bulan kemmerdekaan ini.

By zalina on August 19, 2008 8:37 AM

salam TUN,

Alhamdullilah faham lah sudah kenapa AUKU diperkenalkan. Tq Tun for the explanation.

By ddinooAuthor Profile Page on August 19, 2008 8:37 AM

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya amat menyokong pandangan Tun..kerana Tun seorang pemikir yang hebat. Teruskan perjuangan...semoga Tun sekeluarga sihat sentiasa hendaknya..

By kedahanAuthor Profile Page on August 19, 2008 8:41 AM

Salam Tun. Saya rasa penerangan ringkas Tun berkenaan AUKU dapat diterima dan dipahami mudah oleh rakyat. Teruskan memberikan artikal untuk pemahaman rakyat Malaysia.

www.politictoday.com

By ikanbilismoh on August 19, 2008 8:41 AM

ASSALAMUALAIKUM TUN....

TERIMA KASIH KERANA MEWUJUDKAN AUKU.....DGN ADANYA AUKU SAYA TELAH BERJAYA

KETIKA INI....

MEMANG PERLU AUKE SUPAYA ANAK-ANAK SAYA NANTI BOLEH BELAJAR TANPA PENGARUH POLITIK.....

BETUL APA YG TUN KATAKAN.....5 TAHUN BELAJAR DAN SELEPAS KELUAR UNIVERSITI...IKUTLAH SUKA HATI KEMANA HALUAN MAHASISWA SAMADA MAHU TERLIBAT DENGAN POLITIK....

WAHAI MAHASISWA SEKARANG...LU PIKIRLAG SENDIRI!

SEKIAN

By vendeta on August 19, 2008 8:41 AM

Tun, saya berpendapat bahawa universiti kita perlu auku. tapi lebih ptg adalah kompeten dari segi lain. org kt mmg mdh trpengaruh dgn gerakan politik tp mereka tdk sdr misi sbnr politik itu. jadi sy rs sbnrya pemikiran mahasiswa dan pelajar kita perlu byk diubah. mahasiswa byk kelemahan dan pembaziran hingga akan beri kesan kpd negara. cthnya berlaku pmbaziran tenaga manusia apabila mereka tdk mendapat secukupnya kemahiran ketika di U.berlaku masalah sosial jika mereka tidak mendapat input sebenar bagaimana utk menguruskan hidup.kerajaan pun perlu cakna masalah ini. bkn hy sibuk mengawal auku.Malaysia boleh utk trs maju kehadapan, tapi perubahan utk ini semua perlu krn akhirnya ia membawa kpd kerosakan pd negara.

By xAv on August 19, 2008 8:42 AM

Selamat pagi Tun..

aah...dulu masa ITM bukan Universiti, takde org pun pandang, tapi skrg sumer sibuk nk masuk Uitm.. sama2 bangunkan tak nak..dah stable baru sibuk nak masuk la..open kat sumer org la..padahal other races tak bising pun..

By leadingAuthor Profile Page on August 19, 2008 8:47 AM

Tun,

You said "Bagi saya peningkatan kebolehan bangsa saya adalah lebih penting dan utama daripada apa kecaman terhadap diri saya."

Once again, we appreciate your care and concern, regardless.

Best Regards,

<http://www.leading.com.my>

By anaktamimAuthor Profile Page on August 19, 2008 8:47 AM

salam Tun....

Tul gak kate2 Tun tu, saye rase malu dgn tindakan penuntut universiti tuh...

<http://fortypro.blogspot.com>

By jaybone on August 19, 2008 8:48 AM

TUn...

Laa..ingatkan dah kena godam lagi Tun.
By pocong on August 19, 2008 8:51 AM

Assallammulaikum Tun and readers,

AUKU? Actually I do not bother with AUKU coz I am not interested abt politic during my ITM time. I wondering why people outside campus are paying more attention to AUKU. When I was in ITM, there were many political events were organized by Student Council bt the issue only related to internal campus matter. We also had our own election, voting for our representatives in Studen Council. Maybe that time I was not interested in politic, did not broken any laws so I just did not bother abt it

If today, it is relevant to revoke AUKU, just do it la. However it is important to judge the subsequence effect. I just do not want our student become too volatile and too deep influence by political agenda by some parties.

By pewaris generasi on August 19, 2008 8:57 AM

Selamat Pagi Tun,

Tun semalam saya cuba utk memberi komen lebih 20kali saya cuba rupa2nya baru hari ini saya mengetahui adanya masalah teknikal...apapun tahniah sbb berjaya mengatasi masalah teknikal tersebut tun,

Pada pendapat saya Tun, saya sememangnya bersetuju & menyokong pendapat Tun & berterima kasih kerana AUKU itu diwujudkan diuniversiti...betul la apa yg tun cakap siswa & siswi tidak seharusnya melibatkan diri didalam bidang politik sewaktu masih lagi menuntut ilmu diuniversiti...kalo ingin terlibat sekalipun libatkanlah diri selepas graduate dari Universiti.

Saya dapat melihat keadaan dimana siswa & siswi ini mengikuti politik apabila DSAI ditangkap & dipenjara satu waktu dulu...ramai siswa & siswi yg memberontak bhw anwar tidak bersalah & melabel Tun sbg 'Maha Kafir'(minta maaf Tun) dan mcm2 lagi. sedih sy mendengar cercaan mereka terhadap tun kerana saya mengagumi tun ketika itu hingga kini.

Saya di Universiti Pertanian Malaysia ketika itu dan kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia...Tun juga yg memberi nama & nafas baru kepada universiti ini..Terima Kasih Tun dan jasamu sentiasa dikenang.

Salam Kasih buat tun & isteri serta keluarga.

By hazard72 on August 19, 2008 9:00 AM

Assalamualaikun Tun,

Saya menyokong dan bersetuju dengan pandangan Tun.
Sememangnya dari dulu lagi pengaruh parti-parti politik tak kira dari parti pemerintah dan parti pembangkang telah menular dalam kampus. Penuntut seharusnya menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajian mereka bukannya leka dengan isu-isu yang tiada kena mengena dengan mereka. Mereka perlu ingat alam perkerjaan sekarang memerlukan mereka yang berdayasaing. Mereka perlu ingat, tanpa pekerjaan tiada satu parti politik pun yang akan menampung kehidupan mereka dimasa hadapan.

Keep it coming Tun.

By yz on August 19, 2008 9:00 AM

akta AUKU hanya garis panduan supaya menjadikan pelajar lebih baik dalam keadaan yang lebih baik, jika mereka ini hendak AUKU dihapuskan, adakah mereka tahu semua AKTA AUKU itu sendiri, ??mungkin mereka hanya berdiri dan berdemonstrasi tanpa tahu AKTA AUKU itu sendiri, hanya diperalatkan oleh orang yang mempunyai agenda diluar,

kalau pelajar itu hendak menyertai politik mereka boleh lakukannya secara tersorok, tanpa mahu bermegah, adakah hanya ingin menyertai politik seseorang itu perlu bercakap diparlimen dan mentadbir negara??

itu adalah silap, jika niatnya begitu, lebih baik berhenti belajar, dan terus masuk politik, jika tujuan nya ingin menyumbang kepada negara tercinta, terdapat banyak saluran dan jika mereka ini lebih pandai dari ahli politikus diluar itu, mereka patut tahu bagaimana mereka ingin menyumbang tanpa menyertai mana-mana ahli politik yang sedia tidak terpelajar tapi hanya mansi berkata-kata sahaja.

sama2 sama kita berkongsi...

yz

By stilettosAuthor Profile Page on August 19, 2008 9:01 AM

Dear Tun Dr. M,

The students just need to do what they need to do. Which is to learn and excel. Me myself if one day I'll become a parent to my children I wont allow them to involve in such activites. Not because it is not necessary but it's because it is too early for them. I pay their school fees is for them to gain knowledge and make use of it. It comes from my hard earn money and I don't want it to be wasted shall my children pay to much attention on non-educational activities.

In the meantime Tun,

You got an award! Please kindly check my blog and claim your award :)

This award thingy is way of bloggers to congratulate each other. Since you are a blogger so I think you deserve the award too :)

My blog <http://www.hanselgreetel.blogspot.com>

By pujannga7Author Profile Page on August 19, 2008 9:01 AM

A'kum Tun & pembaca2 blog chedet,

Saya setuju pindaan ke atas akta AUKU kerana ia akan membuat pelajar lebih sensitif tentang isu2 semasa. Pembelajaran tidak hanya tertumpu didalam kelas tetapi juga dengan dunia luar. Setelah keluar dari universiti, pelajar2 diharapkan lebih "well rounder" ..boleh berinteraksi, berfikir dan bersemangat. Di dalam dunia sekarang kejayaan di dalam akademik semata2 tidak menjamin masa depan. Daya fikir yang tinggi dan kreativiti sahajalah senjata sulit yang perlu ada pada lepasan mahasiswa.

Regards,

<http://www.my-security-at-home.com>

By amanina2 on August 19, 2008 9:03 AM

assalamualaikum dan salam sejahtera kepada Tun dan semua pengunjung.

saya amat yakin bahawa akta ini diperkenalkan pada waktu itu bertepatan dengan permasalahan yang berlaku di ketika itu. sebagai seorang ahli politik/pemimpin/menteri yang senantiasa memandang jauh kehadapan tun memang berhak untuk bertindak sedemikian demi kepentingan anakbangsa.

sekurang-kurangnya akta ini dapat membendung pelajar-pelajar terutamanya dikalangan kaum melayu yang majoritinya mudah terpengaruh dengan politik kepartian semasa masih belajar. ini bukan sahaja rugi kepada diri mereka sendiri malah boleh mendatangkan kemudaratkan kepada negara.

By asam jawa on August 19, 2008 9:04 AM

Assalamualaikum YABhg. Tun

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YABhg Tun yang memberi komen mengenai isu yang dinantikan.

Saya berpendapat AUKU patut diteruskan kerana banyak munafaat. Di sepanjang pengajian saya di Universiti, banyak persatuan dan aktiviti yang berfaedah telah diceburi samada didalam kampus maupun diluar kampus sehingga mendapat Anugerah Intan Terpilih didalam aktiviti kokurikulum. Sebagai salah seorang pemimpin pelajar, saya memahami hasrat diujudkan AUKU. Tiada program yang memberi faedah terhadap saksia pelajar yang dibendung olehnya. Malahan lebih banyak aktiviti berfaedah berbanding sebilangan kecil sahaja aktiviti politik yang disekat.

Malangnya ramai pelajar melayu dan segelintir bangsa asing yang terpengaruh dengan dakyah parti pembangkang terutama PAS dan DAP kononnya AUKU membenggung pelajar. Hakikatnya akta tersebut sebenarnya telah menyekat PAS dan DAP dari merekrut kader-kader dan memesongkan matlamat asal mahasiswa.

Sungguhpun ada sekatan, mereka tetap dapat menyusup masuk kekampus melalui persatuan pelajar. Mahasiswa yang terpengaruh biasanya tidak cemerlang dalam akademik, akhirnya bila keluar dari universiti hanya memiliki ijazah am dan mencebur parti politik pembangkang.

Kerajaan sekarang cuba menambat hati rakyat apabila ingin menunjukkan ketelusan dengan menyahut laungan PAS dan DAP untuk menghapuskan AUKU. Saya bimbang sekiranya kerajaan tersilap membuat pertimbangan sehingga merosakkan matlamat keujudan universiti dan hasrat ibubapa terhadap mahasiswa.

Semoga YABhg. Tun sekeluarga dirahmati Allah.

By bluesavvy on August 19, 2008 9:06 AM

a'kumm....
saya bekas pelajar uitm dan saya setuju bahawa pelajar IPTA/IPTS
tidak patut menyertai politik, wat per join politik mase belajar? belajar je la, politik cuma akan
mengganggu kosentrasi pelajar itu sendiri, bile abis belajar, join la parti aper pun... nobody care...
di IPTA/IPTS pun dah byk activiti yg bleh wat.. x yah nk sibuk2 join politik, org melayu mmg sibuk nk
memertabatkan bangsa melayu tapi x tau cara yg betul, belajar la pandai2 lepas tu berbakti la pada
bangsa dan negara, ini tidak.. belajar kemana asik nk berpolitik n berdemo je....
penat la nk ckp pasal org melayu nie.. saya kagum TUN masih bertahan sampai sekarang utk mengingat
kan org melayu....

By rakusman on August 19, 2008 9:07 AM

Salam buat Y Bhg Tun,

Sudah tentu yang tak ada wawasan akan memansuhkan akta ini. Mereka sebenarnya malas nak berfikir dan hanya memikirkan satu hala sahaja. Dan kepada pelajar pelajar ini masa depan anda lebih bermakna dari memikirkan politik masa kini. Tak ada orang bolih makan sambil berak. Buat satu satudik.

Apa apa pun sekalung tahniah buat pelajar UiTM di atas kesedaran dan kepekaan terhadap maruah bangsa di mainkan olih orang Melayu sendiri yang terkejut mendapat kuasa sehingga sanggup menggadai bangsa. Ini bukan kali pertama kesalahan Tan Sri Khalid. Semoga keturunan beliau TIDAK mengikut jejaknya. Memberi RM 100 juta untuk babi dan ditempatkan projek di kampung melayu dan di masa hadapan entah apa kepunyaan orang melayu nak di buangnya...tahniah Tan Sri Khalid.

Tun tak perlu risau jika ada yang tetap menyalahkan Tun jika AUKU dihapuskan sebab jika ada student Melayu yang gagal nanti , hanya mereka yang meminda AUKU akan menerima padahnya. Hukum dunia memang begini Tun..yang jujur akan tersungkur ,yang iklas akan terkandas. Apa apa pun Tun dah buat yang terbaik mungkin sebagai pemegang amanah rakyat ketika itu.

salam.

By Chris on August 19, 2008 9:07 AM

Saya turut setuju 100% dengan pandangan Tun bekenaan AUKU.

By peejoo on August 19, 2008 9:08 AM

Salam Tun,

Saya setuju dengan tindakan Tun....

By atan on August 19, 2008 9:09 AM

Salam tun...

Sudah terang lagi bersuluh...

Satu lagi strategi dari tun untuk meningkatkan martabat bangsa melayu dan rakyat malaysia.

Sejak 1974, tun perkenalkan AUKU, hasilnya.. orang arab panggil malaysia jannah.. (Syurga)

Kejayaan Malaysia menjadi ilham dan kebangaan orang arab, dunia ke tiga.

Terima kasih tun.

By Anba on August 19, 2008 9:13 AM

Dr. Mahathir,

Hi there. I can understand how strongly you feel for the development of the Malays to upgrade themselves where education is concerned.

I like your point # 12, " Jika hari ini penuntut lebih dewasa dan bertanggungjawab batalkan sahaja AUKU". But I don't believe any Malay leader will abolish AUKU or the NEP. If an amazing leader like you did not have the guts to abolish AUKU or NEP, I don't think there are any potential already born to take up that important task.

2. You mentioned that the AUKU was introduced when you found that more Indians and Chinese was entering the local universities. Your effort is applauded if it was just for the intended years but your government is planning to continue with such policies forever. Are you keen in producing more Malay graduates are keen in producing graduates who are of world class? When quantity is preferred over quality where education is concerned, you get half baked graduates and half baked graduates will eventually become half baked University professors and eventualy these half baked professors will once again produce half baked graduates. You see, it's sad cycle that will continue and makes it harder for the Malays to come out from the 'infinite loop' trap designed by intellectuals like you.

3. There are many cases where the Indians and Chinese who got perfect grades in Form 5 & Form 6 who were not given a chance to study what they want to study. When a student gets perfect grades, the government loses all bargaining power in determining what course they should study. Recently, my relative who obtained 10 A's in her SPM was asked to study Forestry when she wanted to study Medicine. Despite her father being a government servant she did not given any chance to study medicine. Her father had to sell his house to send her to study medicine in India. How many thousand students may have gone through similar experiences?

4. The agony of the non-Malays will not be a waste. The law of karma will play its role to determine that justice be served eventually.

Take care and God bless.

Anba

By boy81 on August 19, 2008 9:14 AM

Apa dah jadi dengan segelintir mahasiswa/wi masa kini? Diaorang tak malu ke masuk press sebab buat demonstrasi or nak celebriti status murahan.

Bukan kah tindakan ini akan member imej buruk kepada bukan sahaja negara tetapi sistem pendidikan negara? Macam mana nak bersaing dengan bangsa lain dan nak maju ke depan? Daripada buang masa buat demonstrasi, bagus guna masa tu untuk pikir macam mana nak saing bangsa lain dan belajar rajin2.

Tun, it seems like "some" of your own people does not appreciate what you have done for them through AUKU (although if have no clue what that is as I am not Malay but I am a TRUE MALAYSIAN).

I am sure I am not the only one hoping that you come back and lead the country but you have stressed it that you will not return..

Keep writing Tun because there are so much think we don't know and don't quite understand about what happens in the country.

God Bless You & Family

By moyabira on August 19, 2008 9:16 AM

Assalamualaikum Tun,

Terimakasih dengan penerangan Tun tentang AUKU, sekurang-kurang saya dapat memahaminya.

Kaf Yaa Ain Sod Qaa Haa

By ashar on August 19, 2008 9:19 AM

.

TUN,

Walau hanya baru memegang Menteri Pelajaran

TUN sudah memikirkan jauh akan kepentingan Bangsa ..

YA,,,kalau tak dibendung dari rebung, Hancurlah Bangsa.

Pandangan jauh TUN amatlah kami hargai hingga sekarang.

Benar TUN tempoh belajar itu amat pendek 3-4 tahun,

kalau di persiakan waktu, dengan aktiviti yang boleh menganggu

amat merugikan diri dan keluarga.

Satu yang menari dalam artikel ini...

TUN mengaku secara jujur, TUN yang menubuhkan AUKU.

TUN juga mengaku sekiranya AUKU tak di perlukan lagi..HAPUSKAN LAH.

SAYA TERTARIK DENGAN SIKAP TUNINI.

BERBEZA DENGAN PEMIMPIN KERAJAAN DAN PEMBANGKANG SEKARANG.

SUDAH JELAS KEBENARAN DI DEPAN MATA.....

SUDAH JELAS TERSALAH LANGKAH....

SUDAH JELAS SALAH PERCATURAN.....

TIDAK MAHU MENGAKU..!!!!!!

MASIH MENCARI LINE UNTUK COVER....

SEOLAH RAKYAT TAK BOLEH BERFIKIR...

SEOLAH RAKYAT BODOH SEMUANYA..

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com>

salam perjuangan

ashar

..

TUN,

Walau hanya baru memegang Menteri Pelajaran

TUN sudah memikirkan jauh akan kepentingan Bangsa ..

YA,,,kalau tak dibendung dari rebung, Hancurlah Bangsa.

Pandangan jauh TUN amatlah kami hargai hingga sekarang.

Benar TUN tempoh belajar itu amat pendek 3-4 tahun,

kalau di persiakan waktu, dengan aktiviti yang boleh menganggu

amat merugikan diri dan keluarga.

Satu yang menari dalam artikel ini...

TUN mengaku secara jujur, TUN yang menubuhkan AUKU.

TUN juga mengaku sekiranya AUKU tak di perlukan lagi..HAPUSKAN LAH.

SAYA TERTARIK DENGAN SIKAP TUNINI.

BERBEZA DENGAN PEMIMPIN KERAJAAN DAN PEMBANGKANG SEKARANG.

SUDAH JELAS KEBENARAN DI DEPAN MATA.....

SUDAH JELAS TERSALAH LANGKAH....

SUDAH JELAS SALAH PERCATURAN.....

TIDAK MAHU MENGAKU..!!!!!!

MASIH MENCARI LINE UNTUK COVER....

SEOLAH RAKYAT TAK BOLEH BERFIKIR...

SEOLAH RAKYAT BODOH SEMUANYA..

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com>

salam perjuangan

ashar

By (MFMS)d on August 19, 2008 9:19 AM

Salam Tun.

Biasa la tu. Benda untuk kebaikan, ada je yang tak suka. Lumrah kehidupan.

O/T:

Masa kat MAHA 2008 pada hari sabtu 16/8/2008 lepas, kami sekeluarga ingat dapat la bergambar dengan Tun sebab Tun dijangkakan akan hadir di khemah melelong lembu. Dan, tempat duduk pun sudah dikhaskan untuk Tun di mana betul-betul sebelah kami. Tapi, Tun tidak muncul. Kami hampa.
By mtjeneym on August 19, 2008 9:24 AM

Salam sejahtera Tun....

Terima kasih atas penjelasan Tun tu.. Sekarang baru saya tahu tujuan Tun perkenalkan AUKU. Betul kata Tun masa belajar tu belajar la betul2.... ni ramai pelajar melayu yang sibuk nak berpolitik pastu belajar pun tak tahu kemana cuba bandingkan dengan bangsa lain.

Terima kasih tun atas segalanya semuga ALLAH sentiasa mencucuri rahmat keatas Tun selalu hendaknya.

By Jamal D'Maz on August 19, 2008 9:24 AM

Salam Tun & bloggers

Saya teringat ketika DSAI dibuang dari UMNO & kerajaan. 2 org anak saudara saya yg sedang belajar di ITM telah berkobar2 mengajak saya utk berdemonstrasi di KL. Saya pun setuju & pergi bersama2 mereka. Dlm perjalanan, saya telah mengingatkan mereka mengenai sumpah ikrar mereka ketika menjakkan kaki ke ITM. Ikran mereka utk belajar, ikran mereka utk amanah, ikran mereka utk memenuhi amanat rakyat yg telah membolehkan mereka mendapat biasiswa...

untuk belajar sebaik mungkin, untuk mendapatkan ilmu setinggi boleh....
bukan untuk berdemonstrasi, bukan untuk berpolitik, bukan juga untuk mensia-siakan masa dengan perkara2 diluar pembelajaran.

Alhamdullillah, mereka sedar & meminta saya menghantar mereka semula ke Shah Alam.
Syukur kerana mereka sekarang telah berjaya berdiri diatas kaki sendiri.
Lega kerana mereka tidak terikut dengan budaya merugikan, budaya menentang kemajuan,
pembaharuan dan peningkatan diri.

Doa saya semoga Tun diberikan Allah tenaga utk berfikir & mengingatkan kita semua akan sejarah demi masa depan anak2 kita.... amin.

Salam
Jamal D'Maz
By ashar on August 19, 2008 9:26 AM

TUN,

Dalam pemilihan P44:

PILIH PKR: menunjukkan Anwar tak bersalah dengan liwat, membenarkan hak keistimewan Melayu terhapus dan Kedaulatan agama Islam tergugat. Perundagan Malaysia akan dikuasai MPM.

PILIH BN: PAK LAH akan merasakan dia masih di sokong rakyat dan pimpinan nya masih kuat dan relevan.

PILIH AKIM: Rakyat tak mahu pembangkang yang sudah menampakkan hala tuju sebenarnya dan tidak mahu kepimpinan PAK LAH.

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com>

ashar

By maroobbuka? on August 19, 2008 9:28 AM

Salam Tun n Warga CheDet

Tindakan Tun kadang2 tidak difahami oleh orang biasa kerana ianya melangkau pemikiran terutamanya bagi mereka yg bebal dan tidak bersedia untuk berubah.

Saya bersetuju dengan pendapat Tun bahawa pelajar masuk universiti tujuannya hanya untuk belajar. Namun begitu oleh kerana peredaran masa dan informasi, pelajar-pelajar universiti tidak dapat tidak telah terikut perkembangan politik semasa. Mereka juga ingin menyalurkan semangat politik mereka di dalam kampus. Maka terjadilah persatuan yang pro kepada parti-parti politik tertentu.

Yang menjadi masalah kepada pelajar yang pro kepada parti politik lawan. Mereka dianggap salah. Menyalahgunakan duit rakyat dan sebagainya. Namun apabila pelajar adalah pro kepada parti pihak kerajaan, mereka dianggap wira di dalam universiti.

Namun apa pun, kepada pelajar-pelajar universiti ingatlah kata-kata Tun. Jangan salahguna amanah

yang telah diberikan oleh rakyat yang disalurkan melalui biasiswa-biasiswa yang kamu dapat.

Apa yang Tun kata adalah benar mengenai pelajar-pelajar menggunakan duit biasiswa untuk memperjuangkan semangat politik tapi apabila telah bekerja dan mempunyai duit hasil titik peluh sendiri, semangat itu semakin pudar.

Saya mempunyai pengalaman seperti ini. Semasa belajar dahulu saya mengenali kawan-kawan yang sangat bersemangat untuk memperjuangkan pahaman politik mereka samada pahaman pihak lawan atau kerajaan. Mereka ini lah yang saya harap-harapkan boleh menggantikan pemimpin yang ada sekarang. Tetapi sekarang mereka telah pudar dalam arus pekerjaan mereka. Sia-sia sahaja semangat mereka semasa di universiti dahulu kerana telah menjadi hamba pekerjaan mereka dan hidup mereka hanyalah untuk mengumpul harta untuk diri sendiri. Hasilnya saya dapati sangat kurang tokoh2 penganti pemimpin yang berumur antara 40 hingga 50 tahun.

Ketika Malaysia yang tidak mempunyai pimpinan atau mempunyai pimpinan lemah seperti sekarang, kita tidak mempunyai penganti pemimpin. Nama-nama sperti Tun, anwar ibrahim, nik aziz, haji hadi, lim kit siang itu saja yang berada dalam fikiran kita. Apabila pak lah sekarang lemah, kita mengharapkan Tun kembali untuk bertanggungjawab. Adakah ini patut. Jikalau kita mempunyai tokoh penganti pemimpin yang berumur antara 40 hingga 50 tahun, mungkin kita semua akan berasa selamat. Kita belum ada lagi penganti tun yang benar2 ikhlas untuk membela rakyat, itulah sebabnya rakyat cuma untuk menaikkan anwar kembali.

Namun saya mengharapkan nama2 seperti Mukhriz Mahathir dan golongan yang sepertinya di dalam umno, dapat mencorak kembali pimpinan seperti dahulu. Berjuang bukan kerana wang ringgit dan projek2. Tetapi berjuang kerana benar ikhlas untuk menaikkan ibu pertwi.

By frenchyAuthor Profile Page on August 19, 2008 9:30 AM

alhamdulliah... ingat dah tak boleh komen. Demi bangsa melayu saya menyokong tindakan TUN tu...
By nuriman on August 19, 2008 9:32 AM

Assalamualaikum Tun,

When I was pursuing my studies, I used to view AUKU as a restriction imposed to curb political activities among the students, which at that moment I view as unnecessary. Students should be exposed to the real world so as to prepare themselves as a formidable in the machinery of the government. But then I saw an unhealthy practised which showed these so-called active groups being monopolised by certain political groups to achieve their agendas. For the group leaders, they see themselves as cahmpions in the making when the media interviewed them and their faces appeared on the television. Believe me for months to come the topic of them appearing on tv and newspaper will be the talk of the campus. But without realising it, they are just mere scapegoats. It is sad to note that such individuals that we, as the taxpayer, put our trust on to gain knowledge and use that knowledge for the benefit of all and the nation, abandon that trust. Don't waste the taxpayers money. I agree with Tun, do it on your own time and expenditure. Be smart, not scapegoats!

Best regards to you Tun.

By azrein on August 19, 2008 9:32 AM

Salam Ayahanda Tun Dr.M,

Saya yakin bahawa Tun mempunyai niat baik sewaktu memperkenalkan AUKU. Hanya mereka yg sibuk nak berpolitik dan seterusnya tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran saja yg marah. Sewaktu saya belajar di Universiti saya perhatikan bahawa pelajar yg suka sangat berpolitik segelintir mereka tidak begitu serious terhadap pelajaran. Jika mereka ini akhirnya gagal mendapat ijazah maka berpolitik dikampus tadi tidak dapat menjamin perkerjaan yg baik.

Pelajar mengikuti perkembangan politik pada saya tidak salah tetapi jangan sampai megabaikan tanggungjawab sebagai pelajar. Kadang-kadang mereka ini sibuk megkritik kerajaan sedangkan mereka

belum pun lagi bergelar graduan. Apakah mereka fikir mereka boleh buat yg lebih baik dari orang yg sudah pun tamat pengajian. Mereka sepatutnya belajar sampai habis kerana tanpa ilmu yg cukup mana mungkin mereka boleh berfikir secara rasional dan bertanggungjawab dan tentunya tindak tanduk mereka mudah dipengaruhi dan emotional.

Wassalam

By lampu basikal on August 19, 2008 9:33 AM

Assalamualaikum Tun,

Alahamdullah Tun dapat memperjelaskan dengan baik tindakan Tun dalam pembentukan dan mempekenalkan AUKU. Saya ingin mengucapkan setinggi tinggi taniah dan syabas atas keberanian Tun mempertegakkan kebenaran. Saya rasa banyak lagi tindakan dan cetusan idea pemikiran Tun di salah fahamkan dengan sengaja atau tidak disengajakan oleh segenlntir golongan orang orang tertentu di Malaysia ini. Kini tiba lah masa nya kita sebagai rakyat Malaysia membuka minda kita dan menyelami segala rahsia yang ada didalam pemikiran Tun Dr Mahathir. Mungkin banyak yang kita bolih mempelajari ilmu tentang karismatik cara kepimpinan Tun Dr Mahathir semasa menjadi perdana menteri Malaysia selama 22 tahun. Dengan ini kita dapat mengetahui apa yang berlaku, bagaimana ia nya berlaku dan juga apa kah tindakan sekira sesuatu itu belaku sebagai tindakan susulan dari sudut pemikiran Tun Dr Mahathir.

Dengan memperjelaskan tindakan tanduk Tun, kita dapat menerima dan mengetahui perkara sebenar dan juga hasrat yang tersirat. Saya berharap Tun dapat memberi tunjuk ajar kami warga chedet.com bagaimana cara yang terbaik dalam mengatasi segala kelemahan kerajaan yang di pimpin oleh pak lah.

Dengan rasa rendah diri, saya mengucapkan syabas kepada Tun Dr Mahathir kerana dapat memperjelaskan dengan terang dan nyata. Semoga Allah memberkati segala usaha ikhlas Tun.

Wasalam..... Hidup Tun Dr Mahathir.....

By ashar on August 19, 2008 9:37 AM

TUN,

KESEDARAN PENGUNDI P44 AMAT DIHARAPKAN.

PERTEMBUNGAN 3 PENJURU YANG MEMBAWA KESAN POLITIK NEGARA.

JANGAN SALAH PILIH:

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com>

ashar

Angkatan Lancang Kuning Nusantara

By zakiAuthor Profile Page on August 19, 2008 9:39 AM

Asalamualaikum Tun,

Saya belajar di UiTM selama 5 thn sblm dpt Ijazah, sepanjang saya disana tidak sekali pun saya dengar cakap2 dikalangan rakan2 tentang ketidakpuasan hati mereka terhadap AUKU. Sepanjang pengajian saya masih boleh dan bebas mengikuti perkembangan politik tanah air, namun sbg pelajar saya tahu dan sedar tahap keperluan saya mengikuti perkembangan politik kerana saya mempunyai tanggungjawab

sebagai pelajar ketika itu, dan tumpuan saya adalah 100% kepada pelajaran. Sayaterus belajar sehingga berjaya. Kemudian setahun selepas tamat pengajian barulah saya perasan bahawa AUKU ni menjadi satu masalah kepada sebilangan pelajar, dan pada ketika itu saya telah pun mula mengikuti dengan serius perkembangan politik tanah air. Apapun saya sedikit pun tidak merasa yang hak saya sbg seorang rakyat malaysia yang dewasa disekat oleh AUKU semasa menuntut. Pada saya tanpa AUKU ianya boleh mengundang penghasilan pelajar yang suam-suam kuku, kerana tanpa sekatan begini macam2 alasan boleh diguna atas alasan berpolitik. Sedangkan dengan adanya AUKU masih ramai lagi pelajar2 yang malas dan tidak menumpukan perhatian dan kini ditambah pula dengan satu lagi kebebasan, iaitu kebebasan berpolitik.. Mengikut pengalaman saya sebagai pelajar, mereka yang masih menuntut ini ibarat kain putih yang mana bila-bila masa sahaja mereka boleh diguna bagi menjadi alat pihak-pihak tertentu untuk kepentingan politik mereka. Saya sangat setuju dengan pandangan Tun bahawa hanya 3 hingga ke 4 tahun sahaja diperlukan untuk belajar dan mereka bebas berpolitik selepas tamat belajar. Bagi saya tiada apa yang rugi jika mereka patuh dan akur degan AUKU, namun apa yang rugi ialah produk dari Universiti yang hebat berpolitik tapi mempunyai sejarah di tendang dari universiti kerana gagal atau graduan yang mempunyai Ijazah yang layak digelar "Ijazah Cap Ayam".

By CeRminDiri on August 19, 2008 9:41 AM

Salam TUN dan Selamat Sejahtera Selalu..

Boleh dikatakan tiap tulisan tun menyentuh perasaan saya. Tulisan yang Tun lakukan ia mencerminkan diri TUN. Banyak tulisan-tulisan Tun menyentuh soal bangsa dan Negara yang tercinta. Hari ini Tun masih menulis dan terus menulis dan pembaca semakin meningkat. Apa yang saya ingin bertanya kepada Tun Apakah Tun akan terus menulis jika kerajaan hari ini bertukar kepimpinan ? Tun merasa amat sedih diatas apa yang berlaku hari ini. Ini boleh kita lihat melalui penulisan Tun.Semasa menjadi Perdana Menteri Tun mempunyai kuasa dan suara Tun membuat rakyat bangun untuk membina negara tapi hari ini tidak lagi.Semoga dengan apa yang Tun tuliskan ia akan menjadi rujukan rakyat Malaysia dan TUN MASIH BERKUASA DAN MASIH DIANGAP SEBAGAI PERNDANA MENTERI walaupun hakikatnya tidak.

By lampu basikal on August 19, 2008 9:44 AM

Assalamualaikum Tun,

Alahamdullillah Tun dapat memperjelaskan dengan baik tindakan Tun dalam pembentukkan dan mempekenalkan AUKU. Saya ingin mengucapkan setinggi tinggi taniah dan syabas atas keberanian Tun mempertegakkan kebenaran. Saya rasa banyak lagi tindakan dan cetusan idea pemikiran Tun di salah fahamkan dengan sengaja atau tidak disengajakan oleh segenlintir golongan orang orang tertentu di Malaysia ini. Kini tiba lah masa nya kita sebagai rakyat Malaysia membuka minda kita dan menyelami segala rahsia yang ada didalam pemikiran Tun Dr Mahathir. Mungkin banyak yang kita bolih mempelajari ilmu tentang karismatik cara kepimpinan Tun Dr Mahathir semasa menjadi perdana menteri Malaysia selama 22 tahun. Dengan ini kita dapat mengetahui apa yang berlaku, bagaimana ia nya berlaku dan juga apa kah tindakan sekira sesuatu itu belaku sebagai tindakan susulan dari sudut pemikiran Tun Dr Mahathir.

Dengan memperjelaskan tindakan tanduk Tun, kita dapat menerima dan mengetahui perkara sebenar dan juga hasrat yang tersirat. Saya berharap Tun dapat memberi tunjuk ajar kami warga chedet.com bagaimana cara yang terbaik dalam mengatasi segala kelemahan kerajaan yang di pimpin oleh pak lah.

Dengan rasa rendah diri, saya mengucapkan syabas kepada Tun Dr Mahathir kerana dapat memperjelaskan dengan terang dan nyata. Semoga Allah memberkati segala usaha ikhlas Tun.

Wasalam..... Hidup Tun Dr Mahathir.....

By rosea on August 19, 2008 9:45 AM

Laporan Berita Harian, 19 Ogos 2008
Siswa desak hapus AUKU

KUALA LUMPUR: Kira-kira 100 mahasiswa daripada institut pengajian tinggi awam dan swasta yang menggelarkan diri mereka Gabungan Mahasiswa Mansuhkan AUKU (GMMA) berhimpun di luar pintu Parlimen semalam, mendesak Kementerian Pengajian Tinggi memansuhkan Akta Universiti Kolej Universiti 1971 (AUKU).

Mereka yang memakai baju berwarna hitam sambil membawa sepanduk 'Akta Untuk Kuburkan Universiti' dan 'GMMA Bantah Pindaan Kosmetik AUKU' mula berarak dari Tugu Negara menuju luar pintu Parlimen pada jam 9.15 pagi.

Perhimpunan diketuai Koordinator GMMA, Ridzuan Muhammad bersama kumpulannya yang mahu menyerahkan memorandum setebal sembilan muka surat berhubung perkara itu kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin, berlarutan sehingga dua jam.

.....

Point #4 TUN..

4. Kita dapat penuntut Melayu amat berminat dengan kegiatan politik. Mereka suka melibatkan diri dengan demonstrasi jalan dan lain-lain aktiviti politik yang memakan masa mereka di universiti. Dengan ini tidak dapat tidak tumpuan mereka kepada penguasaan ilmu tentu kurang. Amatlah merugikan mereka dan masyarakat Melayu jika mereka gagal.

Saya pernah jadi pelajar IPTA pada dua zaman yang berbeza..

Sikap kebanyakan pelajar bangsa saya masih tetap sama..
dulu dan kini..

Kurang bersemangat untuk cemerlang dalam penguasaan ilmu..

TAPI amat bersemangat untuk menceburi aktiviti politik & buat demonstrasi jalan.

Kebanyakkan diakhir pengajian, kelulusan pun sekadar cukup2 makan.

Dan meningkatkan lagi statistik pengangguran di Malaysia..

Buat adik2 siswa/siswi - Fikirkanlah harapan orang yang tersayang, duit rakyat yang digunakan serta objektif pemimpin2 terdahulu dalam MEMARTABATKAN ANAK BANGSA.....

By thaiso on August 19, 2008 9:48 AM

Assalamualaikum Tun.

Korang nih...setakat buat demonstrasi nak hantar memorandum berarak sejam je,pahtu Menteri Besar nye takde pulok tu...dan-dan je korang serahkan memorandum kat wakil MB...apa kejadian korang nih?
Memalukan kaum-kaum je.

Kalu setakat macam tu..baik balik saja la,sambung belajar betul-betul.Gi kelas Adasi belajar kapankan mayat lagi bagus.

Tapi korang ni kira okey la jugak dari aku dulu...pasif.

Aku pun malas nak komen pasal AUKU ni.Tapi terbaca paper la pulok ari ni.So ada panas sikit la.Student Non bumi ingat dengan bakal ilmu profesional diaorang,diaorang boleh dikira bagus sangat ke?

Aku rasa kalu bagi can kat diaorang,diaorang lagi kreatif dalam bab mengapi-apikan perasaan orang lain ni.Macam lepaskan burung merpati ke,usung mayat ke...tapi korang ni lain, belum cukup umur.Belum baligh agaknya.

Biar je la AUKU tu.Diaorang pun bukannya hebat sangat pun.Berlagak je.Sebab diaorang takde apa-apa...Biar papa asal bergaya.

Terima kasih Tun.

By moyabira on August 19, 2008 9:48 AM

Assalamualaikum Tun,

DITUJU khas PADA pelajar Universiti terutamanya pelajar bumiputra

1. Jangan libatkan dalam sebarang bentuk demostrasi, merugikan masa anda & anda semua belum masak dalam perjuangan atau perjalanan politik.
2. Ambil kesempatan masa belajar di Universiti dengan mengambil krusus tambahan (elektif) "PUBLIC SPEAKING" atau mempelajari BAHASA asing eg. Mandarin, Kantonis, Tamil, German. Ini akan menambahkan keyakinan dan juga penampilan diri sendiri ketika anda menghadapi dunia luar nanti.
3. Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti & ko-kurikulum di Universiti eg. Tenis, pertandingan antara universiti, kemasyarakatan kerana ia melahirkan sikap berkerjasama dan juga memahami sikap berlainan agama.
4. Membuat atau membentuk satu kumpulan "study group" kerana orang melayu masih membawa sikap mementing diri sendiri dan juga kenegerian.

Kaf Yaa Ain Sod Qaa Haa

By KunPhisaid on August 19, 2008 9:50 AM

Viva Tun Berdua,

Saya sangat bersetuju dengan Tun. Selain dari hal pelajar Melayu yang kuat berpolitik masa itu, ada satu hal yang jarang diperhatikan ramai iaitu peristiwa Penawanan Pejabat NC UM oleh sekumpulan pelajar Cina. Gerakan sosialis yang merapati gerakan komunis ini sebenarnya sedang bergerak pesat diMalaysia semasa itu. Enough said on that.

Jika AUKU dihapuskan, kesannya ialah semua Universiti dan Kolej yang ditubuhkan dibawah kuasa AUKU akan menjadi terbatal... melainkan UM, USM, UKM, UTM, UPM dan UiTM. Sedikit pandangan dari saya. Dirgahayu Tun.

By wokyoh on August 19, 2008 9:51 AM

SALAM PERJUANGAN BUAT TUN YANG DIKASIHI

- 1)Saya amat bersetuju dengan no 11 tu.
- 2)AUKU perlu diteruskan kerana manfaatnya lebih besar berbanding jika ia dimansuhkan.
- 3)Orang yang kuat memperjuangkan AUKU ialah nurul izzah....sebab dia mempunyai demdam yang amat sangat kerana tidak dibenarkan bergiat aktif dalam politik untuk membela bapanya sewaktu dia masih belajar di universiti dulu.
- 4)Nurul izzah adalah contoh manusia yang mengambil kesempatan menggunakan duit rakyat untuk belajar di U dulu dan dalam masa yang sama meraih kepentingan politik peribadi seterusnya mengecewakan rakyat dengan menjadi pembangkang kepada kerajaan..contoh pelajar yang tak kenang budi rakyat.kekalahan shahrizat di lembah pantai bukan melambangkan kekuatan izzah tapi menggambarkan kelemahan kerajaan paklah.rakyat membuat undi protes. kalau ikut persidangan di parliment...apa yang izzah boleh buat kerana masih mentah dan mentaliti budak-budak lagi...makan gaji buta je la...
- 5)mungkin kalau anwar menang dan jadi pm nanti...semua ahli keluarga dia termasuk ayah,adik beradik,pak mertua,ipar duai dan anak cucu dia yang akan jadi menteri-menteri boneka....kerana dia lah bapa segala kroni dan rasuah di malaysia ini....contohnya...

artikel dari editorial blog ini...

Adakah orang ramai percaya kepada Akuan Bersumpah oleh Bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, beberapa tahun lalu? TIDAK! Orang ramai terutamanya penyokong Anwar Ibrahim (termasuk orang PAS) tidak akan percaya kepada Akuan Bersumpah itu.

Alasan mereka ialah "Itu semua konspirasi politik" untuk menjatuhkan Anwar.

Apa Akuan Bersumpah Datuk Abdul Murad itu? IQRA: Dalam Akuan Bersumpah itu dikatakan bahawa: Anwar Ibrahim menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan dengan mewujudkan lebih 20 AKAUN induk bernilai RM3 BILION (TIGA RIBU JUTA RINGGIT), untuk mencapai cita-cita politiknya.

Satu daripada akaun khas itu bernilai RM200 juta, yang mana dananya dikumpul dan dikendalikan oleh Ketua Pegawai Operasi Phileo Allied Berhad, Tong Kooi Ong, untuk kepentingan Anwar.

Abdul Murad, mengaku beliau diarahkan oleh Anwar supaya membantu beberapa individu tertentu yang rapat dengan Anwar, sama ada untuk melunaskan hutang mereka atau mengisi dana pertubuhan yang mereka terajui.

Antara orangnya ialah Dr Chandra Muzaffar; Marina Yusof; peguam Faiz Abdullah; Ketua Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC), Douglas H Paal dan Datuk Nasaruddin Jalil.

Tong, menurut Akuan Bersumpah itu, membuka akaun induk bagi menyalurkan sumbangan kewangan kepada Anwar, sebagai membalas budi Anwar.

Murat mengakui bahawa melalui pengelibatannya sendiri, beliau mengetahui sekurang-kurangnya sembilan pihak, termasuk Anwar, dibayar wang daripada akaun induk berkenaan, semuanya berjumlah RM121 juta dalam tempoh 1992 hingga 1997.

Mengikut Akuan Bersumpah itu, pecahan pembayarannya ialah:

- * Anwar sendiri - RM50 juta;
- * Tan Sri Abdullah Ahmad - RM5 juta (Dolah Kok Lanas manafikan menerima duit itu);
- * Datuk Nasaruddin Jalil - RM10 juta;
- * Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC) dan Douglas H Paal - AS\$10 juta (RM38juta);
- * Institut Kajian Dasar - RM5 juta;
- * Aliran dan Dr Chandra Muzaffar - RM5 juta;
- * Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) - RM5 juta;
- * Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) - RM2 juta;
- * Sebuah yayasan Islam berpusat di Amerika Syarikat - RM1 juta.

Abdul Murad memberitahu bahawa Anwar mengarahkannya membantu menyelesaikan lebih RM10 juta hutang Dolah Kok Lanas yang ketika itu menjadi wakil khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Murad berkata beliau membantu Dolah Kok Lanas berunding untuk menyelesaikan hutang berjumlah RM7 juta. Sebanyak RM5 juta diambil daripada akaun induk manakala baki RM2 juta menggunakan wang Dolah dengan jualan tanah.

Murad juga mengatakan dalam Akuan Bersumpahnya itu bahawa Anwar mengarahkannya membantu Marina menjelaskan hutang dengan bank tempatan membabitkan lebih RM20 juta.

Murad kemudiannya menyerahkan permohonannya kepada Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) untuk memajukan tanah Marina Yusof (selama ini orang yang angka bahawa Kompleks Marina itu adalah milik Marina binti Tun Dr Mahathir) di Jalan Tun Razak iaitu Kompleks Marinara. Panel TPU meluluskan permohonan itu dan Marina amat berterima kasih kepada Anwar.

Murad juga memberitahu bahawa Anwar turut memberi arahan kepadanya supaya membantu kumpulan Datuk Nazri Abdullah untuk mengambil alih NST (New Straits Times Press - syarikat yang masa itu menerbitkan akhbar New Straits Times, Berita Harian, Malay Mail, Harian Metro dan majalah) daripada Renong.

Murad kemudiannya berbincang dengan Seow Lun Hoo dan Quek Leng Chan daripada Hong Leong Bank dan mereka mencadangkan Nazri menggunakan MRCB untuk mengambil alih saham NST.

Murad mengaku beliau membantu mengaturkan pinjaman melalui Maybank untuk Nazri membeli MRCB dan pinjaman lain untuk MRCB membeli NST.

Murad juga memberitahu bahawa beliau dan Seow Lun Hoon juga diarahkan Anwar membantu Faiz yang juga bekas wartawan dan bekas pegawai Cawangan Siasatan Khas untuk memiliki kepentingan dalam Kewangan Usaha Bersatu Berhad (KUBB) yang kemudiannya dimiliki oleh Idris Hydraulic Berhad.

Murad memberitahu bahawa beberapa bank iaitu Hong Leong Bank, Hong Leong Finance, Sime Bank, RHB Bank, Southern Bank dan BSN Commercial Bank digunakan untuk membantu mendapatkan pinjaman membeli saham KUBB yang melebihi RM400 juta.

Murat juga membuat kenyataan bahawa Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC) yang menerima AS\$10 juta (RM38 juta) adalah satu daripada jentera utama Anwar untuk mempromosi imejnya di Amerika Syarikat dan Eropah.

Murad juga memberitahu bahawa beliau bertanggungjawab mengatur sumbangan AS\$10 juta itu kepada agensi Tabung Matawang Antarabangsa yang diketuai Paal, bekas pengarah kanan Majlis Keselamatan Nasional Amerika Syarikat.

Murad juga memberitahu bahawa Tong yang menguasai Phileo Allied, diarah oleh Anwar supaya mengambil isteri Mohd Azmin Ali (bekas Setiausaha Sulit Anwar), Shamsidar Taharin bekerja dengannya dengan diberi gaji lumayan, kereta dan pemandu sedangkan Shamsidar tidak perlu bekerja.

Jadi bagaimana sekarang? Banyak lagi yang editorialblog boleh dedahkan, terutamanya untuk menyedarkan orang PAS. Editorialblog tak marah pada orang PAS atau PKR atau Melayu DAP. Cuma FIKIRKAN! Kerana Anwar Ibrahim tidak mahu dan tidak pernah bercerita mengenai wang ini. Anwar juga tidak dapat menjawab segala tuduhan dalam Akuan Bersumpah Murad itu dan Anwar juga tidak menyaman Murad kerana memfitnahnya menerusi Akuan Bersumpah itu. FIKIR... FIKIR...FIKIR LAH..

WOKYOH

By cendanawangiAuthor Profile Page on August 19, 2008 9:52 AM

~~~~~  
Tun,

Ayat terakhir daripada posting Tun:

"Jika hari ini penuntut lebih dewasa dan bertanggungjawab batalkan sahaja AUKU. "

Saya bersetuju dengan saranan itu.

Tetapi penuntut belum cukup dewasa. Belum cukup bertanggungjawab. Tumpukan dahulu perhatian kepada pencarian ilmu. Termasuk ilmu politik. Memang ramai yang tidak faham pun. Kenapa? Kerana malas belajar. Termasuk belajar ilmu politik. Main ikut-ikutan sahaja.

Ramai yang menjadi mangsa manipulasi.

Ramai yang ikut emosi. Ramai yang gagal belajar. Malas dan gagal itu dijadikan alasan. Sebenarnya sebagai escapism sahaja...

Anehnya ramai yang bersemangat membangkang. Yang diminati ialah mencari kesalahan. Bukan kesalahan diri sendiri. Yang kerajaan buat untuk membantu mesti mereka fikir, tak betul. Yang pembangkang kata semuanya benar.

Batalkan sahaja AUKU sekarang dan marilah kita lihat betapa bercelarunya pelajar melayu.

---

By ekangAuthor Profile Page on August 19, 2008 9:54 AM

Salam Tun & Bloggers,

#### AUKU - LIHAT SECARA MENYELURUH

Jelas dapat kita lihat bahawa tindakan Tun memperkenalkan AUKU adalah suatu tindakan yang menyeluruh dan berjangka panjang untuk kepentingan mahasiswa (amnya) dan bangsa Melayu (khususnya). Akan tetapi sayang sekali perkara ini tidak disedari oleh mahasiswa-mahasiswa yang berdarah muda, yang tidak sabar-sabar untuk berkecimpung di dalam kancah politik.

#### MAHASISWA - JANGAN MENYESAL DI KEMUDIAN HARI

Point #8 yang ditulis oleh Tun adalah amat benar sekali. 3~4 tahun pengajian di Universiti bukanlah suatu jangka masa yang lama untuk dihabiskan. Selepas tamat pengajian, mahasiswa bebas untuk berpolitik sepenuh masa. Mahasiswa harus sedar bahawa alam sebenar kehidupan bermula sebaik sahaja mereka melangkah kaki keluar dari Universiti. Tanpa kelulusan yang baik, peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik juga tertutup. Tanyalah kepada semua insan yang pernah bergelar mahasiswa, yang sewaktu mereka di Universiti dahulu tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan gred yang baik. Rata2 mereka menyesali zaman Universiti dan berharap jika masa dapat dilayari kembali, pasti mereka akan belajar bersungguh-sungguh.

#### POLITIK TANAHAIR - APA KESUDAHANNYA?

Politik Malaysia hari ini telah memecahbelahkan bangsa Melayu. Jika dahulu perjuangan bangsa Melayu ialah bersatu untuk kemerdekaan dan berjuang mendapatkan pembebasan dari British/Jepun/Komunis, hari ini perjuangan bangsa Melayu ialah menentang bangsa Melayu itu sendiri. Alangkah ruginya wahai bangsaku sendiri. Think about the solutions, not the problems.

#### PERPADUAN - TANYA DIRI SENDIRI

Perpaduan boleh dikatakan tinggal pada nama dan tidak lagi diamalkan secara konsisten. Tanyalah diri anda sendiri, bilakah kali terakhir anda menyanyikan lagu Negaraku sambil berdiri tegak di sebelah rakan berbangsa lain, seperti mana yang pernah anda lakukan di sekolah rendah?

By Abi Qalam on August 19, 2008 9:57 AM

Assalamualaikum Yg Bhg Tun,

Saya mengerti dan faham niat Tun untuk menjadikan siswa melayu lebih berusaha untuk maju didalam akademik dan tidak dinafikan, namun, sedikit sebanyak AUKU telah menyekat pembinaan ideologi siswa dan 'kesejukan' ini telah menyebabkan siswa kita lebih beku dan jumud dalam hal-hal ber'politik' biarpun sesudah tamat pengajian. Kita lihat pergerakan siswa yang telah terhasil dalam 25 tahun kebelakangan ini kurang 'kick' dan lemah dari aspek perjuangannya. Serupa dengan lembu dicucuk hidung.. Semoga AUKU dapat digubal dasarnya untuk membangkitkan semangat siswa, oleh yang demikian mogamoga siswa-siswa dapat bangkit dari kemelut masalah sosial yang AMAT teruk melanda.

By truthseeker on August 19, 2008 10:00 AM

Salam kepada YAB Tun dan rakan2 bloggers,

1. Pelajar2 yang menentang AUKU majoriti adalah mereka yang rasa sudah matang tetapi sebenarnya tidak kerana termakan hasutan pembangkang untuk menentang AUKU.

2. Majoriti yang menentang adalah kerana salah satu daripada larangan dalam AUKU ialah dilarang berdemonstrasi. Saya perhatikan dari dahulu lagi aspek ini yang ditekankan kerana mereka mahu mendemonstrasi, lebih2 lagi menyokong pembangkang.
3. Banyak aspek lain yang bertujuan untuk mencegah mereka daripada hilang fokus belajar tidak dihalusi...mungkin kerana tidak cukup matang dan tidak cukup inteligen. Sudahkah para pelajar IPT membaca AUKU? Atau setakat mendengar hasutan pembangkang? Where's your brain man? I was a student leader too way back many many years ago and I stopped my friends from being influenced by Anwar who instigated the students by telling them about people dying in Baling becos of poverty - it was a big lie. Anwar continues lying until now. I was 19 then, but I used my brain, not my heart. You used your hearts too much you're opening the doors for the satan.
4. AUKU has to be there becos most malay students are too emotional, easily influenced, not assertive..that's why the opposition loves about you..to use you la bodo...Kasi panas sikit, sudah naik angin..why la so dumb?
5. The non-malay students have grudges against the govt too, but when there are studying, they really focus, get excellent results, then they will join the opposition (not all of course). Likewise, the malay students should concentrate on their studies, get thru with flying colors, get a job, then like what Tun said, using your own monies, go ahead fight the govt if you want to, join that idiotic bar council, join the gangster-like PKR, etc.
6. Tun knew back then in the 70s that most malay students were not matured enough, not independent enough, emotional and to ensure they would not get into trouble, Tun suggested the AUKU. Obviously those students who are serious about studies will not complain about AUKU cos AUKU helps them to be excellent...only those idiots who have little brainwork, too emotional (putting down logic)will be influenced to go against AUKU. Yesterday we saw some of them in front of Parliament.
7. If they're serious about getting matured in the political process, demonstration is not the only wayla bodo...you're there in IPT, get infos, read, browse, discus, debate, 1001 ways to improve your thinking. Demonstration will take you nowhere but disrupt our economies,create conflicts, etc. Take a look at those ruffians and gangsters working for Anwar in Permatang Pauh...you students will behave like them if there's no law guiding you. DEmos will promote mob riot.
8. VCs are supposed to regulate the students, ensure that the output tallies with the input, e.g.,1000 inputs equal 1000 outputs but not mediocres. In the states (US) most univ have retention programs, which is actually programs to ensure weak students graduated. VCs and academicians themselves must try to understand AUKU, discuss with your students the spirit of AUKU.
9. Just like any religions,laws, regulations, AUKU is there becos there are people out there who are not matured, not responsible, not intelligent enough...as Tun put it, if they're ready, independent, matured, responsible, not only AUKU, but other laws too can be put aside. But I don't think so..as long as there's satan, we have to have guidelines (religions, laws,etc).
10. Parents too, you cannot leave your kids alone just becos they're at IPT. If you can read, read about AUKU and explain to your kids. AUKU is to help them. AUKU is not stopping them if they are excellent or the fasttrack types, AUKU helps to create condusive atmosphere for serious students to study n focus (if not the bad attitude students may disrupt and give the good students a hard time), AUKU helps them to become better citizens...no gambling, no partying, no boozing, no indiscipline...etc.
11. I was told by some ex soldiers on how they saved the students during 13th May 69 incident..how they allowed the students to step on their backs to go up the trucks becos there were no ladders! Such sacrifice to save the students, to ensure they will finish their schools and become better citizens....unlike the oppositions that will instigate and when these idiotic students fail, the oppositions are gone, nobody helps them. So, AUKU and Tun are there to help you students to excel in your studies, get good jobs, to raise your families, be good citizens, to prosper our beloved Malaysia.

12. AUKU, Tun's brainchild is to help us, not to destroy us. But satan will always whisper to us so that we get rid of good stuffs, i.e. getting rid of AUKU becos if stops us from doing the nonsense (gambling, fighting, partying,demonstrating,etc). AUKU boleh selamat kita di dunia dan akhirat...take a look at AUKU before you attack it. I KNOW WHY MOST OF THOSE AGAINST IT ARE THE EXTREME MALAYS AND NON-MALAYS, I KNOW WHY....

YAB Tun, again you've shown us how to look at a bigger picture and to think thru in everything we do...not a piecemeal kind of approaches in life.

By aju\_baizuraAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:02 AM

Akum,

Dr Mahathir

Saya rasa AUKU diperkenalkan oleh Tun adalah untuk membantu anak Melayu yang mundur kerana kurang kemudahan untuk mendapatkan ilmu. Sesuatu keputusan yang Tun buat memberi impak yang besar kepada rakyat dan negara.

Tapi tak ramai yang 'nampak', atau mereka buat2 'tak nampak'. Mungkin mereka dah biasa menipu diri sendiri agaknya.

Melihat pergolakan politik dalam negara harini amat menyedihkan. Isu2 sensitif, yg tak patut dibangkitkan, yg telah diingatkan berkali2 supaya tak disentuh nak juga diperbesarkan.

By FaizalRizwan on August 19, 2008 10:06 AM

salam TUN!!

adalah menjadi tanda tanya bagi saya apabila kerajaan memutuskan untuk menyemak kembali AUKU supaya pelajar dibenarkan untuk terlibat dalam politik dan ahli politik dibenarkan untuk memasuki universiti bagi menyampaikan pandangan dan ceramah mereka..kerajaan nampaknya tersilap langkah...aduuyyaaii..hancur lah pelajar2 nie...

By AloQStaQAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:06 AM

Assalamualaikum Ayahanda Kesayangan Rakyat Jelata ...

Semoga Ayahanda sihat walafiat dan terus diRahmati Allah SWT...

Bagi saya, AUKU patut dikekalkan buat masa ini demi menjamin mutu pengajian IPT mencapai tahap maksimum tanpa gangguan dari unsur-unsur yang boleh merosakkan pelajar ... terutamanya bergiat secara "menggil" dalam bidang politik - Bukanlah untuk menyekat kebebasan dan demokrasi, tapi sekadar menyekat perkara-perkara yang buruk (negatif politik), yang mana ianya boleh menggugat perkara-perkara yang baik (aitu belajar sepenuh tangungjawab)...

Bersuaralah melalui saluran yang dibenarkan. Itu Demokrasi juga ... Bukanlah kerajaan meletakkan AUKU itu untuk menyekat secara keseluruhannya 100% dari pelajar IPT bersuara ... Kerajaan nak pelajar-pelajar dapat menumpukan seluruh perhatian khusus kepada pelajaran... MUNGKIN ini dikatakan ALASAN KERAJAAN, tetapi inilah yang kerajaan fikirkan yang terbaik untuk pelajar IPT - Bukan memberi advantage kepada mana-mana parti politik.

Itu dari kaca penglihatan peribadi saya ...

Tun berdua yang dikasihi,

Semoga terus bahagia dan ceria. Semoga terus sihat, kuat dan bertenaga sepanjang masa. Semoga Allah terus memberikan Rahmat dan umur yang panjang kepada Ayahanda dan Bonda berdua untuk terus memberi nasihat berguna kepada kami yang dahagakan ilmu dan idea Tun ... Aminn Ya Robbal

Alaminnn ....

AloQStaQ

<http://AloQStaQblog.blogspot.com>

By ctfiza on August 19, 2008 10:06 AM

Assalamualikum? dan salam sejahtera  
inilah akibatnya mahasiswa dan mahasiswi bumiputera yang sebetulnya tidak layak ditempatkan di tempat mulia menara gading kerana kelulusan yang cukup2 makan je.  
berangan nak jejak kaki ke U walaupun keputusan atas pagar.  
bila dah dapat tempat sebab kat U banyak tempat kosong bumiputera  
maka belajar takat lulus je la.  
bila mahasiswa dan mahasiswi dah tanam dalam kepala otak asal lulus je dah bagus.  
maka matlamat untuk belajar jadi no 2 atau tiga.  
pas tu mengidam macam2 menunjuk sesama teman siswa&wi aku ada handphone paling latest.  
pas tu mula lah cari kerja part time  
sampaikan tergamak niaga lendir sendiri  
sebab nak nunjuk kat teman siswa&wi aku punye hanphone lagi latest  
matlamat nak hidup mewah yang tertanam dlm kepala otak siswa&wi menjadi agenda utama  
walhal mak bapak kat kampung bergolok bergadai tanah  
antar ko gi U.  
sedarla siswa&wi kat U tempat belajar 100%  
tumpukanlah perhatian sepenuhnya utk belajar  
5 tahun bukannya lama kat U tu  
jangan le ngabiskan duit kita orang yang bayar cukai nie  
dah grad nanti buat le ape korang suke  
nak menganggur sampai mampus pun tak pe  
nak belagak pakai handphone latest pun tak pe  
nak niaga lendir sampai kene HIV pun tak pe  
nak bla...bla... bla... pun tak pe ...  
(siawa&wi bumiputera memang dapat keje jawatan PENGANGGUR pun sebab grad pun tak de kualiti.  
tokey manelah lah nak ambik korang keje kalau keputusan leh campak dlm longkang je)

pikir le sendiri korang siswa&si lagi pandai ko nak belajar ke ape?

By Lost AborigineAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:06 AM

dear Tun Mahathir,

We have to control their behavior and they have to behave as a student where there are certain barrier they must obey. We have seen how Anwar Ibrahim brought the UM student to do street protest and it was really bad in the eyes of multi-racial nation. We have seen how the student kicked Suharto out of his office too. University students are told to study and learn the best knowledge and not to rebel against the government policies.

I am quiet regret or disappointed to see the UiTM students act of riot against Selangor MB which is not necessary at all. The 10% quota should be discussed in Parliament first and only can be implemented upon approval. I believe that UMNO is sparking fire to burn the national peace and freedom by rising some stupid issue that is not necessary. We already had AUKU. Why abolish? We should learn from Indonesia when university get WILD and Erected.

By hangleku on August 19, 2008 10:07 AM

salam Tun,

Saya akui AUKU yang diperkenal oleh Tun telah banyak berjasa kepada bangsa Melayu sebenarnya. Tetapi sejak akhir-akhir ini para pelajar universiti semakin lantang mempertikaikan akta tersebut. Dulu semasa saya menuntut di Universiti Islam Antarabangsa, pelbagai gerakan mahasiswa

diwujudkan dengan tujuan yang satu iaitu untuk memansuhkan AUKU.Saya sebagai seorang pelajar jurusan kejuruteraan ketika itu tidak pernah ambil peduli dengan semua gerakan tersebut kerana apa yang penting bagi saya sebagai mahasiswa Melayu Islam adalah menuntut ilmu untuk mendapatkan segulung ijazah.Saya tidak pernah merasa susah,bermasalah atau yang sewaktu dengannya dengan adanya AUKU tersebut.Bagi saya apa yang penting adalah membuktikan kepada kaum lain bahawa kita orang Melayu mampu menguasai bidang kejuruteraan yang dianggap sukar oleh sesetengah orang kita (khasnya yang aktif dengan gerakan mansuhkan AUKU).Alhamdulillah berkat usaha dan doa semua saya berjaya lulus dengan agak cemerlang dan sekarang telah pon menjadi seorang Jurutera di salah sebuah syarikat petroleum terkemuka negara.

Sedarlah wahai sahabat-sahabatku khasnya para mahasiswa yang sedang aktif memperjuangkan gerakan mansuhkan AUKU bahawa matlamat utama anda sekalian adalah menuntut ilmu.Jangan dek sibuk berpolitik di kampus,pelajaran kamu terabai,membazirkan wang rakyat.Cukuplah kawan baik saya seorang menjadi korban 'ketagihan' politik kampus hingga membolehkan beliau 'grad' awal dari yang sepatutnya.

Fikir-fikirkan lah wahai sahabat-sahabatku sekalian.Setiap apa yang berlaku ada hikmah disebaliknya,begitu juga dengan wujudnya AUKU tersebut.

moga Allah berikan kesihatan untuk Tun sekeluarga  
By iskandar on August 19, 2008 10:08 AM

Assalamualaikum Tun, semoga Tun sihat selalu..

Merujuk kepada kenyataan Anwar Ibrahim yg menyatakan bahawa pada tahun 2002 Tun pernah membangkitkan isu menyarankan UiTM dibuka kepada bukan bumiputera,betul ke??

Berkenaan AUKU saya cukup sokong tindakan TUN dan berterimakasih kepada TUN kerana memperkenalkan AUKU kepada kami. Cuba tengok apa yg Menteri Pelajaran dan Menteri Pendidikan Tinggi buat sekarang,ada tak satu benda yg bermanfaat dan mampu tingkatkan kemampuan bumiputera? Mereka lebih habiskan masa melayan karenah sebilangan guru-guru dan pendidik yg hanya pandai meminta sahaja.

Kalau boleh saya harap TUN dapat beri sedikit pandangan kepada kami bagaimana hendak meningkatkan kesedaran dan prestasi murid-murid yg berada diluar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak..

By Hesmel Faznee Faisal on August 19, 2008 10:09 AM

Salam..

Tun, sebenarnya apa yang kita perlu lihat di sini ialah sifat kematangan pelajar di dalam berpolitik. Mereka sering cenderung untuk bersifat "partisan" daripada bersikap "non-partisan".

Apabila sesuatu isu dibangkitkan, ada yang lebih ingin bersikap "anti establishment". Dan ini telah mendesak sesetengah pihak untuk "meneutralkan" kebanyakan daripada mereka yang berdiri atas pagar menyatakan sokongan kepada Kerajaan.

Ini yang menyebabkan berlakunya pertembungan ideologi antara kedua pihak.

HESMEL FAZNEE FAISAL..

By iskandar on August 19, 2008 10:21 AM

Saudari rosea saya sokong pendapat awak

Mari kita tanya semua saudara-saudari kita yg berkursus sekali dengan anggota Gabungan Mahasiswa Mansuhkan AUKU (GMMA) trutamanya dengan Koordinator GMMA, Ridzuan Muhammad,apakah pencapaian AKADEMIK mereka ini?? Adakah CGPA mereka 3.5-4.0 atau cukup-cukup makan sahaja?

Mari kita sedarkan penuntut bakat graduan kita semua sama ada melayu,cina dan india bahawa tanpa melibatkan politik NEGARA di Universitidan menumpukan terhadap pelajaran,mereka mampu berjaya. Kalau nak aktif politik tu aktif lah dalam politik kampus.Bermula lah secara perlahan-lahan kecil-kecilan dulu memperjuangkan kebijakan pelajar di Universiti anda dahulu dan memperolehi segulung ijazah.

Bagi saya yang membayar cukai ini,kepada pelajar universiti yang menerima pembiayaan daripada kerajaan sama ada dalam bentuk biasiswa atau pinjaman,kalaulah ada cara untuk saya menyaman mereka ,kalau mereka gagal mendapat ijazah,maka saya akan saman dan tuntut setiap sen yang saya bayar cukai kerana mereka telah menyalahgunakan kemudahan dan duit saya.

By hml on August 19, 2008 10:21 AM

assalamualaikum  
Tun dan pengujung chedet

Isu yang patut diberi tumpuan oleh para pelajar....tumpukan perhatian 100% terhadap pengajian, kuliah, tugas, peperiksaan.  
banyakkan perbincangan dan pembacaan bahan ilmiah, ekonomi, sosial...dll.

lepas habis study, nak buat apapun...ikut suka la...jangan sampai langgar undang2 negara sudah....

wslm

\*\*teringat masa study dulu2.....3-4thn tu rasa mcm cepat sangat.....  
By harry on August 19, 2008 10:26 AM

Anak2 sekarang sudah melupai erti "untung" dan tidak hirau "rugi". Harap2 mereka in sedar, terhadap, kalau tidak kerana yang lama, manakan ada yang baru. Kalau tidak kerana keras nya yang lama, tentu rapuh yang baru. Kalau trend anak2 sekarang tidak berubah, yang rapuh akan menjadi hancur.

Harap, hati, semangat, dan akal2 mereka2 ini di isi, dengan visi2 realistik, dan di beri gambaran jelas kepada mereka, jika gagal nya mereka memperbaiki prestasi kaum pribumi.

Apa yang ada pada nama jika, tanah sudah tiada.

Wasalam.  
By Dr.Siddiq AzaniAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:28 AM

DILEMMA ANWAR - BECOMING PM OR IN JAIL AGAIN??

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/08/19/will-anwar-make-it/>  
By wakjebon on August 19, 2008 10:28 AM

sallam buat Tun dan rakan bloggers, saya rasa pelajar2 kita (pelajar melayu) hari ni dah tau nak membezakan antara intan dan kaca.mereka kini sudah terlalu taksub dgn pendekatan satu bentuk berpolitik yang mereka sendiri tak berapa nak faham.carilah satu bentuk mekanisma yang boleh membantu mereka sedar akan kesilapan mereka ini dan tanggongjawab mereka yang sebenarnya. Hanya jauhari yang mengenal maknikam.

By Dr.Siddiq AzaniAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:31 AM

AUKU harus dikekalkan, tetapi diubahsuai supaya dapat memberi sedikit kebebasan kepada pelajar..

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/07/22/kepada-datuk-vc-uitm/>

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/08/13/we-are-not-competent-enough/>

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/08/12/video-uitm-students-exercising-their-freedom-of-speech/>

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/08/12/the-conflicting-state/>  
By abu bakar awang sp on August 19, 2008 10:31 AM

Assalamualaikum TUN,

Terima kasih kerana penjelasan TUN yang cukup bermakna. Namun tak ramai yang mempunyai kesedaran. Ramai yang gemar untuk mempersoalkan sesuatu yang tidak membawa apa-apa manfaat pun kepada diri serta kepada orang Melayu. Padahal yang lebih penting adalah menggerakkan agenda membangunkan agama dan bangsa. Pada saya, asas yang TUN dah bina, sudah cukup berkesan, cuma teruskan sahaja untuk kecemerlangan bangsa dan negara. Tak ramai yang mampu menghayati isi hati dan pemikiran TUN, atau kepentingan peribadi mereka membuatkan mereka tidak memahaminya.

Terima kasih TUN, semoga diberkati Allah.

By strawberry1128Author Profile Page on August 19, 2008 10:36 AM

Salam kepada semua pembaca,

Daripada petikan Tun, jelas kita tahu, tujuan AUKU diperkenalkan.

Bolehlah saya katakan-sebenarnya ia diperkenalkan untuk meningkatkan murid-murid Melayu dengan sebab-sebab yang dituliskan diatas.

Dari pihak Tun sebagai pemimpin negara pada masa itu - tidak perlu kita cabar akan tujuan AUKU.

Tetapi, sebelum perkara ini diperkenalkan secara rasmi, adakah perlunya perbincangan diadakan ? Terutama sekali kepada pakar-pakar akademik dan pelajar-pelajar universiti.

Masalah sekarang ialah, AUKU tidak disambut baik oleh mereka, mahupun setengah-setengah ahli politik.

Apabila sesuatu diperkenalkan, pemimpin yang memperkenalkannya melihat dari sudut positif saja. (mungkin pula, sudut negatif disedari olehnya). Ini adalah umum kepada pemimpin yang berwibawa.

Selepas bertahun-tahun ia diperkenalkan, suara-suara dari semua pihak sudah cukup untuk membuat kesimpulan tentangnya.

Adakah ini masa matang untuk kita mengaji secara teliti dan mengambil kira mereka yang bersuara?

Biar pun batal atau sambung kemudian semestinya tidak akan mendatangkan masalah yang sebesar sebelumnya.

Inilah perkara yang seharusnya kita selidik.

Adakah kita sanggup buat demikian?

By zack\_edry on August 19, 2008 10:36 AM

askum Tun,

Saya setuju dgn AUKU, ia harus diteruskan...saya faham tindakan Tun memperkenal kan AUKU. Sikap sesetengah pelajar yg sibuk dgn politik akan menjelaskan pelajaran mereka. Seperti MPP biarpun ianya mainan politik dalaman U, ia sedikit sebanyak menjelaskan pelajaran walau pun bukan semua. Dalam 3-4 thn lepas saya ade terbaca satu artikel berkenaan pointer pelajar yg menjadi ahli MPP di IPTA semuanya dibawah paraf 3.

Seperti perhimpunan UiTM baru2 ni, sebagai bekas pelajar UiTM, saya mmg sama skali tidak setuju dgn kemasukan non-bumi ke dlm UiTM. Tetapi siapa kata dlm UiTM xde non-bumi? ade program integrasi...lg satu Intec kt seksyen 17 tu semua kaum ade. Kepada pelajar UiTM, duk diam n blaja je la. Cuba dapatkan pointer yg bagus coz susah nk carik kje sekarang ni jika xde experience. Lupekan politik ok?

Sy bukan penyokong pembangkang tp terfikir kenapa ketika MRSM dibuka kepada non-bumi oleh kerajaan,tiada siapa yg membangkang?????? kenapa?????? kerajaan terus buka tanpa minta pendpt rakyat,yg ketika itu lupa yg MRSM milik MARA yg selama ini menjadi teras pembangunan pendidikan Melayu.

Lagi teringat sy satu seorg pensyrah sy(melayu) ade beritahu yg salah satu reason UiTM tidak mendapat tempt sebagai Universiti terbaik dunia adalah sebab UiTM bukan multi-races U. Biar pun menang berapa byk pingt geneva. Pendedahan media dlm isu Tan Sri Khalid - UiTM ni terlalu berat sebelah dan menakut2kan mereka yg kurang arif serta cepat melatah tentang sesuatu isu(jangan jadi Pak Lah ok?). TV3 siarkan berita tersebut seperti wartawan mereka xcari berita lain untuk penuhkan mase buletin utama selama satu jam.

Kenapa ketika Pak Lah keluar statement yg suatu hari nanti tidak mustahil PM M'sia akan dtg dr non-bumi, tiada siapa pun membantah??? sy rasa ini lg teruk,bayangkn PM kite bukan melayu... jgn kate uitm, semua hak keistimewaan melayu boleh hilang. Kepada pelajar UiTM, fikir2 kan la...

Kesimpulannya sy yakin UiTM akan kekal sebagai Universiti utk bumiputera. Tiada siapa ingin melakukan keputusan yg xpopular dlm sesuatu isu kecuali Pak Lah. Sekali lg sy tegaskan kepada semua pelajar U, belajar je la....jgn jadik mcm Anwar time study dlu, asyik duk demonstrasi sampai la ni.....n jgn cepat melatah mcm pak lah.....

p/s: Tun, tiap2 minggu nampak Tun kt masjid negara,tp xsempat nk keja salam...huhuhu!!!

By suzain on August 19, 2008 10:36 AM

AYAHANDA TUN,  
ENTAHLAH KDG2 SAYA RASA PENAT MEMIKIRKAN SIKAP ORG MELAYU NI.YG PALING  
MENYAKITKAN HATI PANDAI TAK BERTEMPAT. LETIHLAH AYAHANDA. NASIB BAIK ADA  
AYAHANDA DAN SEMUA BLOGGERS KAT SINI, SEKURANG2NYA SAYA TAU RAMAI YG  
SEPENDAPAT DGN KITA(CEWAH). APAPUN PERJUANGAN BELUM SELESAI. AYAHANDA JANGAN  
RISAU SAYA DAN SEMUA DISINI AKAN SENTIASA BERSAMA2 DGN AYAHANDA. TERUSKAN  
PERJUANGAN.

ALWAYS AND ALWAYS LUV YOU AYAHANDA.

WE MIS YOU SO MUCH

By C-bOkAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:37 AM

Tun,

Sebagai bekas pelajar dan kini ayah kepada anak-anak yang belajar, saya berpendapat Akta berkenaan wajib di perkenalkan dan dipertahankan. Anak-anak kita sepatutnya menghabiskan masa belajar mereka dengan belajar. Bukan lama pun, cuma beberapa tahun sahaja di dalam usia mereka. Mereka boleh berpolitik selepas tamat pengajian.

Kenapa sibuk nak berpolitik masa belajar? Ibu bapa mana yang sanggup membiarkan anak-anaknya sibuk dengan politik sehingga gagal di dalam pengajian mereka?

<http://c-bok.blogspot.com>

By Mob RulesAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:38 AM

Dearest Tun,

Rightfully said.

Do not mix education with politics. Do not waste education by dabbling in politics bigger than one can handle.

Complete the education and with the knowledge acquired, use it wisely to help the community not to destroy it.

Else education wasted.

<http://wtfmalaysiangovernment.blogspot.com/>

By suzain on August 19, 2008 10:39 AM

AYAHANDA TUN,  
ENTAHLAH KDG2 SAYA RASA PENAT MEMIKIRKAN SIKAP ORG MELAYU NI.YG PALING  
MENYAKITKAN HATI PANDAI TAK BERTEMPAT. LETIHLAH AYAHANDA. NASIB BAIK ADA  
AYAHANDA DAN SEMUA BLOGGERS KAT SINI, SEKURANG2NYA SAYA TAU RAMAI YG  
SEPENDAPAT DGN KITA(CEWAH). APAPUN PERJUANGAN BELUM SELESAI. AYAHANDA JANGAN  
RISAU SAYA DAN SEMUA DISINI AKAN SENTIASA BERSAMA2 DGN AYAHANDA. TERUSKAN  
PERJUANGAN.

ALWAYS AND ALWAYS LUV YOU AYAHANDA.

WE MIS YOU SO MUCH

By Cest La Vie on August 19, 2008 10:40 AM

Assalammualaikum TUN,

Pada pandangan saya, TUN tidak bersalah dalam mewujudkan AUKU. Saya juga masih bergelar pelajar, namun saya rasa AUKU itu amat penting bagi mereka yang bergelar mahasiswa dan mahasiswi.

Tanpa AUKU, saya rasa tidak akan wujudnya keharmonian dan perpaduan di dalam Universiti itu sendiri. Cuba anda bayangkan sekiranya AUKU itu tidak diwujudkan. Berapa ramai pelajar-pelajar yang akan bertekak sesama sendiri, berapa ramai pelajar-pelajar akan berkelahi sesama sendiri. Semuanya semata-mata ingin menegakkam fahaman kepartian masing-masing. Percaya lah, tidak ada sesiapa yang akan beralah.

Saya akui, memang benar apa yang diperkatakan oleh TUN. Memang ramai pelajar melayu yang berminat dengan politik. amat ramai. Tetapi sekadar pandai bercakap dan sekadar ingin menuju pandai. Ada juga dikalangan mereka ini terikut-ikut sahaja dengan kawan-kawan mereka untuk terjun ke lembah politik remaja.

Pada pandangan saya, tidak ada salahnya AUKU itu diwujudkan. dan pada dasarnya, Universiti itu ditubuhkan atas dasar untuk menimba ilmu agar kelak pelajar-pelajar ini akan menjadi manusia yang berguna kepada masyarakat, bukannya untuk memperjuangkan fahaman politik masing-masing. Universiti bukan gelanggangnya.

Masa kini, terdapat bermacam-macam medium seperti blog, forum-forum yang boleh dicapai oleh pelajar bagi bertegang urat dan terpekkik terlolong dalam melontarkan pandangan mereka. Namun, kenapa harus dijolok juga status AUKU itu?

Setiap perkara di dunia ini mesti mempunyai peraturan dan larangan. tidak ada perkara yang bebas di dunia ini. Kebebasan yang tiada had kelak akan merosakkan sesebuah sistem dan manusia itu sendiri juga.

Timbalah ilmu sehabis-habisnya semasa masih lagi bergelar penuntut. Bukannya lama, hanya 3/4 tahun sahaja. Selepas itu, berpolitik lah anda di luar sana. Nama pun penuntut, orang yang menuntut. Jadi tugas anda adalah menuntut bukan menjadi ahli politik murahan.

Tun,

Saya bangga mempunyai Perdana Menteri seperti Tun. Saya Bangga melalui zaman remaja saya di bawah pentadbiran TUN. Bukanlah disini saya mengagung-agungkan TUN, tetapi saya amat mengagumi pemikiran Tun. Pemikiran Tun yang jauh kehadapan.

Saya harap, pada masa akan datang akan lahir individu seperti TUN.

sekian,

By stilettosAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:40 AM

apasal la diaorg ni susah sgt nk belajar? banyak betul cari alasan nk itu nak ini...nk meningkatkan jati diri la, kedinginan la..letih ok!!

saya pon bekas budak "U". Dulu haram la saya nk amik peduli pasal politik (one of the reason was because, I know Dr.Mahathir is capable to monitor everything). So, kesimpulannya adakah dengan jahilnya saya tentang politik dulu

....menjadikan saya seseorang yang tidak menghargai pengorbanan negara? (Tidak)

....menjadikan saya "dingin" dan tak tahu nk pangkah siapa masa buang undi? (Tidak)

....menjadikan saya tidak bersemangat nasional?(Tidak)

kerana saya belajar dan belajar tanpa peduli pasal nk berpolitik or whatsoever la yang buat saya lebih menghargai segala-galanya.

sekarang saya sudah berjaya dan tidak menggangur. sekurang-kurangnya saya berjaya menaikkan taraf bangsa saya dengan jawatan yg disandang dalam pada masa yg sama saya tetap setia mencintai Malaysia dan tk pernah miss buang undi! Itu yang penting. So korang semua adik2 mahasiswa / siswi...Belaja jer la. Apa susah sgt? Kalau aku jadi senior korang ni, dah lama la kene basuh ni.

Pendek kata...korang ni student Melayu la..mengada-ngada ok!!!

By fazumi on August 19, 2008 10:46 AM

salam semua....

salam juga buat insan yang dihormati...tokdir...

semalam beberapa kali saya cuba untuk memberi respon..tapi tak dapat...cuba pulak pagi ni...alhamdulillah dapat...berkobar2 rasanya...heheheheh

saya juga seperti para komentor2 jgk...bekas pelajar U...di bangi...  
tak dinafikan zaman saya belajar dulu...sebelum saya...selepas saya...saya rasakan fenomena yg sama...isu yang sama dicetuskan oleh pelajar yang kononnya mempunyai akal yang bijak...tapi bukan bijaksana...

masa kat 'u' dulu, saya tak suka kepada politik kampus kerana terlalu ekstrem...hingga rela abaikan kuliah...buat assignment last minit...bila ditegur...dijawabnya untuk kepentingan pelajar...kepentingan siapa sebenarnya...saya tengok lebih kepada kepentingan orang2 politik di luar sana...

bagi saya, untuk berpolitik di kampus boleh tapi biarlah kena pada tempatnya...ni tak siap ada yang bertumbuk bertampar...fenomena yang sama di luar alam belajar...

syukur, adanya AUKU...ia membataskan pergerakan student2 yg melampau dalam politik...tapi masih lagi yang tak sedar diri menyatakan student2 ditindas sebab adanya AUKU...agenda siapa sebenarnya nih???seolah2 student2 'u' dan kolej dijadikan pelapis untuk agenda2 politik tertentu...

tapi bagi saya...AUKU tidak membebankan tapi bagi orang yang terlalu agresif tak tentu hala...maka dikatakan beban dan harus dimansuhkan...

sekarang saya dah tamat pengajian dgn 2nd class...dan mempunyai firma sendiri...pekerja sendiri...dan sekarang sudah mula berjinak dlm politik...tu pun atas pujukan dan sokongan keluarga dan rakan2..

maknanya...semasa kat 'u' saya tak pun berminat jadi perwakilan pelajar...jadi calon pemilihan pelajar...tapi bila dah ada status sendiri...orang akan pandang kita dgn cara yang tersendiri...

saya selalu ingat kata2 tun dalam satu dokumentari yang dah lama dulu, mgkn masa tuh saya bersekolah rendah...kalau nak jadi ahli politik kena kaya...kena kumpul duit sendiri...untuk bantu orang lain...baru boleh jadi ahli politik...kata2 ini lah yang mendorong saya untuk berusaha...sebab sekarang kalau nak jadi ahli politik kena ada wang baru orang pandang...betul tak tokdir???

tapi sekarang orang masuk politik sebab nak kaya...begitu kuatnya kuasa wang dari pahala...

By ReenAuthor Profile Page on August 19, 2008 10:49 AM

Assalamualaikum Tun,

Seingat sy ketika di pusat pengajian, terdapat sebilangan sahabat2 sy yg tidak bersetuju dan menentang AUKU ini. Dengan alasan mereka mahu bebas bersuara. Pernah juga bertegang urat kerana sy tidak bersetuju dgn pendapat mereka.

Kenapa pula masa yg ada utk belajar dihabiskn utk berpolitik? Berkobar2 untuk berdemonstrasi tp sejauh mana fahaman mereka tentang apa yg diperjuangkn?ada yg terikut2 dgn ajakan rakan tanpa mengkaji terlebih dahulu.Gunakanlah masa belajar sepnuhnya untuk pengajian. Kajilah dalam2 ilmu dan sejarah politik sebelum menyertai dgn serius.Sudah berjaya dgn kelayakan akademik, terpulanglah untuk mencorak pimpinan negara.Tetapi janganlah berpandukan emosi, peribadi, tindakan melulu.Kajilah sejarah individu dan parti yg mahu disokong.Fikirlah dgn rasional dan pandangan yg jauh ke depan.

Tun, sy tidak bersetuju AUKU dibatalkn buat masa ini.Jelas, penuntut kini masih belum matang dan blum mampu bertanggungjawab dgn tugas mereka yg sebenar.

By azmiej on August 19, 2008 10:50 AM

Salam Ayahanda,

Anything at all that you had introduced, either politics, economy or social well being of this country had you then prescribed the best dosage in healing all those sickness. Now everybody is healthy and wealthy and those dosages no longer take effect its time to ambush your wrongful prescription that you had prescribed earlier. It's just another epitomize of saying how glad they are of your prescription but not the kind of prescription that they preferred.

Ayahanda why rela di Marah? Offcourse you cannot stop them of speaking their mind as they are now so grown up, educated and wealthy and where did they got all these? If an Ayanda has given everything but still the anakanda did no make through or tak menjadi is it the Ayahnda faults. The change that must take place is so simple yet can't be done but it is very embarrassing that they had all enjoyed your very nurturing of effort. It is very sad to see that now everybody is taking an opportunity not the kind of opportunity that might alleviate the situation but bombarding you instead. Sometimes I wonder are we been brought-up to blame our fathers if we fail to keep-up with our father's standard. I guess you "rela di Marah" to satisfy their "Marah" for their own "Marah" failure.

wassalam

By sdahenanAuthor Profile Page on August 19, 2008 11:02 AM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HI TAALA WABAROKATUH

Yang di hormati lagi di sayangi Ayahanda Tun dan Bonda Siti Hasmah

Satu lagi penerangan yang jelas dari ayahanda Tun.

Sudah menjadi kebiasaan bagi budak2 yang baru masok universiti.mereka berasa megah kerana konon nya dapat masok ke menara gading tanpa mereka sedari bahawa itu lah satu permulaan perjalanan mereka untuk menghadapi dunia sebenar nya yang tiada penghujung nya sehingga maut datang menjemput mereka.

Seperti biasa,orang2 yang sakit akan di beri ubat yang pahit untuk menyembuhkan penyakit mereka dan adakala perlu di bedah dan itu lah YANG SEBENAR NYA APA YANG AYAHANDA TUN LAKUKAN DEMI UNTUK MENYEMBUHKAN PENYAKIT2 ITU SEBAGAI SEORANG BAPA DAN SEBAGAI SEORANG DOKTOR.

Anakanda sentiasa menunggu ulasan2 yang bernalas dari Ayahanda Tun supaya dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan anakanda.

TO ANBA: The Law of Karma DON'T APPLIES to us the malays and the muslim because we have only the so called SOAL JAWAB KUBUR dan this do not applies to the non muslim.

You can give me millions of the non muslim world class graduates.i'm not bothered even as tiny as a dust as long asa they are non muslim because they do not know the so called "SOAL JAWAB KUBUR" Everybody knows that the FIRST HUMAN BEING ON EARTH WERE ADAM AND EVE (NABI ADAM DAN SITI HAWA) .They were neither malay.indian,chinese,sikh,europeans etc,etc ,etc, but for your information THEIR RELIGION IS ISLAM because for us muslim ,he(ADAM) was one of the 124,000 prophets in ISLAM.

SO WHY THERE WERE SO MANY RELIGION EMERGED AFTER ADAM DIED?.

ONLY YOU ALL THE NON MUSLIM CAN ANSWER THIS.

Not all muslims and the malays a good and ther are more bad muslim and malays than the good ones but no matter how bad the mnuslims are or the malays are (as long as he/she is a muslim) HE WILL DEFINITELY FACE THE SO CALLED "SOAL JAWAB KUBUR"

Same goes to the non muslim.not all are bad in the sense of living as a human being but in the matter of religion ,i cannot comment but i'm dead assure they (the non muslim) don't have the SOAL JAWAB KUBUR.WHAT I HAVE BEEN MADE TO UNDERSTAND WAS "ONLY STRAIGHT TO THE ????"

So as for Tun Dr.Mahathir ,being a muslim and of course the malay,he BEING A LEADER to a nation,will try his best to bring and to do the best for his country/nation and the rakyat of Malaysia with HONESTY because he too knew that he will have to answer the SOAL JAWAB KUBUR.

DO YOU STILL THINK THAT HE STILL HAVE TIME TO BE RACIST?

I DON'T THINK SO. ONLY THOSE WHO WERE SHORT SIGHTED,DIRTY MINDED,HAVE HIDDEN AGENDAS,LOYAR BURUK,TRYING TO BE SMART WILL STILL THINK -HE IS.

Semoga Ayahanda Tun dan Bonda selalu berada di dalam limpahan Rahmat ALLAH SWT.

Alif Lam Mim

WASSALAM

By HAMMER HEAD on August 19, 2008 11:02 AM

Assalamualaikum buat yang dikasih Ayahanda Tun. Dr. Mahathir.Semoga ayahanda Tun sekeluarga

dan warga chedet.com diberkati oleh ALLAH SWT serta RASULULLAH SAW.

Kadang-kadang saya terfikir, ada suatu konspirasi yang maha hebat dan maha tersusun untuk memusnahkan bangsa Melayu dibumi yang tercinta ini secara yang maha halus yang telah berjalan sekian lama.

Pertama DADAH. Boleh dikatakan dipusat-pusat SERENTI para penghuninya 90% bangsa Melayu. Siapakah pengedarnya?

Kedua POLITIK. Dulu DAP (parti anti-Melayu) sekarang PKR (Parti Keling Ramai) yang sanggup jadi pengkhianat bangsa dengan cadangan menghapuskan DEB dan sekarang isu UITM. Untuk dapatkan undi Cina dan India sanggup matlamat menghalalkan cara. Siapakah dalangnya?

Ketiga MELAYU. Ada sebahagian Melayu yang makan Melayu! Fikirkanlah sendiri...

Keempat AUKU. Walau apapun terjadi AUKU mesti dipertahankan.

Terima Kasih.

By amnesia on August 19, 2008 11:03 AM

Assalamualaikum w.b.t,

Salam sejahtera diucapkan kepada Tun. Saya tertarik untuk memberikan komen berkenaan isu AUKU nie.. Saya merupakan bekas pendukung gerakan Pro Aspirasi semasa di universiti dahulu.. pada pandangan saya AUKU mempunyai banyak kebaikan daripada keburukan. Dengan adanya AUKU para mahasiswa dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran "tanpa gangguan dari unsur-unsur yang boleh merosakkan pelajar". "MEREKA" yang mahukan AUKU ini dimansuhkan terdiri daripada segelintir golongan fanatik penyokong pihak pembangkang yang berjuang tanpa arah tujuan dan akhirnya golongan-golongan inilah yang berjaya "MENAMATKAN PENGAJIAN SEBELUM SAMPAI WAKTUNYA". Pada pandangan saya, AUKU langsung tidak membebankan mahasiswa dan tidak perlu diubah/digubal/dimansuhkan sekiranya tujuan/nawai itu seseorang mahasiswa di menara gading "BETUL" untuk mengengam segulung ijazah. Malahan ada mahasiswa (segolongan besar) yang tidak pernah tahu pun tentang kewujudan AUKU ini (boleh buat survey kalau tak percaya). So, kenapa perlu dilayan permintaan yang mengarut nie??? Akhir kata, AUKU perlu DIPERTAHANKAN. tolonglah.. demi agama, bangsa dan negara.

By pendin on August 19, 2008 11:22 AM

assalamulaikum,

saya tak setuju dengan cadangan TUN. Minta maaf.

alasan saya: pelajar-pelajar perlu bebas bersuara untuk menuntut hak-hak mereka bila-bila masa, perkara ini boleh menimbulkan ciri-ciri atau sifat manusia yang bijak.  
(bijak=cerdik=mahasiswa/mahasiswi)

kecerdikan manusia bukan hanya pada sijil sahaja atau (ulat buku) atau pada keputusan yang cemerlang (Above CGPA:3.00), manusia akan menjadi bijak dengan menambah satu lagi perkara iaitu

PENGALAMAN. Peroleh ilmu dengan buku atau dari pensyarah dan kemudian pergunakan ilmu itu untuk kehidupan ini. ilmu tak perlu simpan. sekarang ni ramai lepasan mahasiswa yang berjaya hanya jadi pak turut (bodek) dan tak ikut ilmu yang dipelajari dahulu. ilmu yang tak dipakai, tak dak guna manusia itu.

By babwahid on August 19, 2008 11:29 AM

Salam hormat Tun,

Saya masih ingat di tahun-tahun 70an dan 80an dulu, boleh kata setiap hujung minggu ada saja demonstrasi yang di tunjuk pelajar Universiti berkaitan isu-isu semasa, kekadang hal yang remeh temeh pun mereka tunjuk perasaan. Wal hal ada yang tak tahu menahu isu tertentu, tetapi saja ikut suka-suka untuk meramai.. Mereka ni sebenarnya di peralat oleh orang-orang tententu untuk tujuan politik. Sebab pelajar ni kira terlindung dari tindakan mahkamah atau di tahan polis. Hingga lah akta AUKU Tun keluar baru lah agak redah sikit tiada lagi tunjuk perasaan jalanan pelajar di adakan. Tahniah lah kepada Tun kerana memperkenalkan akta itu, kalau tidak mungkin hingga sekarang pelajar universiti terus di peralatkan oleh orang-orang politik supaya menunjuk perasaan jika ada sesuatu isu yang bertentangan dengan fahaman mereka.

By azari on August 19, 2008 11:29 AM

aUKU BAGUS...

ayahanda bonda antor U suruh belajor...  
apa le ke baldi nooo kome ni....  
udah fail sbb sibuk nak berdemo...  
balik nyusah mak ayah..mana ke akal kamu ni...

habih U.. koje..nak terbalik ke..nak politik ke ...lantak kome,,

tapi U tempat belajor...aku belajor juga dulu..tapi heboh pun politik  
jadik juga ketua bahagian...udah le tu...AUKU yg TDM buat ada baiknya..

By soupich on August 19, 2008 11:32 AM

Asalamualaikum YABhg TDM dan semua

Saya cadangkan supaya mana-mana pelajar yang berminat dengan mana-mana parti politik supaya tajaan/pinjaman mereka ditarik balik, tetapi sebaliknya ditaja oleh parti-parti politik yang mereka sokong dan disokong oleh mereka.

Dengan cara ini, kerajaan tidak akan membazirkan wang kepada mereka yang tidak cenderung untuk menggunakan peluang dan masa untuk belajar bersungguh-sungguh.

apabila mereka berjaya nanti bolehlah mereka membantu parti-parti yg telah mereka sokong.

saya harap cadangan saya ini tidak akan melingkupkan mereka, tetapi itulah yang dimahukan oleh mereka dan pendokong mereka.

mohon maaf, wassalam

By oshkosh on August 19, 2008 11:33 AM

salam Tun,

dulu semasa masih belajar kat universiti memang saya sendiri tidak berapa setuju dengan AUKU... memang rasa terkongkong tetapi disebabkan ingat tujuan utama saya disana maka tidak 'memberontak'.. sekarang, bila dah keluar bekerja dan fikir balik zaman belajar dulu baru sedar & nampak tujuan sebenar.. TERIMA KASIH TUN..

By HasJebatAuthor Profile Page on August 19, 2008 11:35 AM

Apabila Tun menguatkuasakan AUKU, ia merupakan seperti kata mat salleh "Blessing in disguise." Masih ingat lagi saya semasa saya menuntut di UM ramai yang membazirkan masa, tenaga dan wang rakyat untuk mengadakan demonstrasi seperti demonstrasi sempena lawatan PM Thailand ketika itu, Titikachorn ke Negara ini. Saya tidak nampak sebarang manfaat, melainkan untuk Sdr. Anwar Ibrahim mencari publisiti untuk menjadi wira. Ramai juga rakan-rakan yang melibatkan diri ditangkap polis dan di lock-up. Mereka yang terlibat ini bukan sahaja memboikot kuliah tetapi juga menyerbu ke bilik-bilik mengganggu kuliah-kuliah yang sedang berlangsung. Berhampiran Perpustakaan UM terdapat speaker's corner yang sentiasa terdapat mereka (semuanya dari golongan Melayu) yang menyuarakan ucapan yang membakar perasaan yang memesongkan kiblat anak bangsanya dari tumpuan menimba ilmu yang sebenarnya. Kebanyakan ucapan berbau anti-establishment walaupun ramai daripada mereka berpeluang menjekakkan kaki di menara gading itu adalah mereka yang ditaja dan dibiayai oleh kerajaan. Syukurlah Allah telah memberikan ilham kepada Tun menguatkuasakan AUKU sebelum yang tak diingini berlaku dengan lebih kompleks kepada anak bangsa kita..

Saya masih ingat lagi satu forum di Dewan Kuliah F, Arts Concourse UM. Di antara ahli panel adalah Tun sebagai Menteri Pelajaran. Ahli-ahli panel yang lain adalah terdiri daripada pemimpin parti-parti pembangkang. Seorang demi seorang daripada mereka bercakap dengan mendapat sorakan yang

bergemuruh dari mahasiswa yang membanjiri dewan kuliah itu. Sampai giliran Tun sorakan bertukar menjadi boo – ejekan dari penonton. Ada yang menjerit menghalau Tun nyah dari situ. Tetapi Tun memang seorang pemimpin yang berkeliber. Tun pandai membendung perasaan dan bijak mengawal penonton. Sorakan mengejek bertukar menjadi sorakan apresiasi dan akhirnya persesembahan Tun memperolehi “standing ovation”. Mulai dari itulah saya nampak seorang tokoh pemimpin yang amat berwibawa di Negara ini. Tun memang telah membuktikan ketokohan pemimpin yang berwibawa, yang cekal, yang bijaksana dan berwawasan tanpa tolok bandingnya selama Tun menerajui kepimpinan Negara ini. Namun hingga kinipun Tun masih dapat mengekalkan kewibawaan itu. Allah peliharakanlah kesejahteraan pemimpin yang bertuah ini.

By fadzlie on August 19, 2008 11:37 AM

Assalamualaikum Tun Dr. Mahathir yang dih...

Pada pendapat saya, AUKU memang wajar dilaksanakan tetapi dengan beberapa pindaan supaya pelajar Universiti tidak kelihatan lesu dan pasif apabila berhadapan masyarakat. Bagaimanapun pelajar seharusnya tidak mengikuti demonstrasi jalanan kerana merugikan masa dan tenaga mereka.

By azhar abdullahAuthor Profile Page on August 19, 2008 11:40 AM

Salam Tun n Readers,

Saya belajar di salah sebuah universiti di Arab Saudi selamat empat tahun...

Arab Saudi amat 'mengongkong' pelajar dan penuntut universiti dari sebarang aktiviti berbentuk politik...tiada langsung ruang, malahan lebih ketat dari AUKU...

Tetapi...

Hasil proses pendidikan dan pembelajaran di Arab Saudi memang terbukti berkesan...rata-rata negara Timur Tengah yang lain (yang negaranya penuntut bebas beraktiviti) tidak dapat menghasilkan graduan sebaik Arab Saudi...

Kesimpulannya, masa belajar tu elok lah hanya belajar..dah selesai buatlah apa yang nak...takut yang dikehjaka tak dapat, yang dikendong berciciran...

Salam

By marzuki on August 19, 2008 11:40 AM

Tun,

Semoga Allah sentiasa melimpah rahmat buat diri Tun dan keluarga.

Saya merupakan salah seorang hasil produk universiti tempatan. Saya yang berasal dari kampung telah di beri peluang belajar di sekolah berasrama penuh di Utara semenanjung. Kalau mengikut keputusan peperiksaan pada masa itu, saya memang tak layak masuk ke asrama tersebut, tapi telah di beri peluang oleh pihak kerajaan. Saya percaya kerajaan bertindak demikian untuk menolong Bumiputra agar berjaya setanding dengan kaum-kaum lain yang telah berjaya. Saya dengan kepercayaan tersebut telah belajar bersungguh-sungguh agar semua harapan negara menjadi kenyataan.

Dari Sekolah Berasrama Penuh, saya layak melanjutkan pelajaran ke Universiti Tempatan dengan kelayakan penuh. Saya mengaku saya amat bangga dapat melanjutkan pelajaran saya ke universiti tempatan. Apa yang saya lihat, ramai orang melayu kita kurang bersemangat dalam menuntut ilmu walaupun di peringkat Universiti. Sepertimana yang dinyatakan Tun, orang melayu ini suka sangat dengan hiburan, melepak dan bergosip tetapi orang bukan melayu amat tekun dalam pelajaran mereka.

Dengan adanya AUKU pun, banyak pelajar melayu kita membuang masa dengan bergosip dan berpolitik, cuba bayangkan jika AUKU tidak di perkenalkan. Sebenarnya AUKU tidak menyekat perkembangan

mental para pelajar. Saya semasa di Universiti, saya aktif dengan persatuan, ada aktiviti bersama masyarakat, ada ruang untuk berdebat tapi yang dilarang cuma politik kepartian. Saya sampai hari ini pun tak pernah merasa kurang apa-apa pun dari segi ilmu.

Saya amat bersetuju dengan TUN bahawa tugas pelajar adalah menuntut ILMU. Banyak ilmu di dunia ini, belajarlah. Kalau nak berpolitik pun, tunggu lah sampai keluar Universiti, bukannya lama pun, 4-5 tahun sahaja. Pada masa itu, berpolitiklah malah kita dapat berpolitik dengan ilmu yang penuh di dada. Bayangkan kalau kita gagal dalam pelajaran kita, nak berpolitik pun orang tak percaya, tidak yakin.

Sekian, terima kasih TUN  
By RAJA BALOK on August 19, 2008 11:47 AM

Salam.

Ini adalah pertama kali sy memberikan komen kepada artikel-artikel tun. Saya tertarik dengan isu dan penjelasan mengenai AUKU yg diutarakan oleh tun. Pada pandangan saya sebagai org kampung, anak seorang nelayan pula, dengan kehidupan yang tak seberapa ini, isu AUKU tak perlu wujud langsung. Isu AUKU ini ditimbulkan oleh segelintir ahli politik semata-mata bertujuan merosakkan minda pelajar agar memberontak. Ini kerana, mereka ini mengetahui bahawa, pemikiran pada waktu bergelar pelajar inilah mudah untuk dimanipulasikan. Dalam tempoh pra-matang pelajar inilah mudah bagi mereka membisikkan kepada pelajar hal-hal yang akan menimbulkan perasaan keliru dalam diri pelajar terbabit, kemudian timbulla macam-macam perkara yang tak sepatutnya ada dalam diri seorang pelajar, contohnya POLITIK! Ramai orang-orang politik tahu, pelajar boleh dijadikan benteng dan senjata dalam arena politik, contohnya telah ader satu ketika dulu, dimana DSAI telah menggunakan para pelajar untuk mengadakan demonstrasi, tujuannya tidak lain hanya bermotifkan politik semata-mata, begitu juga sekarang. Saya amat tidak bersetuju jika AUKU dipindah atau dimansuhkan, jika ini berlaku, maka para pelajar tidak lagi mengejar ilmu, tetapi akan sibuk mengejar jawatan dalam politik, bukan berjuang untuk bangsa dan tanah air, tetapi peribadi semata-mata. Kepada semua pelajar melayu, tuntutla ilmu demi bangsa kita, agama kita, dan tanah air kita. Ayah saya selalu pesan kepada saya, " Belajar la tinggi-tinggi, agar jadi orang yang berguna kepada masyarakat kelak."

Saya berpegang kepada pesanan itu sehingga kini, ilmu yang saya tuntut, adalah semata-mata untuk membangunkan masyarakat saya dikampung saya sekarang.

sekian...

By Shamsulfahmi Shamsudin on August 19, 2008 12:04 PM

Dear Tun

Salam..

Semoga Tun sekeluarga sihat dan ceria selalu..

AUKU is one of your one of your very unpopular legacy. People will always question it but I believe the current / future nation's leaders will think many times before abolishing it..for what it stands for and well explained by your article..... if they can think like you, of course..

Students will normally have fragile mind and easily influenced. Full stop.

I remember few of my uncles (when they were students) who being sacked from Politeknik Ungku Omar just by joining the riots in Baling long2 time ago... conducted by guess who, Mr Perfect, Anwar Ibrahim.. Yes, it takes a lot of talent of one man to influence students.. he.. he.. he.. and get away with it.. My uncles do have regrets... but what to do... they have been ABUSED...

If students today want to be used as tools by interested parties go ahead.. Justify it... Make sure to look at your CGPA too, is it worth the parents' investment/scholarship/loan for your studies...

Nuff said..

Tun, I love you...

By Auta Karut on August 19, 2008 12:04 PM

Assalamualaikum Y Bhg Tun,

Saya menyokong penuh pendapat Tun ini. Berbanding dengan mahasiswa yang dihantar menuntut ilmu keluar negara, kebanyakan pelajar universiti tempatan kita tidak kemana, yang suka berdemonstrasi pula berfikiran dangkal hanya tahu menghabiskan duit pembayar cukai dan kerajaan. Mereka lupa kesusahan ibu-bapa di kampung. Dapat biasiswa pula dihabiskan dengan membeli motosikal, berfoya-foya dengan girlfriend, membeli telefon bimbit, menambah credit h/p, tengok wayang dsb. Yang sedikit berlebih duit pula suka mengubahsuai kereta iaitu satu perbuatan dan tingkahlaku yang sangat membazir, langsung tidak bersyukur, tidak ingat akan kesusahan orang lain dan ada yang kebulur di negara ketiga yang lain. Meraka ini menganggap diri mereka cerdik tetapi sebenarnya mereka cuma dapat masuk universiti hanyalah kerana mereka rajin baca buku semasa ingin mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang diajar dalam Bahasa Malaysia. Cerdik/pintar dan rajin belajar adalah dua perkara yang berbeza. Apabila diajak berdebat dalam Bahasa Inggeris mereka terkebil-kebil tak tahu apa. Akhirnya apabila keluar nanti (jika lulus) mereka tidak dapat bersaing dalam dunia pekerjaan yang lebih kompleks di luar sana.

Golongan ini terlalu perasan menganggap diri mereka kononnya golongan terpelajar sedangkan ilmu yang mereka ada hanyalah secebis sahaja. Bila cakap bertegang urat tetapi bila keluar universiti macam tikus monyok ingin mendapat simpati kerajaan dan para majikan asing bagi mendapat pekerjaan.

By zebramones on August 19, 2008 12:09 PM

Apa nak jadi  
Hari-hari berita sensasi

Apa nak jadi  
Asyik-asyik ada demonstrasi

Apa nak jadi  
Pelajar sudah pandai berdemonstrasi

Apa nak jadi  
Bukan Melayu semakin berani

Apa nak jadi  
Pak Lah tak reti nak berenti

Apa nak jadi  
Anwar tak mengaku ada kroni

Apa nak jadi  
Tiada siapa kita boleh undi

Apa nak jadi?  
Apa nak jadi??  
Apa nak jadiiiiii.....  
By zamra69 on August 19, 2008 12:09 PM

Asmkm,

Kebanyakan pelajar Universiti yang berdemonstrasi supaya AUKU dimansuhkan adalah terdiri dari pelajar melayu. Pelajar-pelajar melayu ini yang kebanyakannya juga berasal dari ceruk-ceruk, kampung-kampung dan hulu-hulu kebanyakan negeri di Malaysia yang sebelum ini mungkin tidak tahu apa AUKU itu sendiri dan bagaimana AUKU ini merupakan satu benteng kecil supaya mereka tidak

terlalu terlibat secara langsung dengan politik tanah air terutamanya.

Pergilah siasat pelajar-pelajar tersebut..adakah keputusan peperiksaan mereka terlalu cemerlang?? Adakah setiap kursus atau subjek yang diambil mendapat A atau sekurang-kurangnya B+?? Adakah mereka faham semua akta di dalam AUKU itu sendiri.?? Adakah keputusan peperiksaan mereka sebaik kebanyakan pelajar bukan melayu.??

Pihak universiti juga perlu menasihati mereka bahawa AUKU merupakan satu halangan bagi mereka untuk tidak melibatkan diri secara langsung dalam hanya satu sudut kecil dalam urusan negara terutamanya politik. Sebenarnya terlalu banyak perkara berfaedah lain yang mereka boleh lakukan untuk mengisi masa lapang. Membuat kerja kebajikan dalam kampus, berpersatuan mengikut tertib, bersukan maupun beribadat serta berbagai-bagai kegiatan yang boleh meningkatkan prestasi pelajaran mereka..Jika terlebih lagi masa mereka maka "BELAJAR"..

Ibubapa mengharapkan anda "BELAJAR" ketika menerima tawaran masuk universiti. Apakah nasihat ibubapa ketika mengantar mereka ke universiti. Adakah mereka dinasihatkan untuk "berpolitiklah ketika berada di universiti"..saya berpendapat tidak ada seorang ibubapa pun yang menasihati anak mereka begitu. Tentu sekali ibubapa berkehendakkan anak-anak mereka "BELAJAR"..

Sebagai generasi yang pernah melalui kehidupan di kampus dahulu..sebenarnya AUKU yang diperkenalkan kepada pelajar Universiti itu langsung tidak dirasa kehadiran dan penguatkuasaannya jika kita betul-betul menumpukan kehidupan universiti kita dengan belajar. Jangan hanya ikut rentak orang lain. Perlu ada prinsip dan pendirian sendiri. Prinsip ke universiti adalah "BELAJAR" bukan nak "BERPOLITIK".

Jangan menghabiskan duit ibubapa anda dengan melakukan kerja yang belum sepatutnya anda ceburi. Jangan habiskan duit penaja atau duit rakyat..Apa yang pelajar universiti perlu lakukan adalah "BELAJAR"..

Pada pandangan saya AUKU patut dikekalkan. Tidak perlu diubahsuai, dilonggarkan apa lagi dimansuhkan. Kerajaan pula, jangan hanya untuk menjaga hati pelajar universiti disebabkan tiada sokongan dari kalangan remaja atau belia ketika PRU 12, maka terus pula nak dikaji AUKU tersebut. Gunalah ruang lain seperti memperbanyakkan lagi forum ilmiah antara pelajar bersama menteri supaya mereka dapat menyuarakan pandangan serta idea secara tertib dan bernes..

By Tun Dr Marvellous on August 19, 2008 12:10 PM

Salam Hormat kpd Tun n Famili serta Bloggers,

I see, FOUNDER of AUKU (Akta Universiti dan Kolej Universiti) ketika Tun sebagai Menteri Pelajaran. Tahniah! saya ucapkan pd TUN.

Begitulah Melayu yg digelarkan meLAYU "longlai" tetapi kalau pasal hiburan nombor SATU, Terpekkilolong baik dalam nyanyian atau pun berontak. Melayu dari kecil lagi memang suka bermain sahingga sudah besar jadi budayu LEPAK, REMPIT, JUAL DIRI dan sebagainya.

Bila belajar MALAS suka ambil jalan mudah utk masadepan bila tidak capai apa yg dimahukan mula lah itu mereka berontak dan bermacam2 lagi.

Apabila melihat bangsa lain maju bermula lah HASRAT DENGKI,KHIANAT,MENGUMPAT,CEMBURU,PERKAUMAN,BUSUK HATI,'HYSTERICAL'kerana marah dan lain2.

Kebanyakkan org Melayu Islam bersikap 'HYPOTHESIS' memikirkan AKHIRAT (Hidup selepas Mati). Dah lah hidup didunia susah, merana, azab, ketinggalan dan sebagainya "bila mati esok lusa masok NERAKA" terutama kpd para memakai SARBAN. Diri sendiri belum BETUL, nak betulkan org lain.

Memakai Sarban dan Tudung itukan budaya Arab kenapa tidak pakai SONGKOK dan SELENDANG budaya Melayu????

Kita bukan 'terpaksa', sepatutnya "MEMANG" menerima hakikat bahawa ramai penuntut Melayu dan bumiputra lain yang diterima masuk universiti memiliki kelulusan yang kurang 'memuaskan' daripada penuntut bukan Melayu... sebab LEMBAB...dari segi Sain dan Matematik.

Harus diingat bahawa pembiayaan bagi tiap-tiap penuntut samada yang dapat biasiswa atau tidak datang daripada duit rakyat dan juga non-Bumiputra (Bayar Cukai). " MELAYU MUDAH LUPA", "MELAYU MUDAH LUPA", "MELAYU MUDAH LUPA", MELAYU MUDAH LUPA"..DIRI.....!.

"Jangan suka makan Budi/Jasa orang lain sebab kita akan tunduk dibawah org yg Berbudi/Berjasa kpd kita".

S.A.M

By renee' on August 19, 2008 12:12 PM

salam sejahtera buat Tun & pembaca semua..

Terima kasih Tun diatas kesudian Tun menjelaskan tentang AUKU ni.Saya juga bersetuju dengan Tun , sebagai pelajar eloklah dihabiskan dulu pelajarannya . Jalankan tanggungjawap sebagai anak dan generasi muda seperti yang diharapkan.Masa yang ada singkat,adalah lebih baik menggunakan masa terluang untuk belajar bahasa2 perhubungan antarabangsa.Pada pelajar bumiputera khasnya, jangan ghairah berpolitik .jika anda gagal menjalankan tanggungjawap sebagai pelajar, bgmana nak buktikan diri anda sebagai pemimpin yang baik.Fikir2kanlah..

Pada Tun dan keluarga,semoga Allah senantiasa merahmati Tun sperti selalu.Amin  
By dinzi on August 19, 2008 12:13 PM

Salam Untuk Ayahanda Tun sekeluarga dan Para Bloggers

SEMARAK HATI APABILA MEMBACA ARTIKEL-ARTIKEL AYAHANDA TUN. AUKU SESUATU YANG PERLU BAGI MEMBATASKAN PELAJAR-PELAJAR U MEMBABITKAN DIRI DALAM DUNIA POLITIK.

SESIAPA YANG BUAT PENELITIAN DAN KAJIAN DARI ZAMAN 1970-AN HINGGA SEKARANG PUN, YANG PASTINYA PELAJAR MELAYU LA YANG PALING AKTIF DENGAN POLITIK. DARI ZAMAN ANWAR IBRAHIM HINGGA SEKARANG.

MAK BAPAK & ORANG KAMPUNG BERHABIS DUIT HANTAR BELAJAR KE UNIVERSITI PADA AWALNYA. DAH MASUK UNIVERSITI RAMAI YANG TAK BELAJAR SUNGUH-SUNGGUH, AKTIF BERPERSATUAN. BAGUS KALAU BERPESATUAN TAPI MALANGNYA BUDAK-BUDAK MELAYU NIE MENCEBURI PERSATUAN BUKAN JENIS ILMIAH SEPERTI PERSATUAN YANG MENJURUS KEPADA BIDANG PELAJARAN MASING2, INI PERSATUAN AGAMA, SENI YANG TIDAK BERKAITAN DENGAN JURUSAN YANG DIAMBIL. MANAKALA PELAJAR BUKAN MELAYU CEBURI BIDANG-BIDANG JURUSAN PELAJARAN MEREKA SEPERTI PERSATUAN PERAKAUNAN, KIMIA, PERNIAGAAN DLL.

SELAIN ITU PULA BUDAK-BUDAK MELAYU JUGAK LA YANG JADI WAKIL-WAKIL PELAJAR, AKTIF BERTANDING MPP KEMPEN SANA SINI. MAKA HAL BELAJAR TOLAK TEPI DAN AMBIL MUDAH SAJA. KALAU DENGAR ISU-ISU LUAR KAMPUS MAKAN TERPEKIK-PEKIK BERPIKET PENGARUH PELAJAR MELAYU LAIN JOIN. BUDAK-BUDAK BUKAN MELAYU TENGOK JE DAN SIBUK MENTELAAH NAK SEDIA UNTUK MID-TERM TEST ATAU FINAL. ITULAH SENARIO BUDAK-BUDAK

MELAYU DI KAMPUS. BELAJAR LEBIH KURANG JE. ASAL DAPAT IJAZAH TAK KIRA KELAS BERAPA TAK KISAH. MENTALITI INI LAH YANG MEMBEBANKAN KERAJAAN AKHIRNYA, BILA KELUAR TAK KOMPETEN NAK KERJA, SALAHKAN KERAJAAN BALIK BILA MENGANGGUR LAMA. JADILAH ANAK ANJING GIGIT TANGAN ORANG BALIK BILA DAH DITOULONG LEPAS DARI TERSEPI.

RAMAI BUDAK-BUDAK U YANG AKTIF DALAM AKTIVITI POLITIK KAMPUS ATAU PERSATUAN NON-EDUCATIONAL SEBENARNYA TAK CEMERLANG DALAM PEPERIKSAAN UNIVERSITI, ADA YANG MINTA TAMBAHAN SEMESTER, TUKAR JURUSAN LEBIH MUDAH DARI JURUSAN PERAKUAN KEPADA PENTADBIRAN AWAM DAN MALAH DROP-OUT. KAJI TIAP-TIAP PEMIMPIN PELAJAR UNIVERSITI, BUDAK MELAYU KHASNYA CGPA DI BAWAH 3.5 PASTI MAK BAPA KECEWA DAN BAZIRKAN WANG RAKYAT.

SEKARANG NI KERAJAAN NAK PINDA AUKU, YANG PASTINYA LEBIH RAMAI BUDAK MELAYU YANG TAK BELAJAR SEBAB LEBIH TUMPU KEPADA POLITIK LUAR. MASA AKAN DIHABISKAN MENDENGAR CERAMAH-CERAMAH POLITIK LUAR KAMPUS. BALIK KAMPUS HASUT BUDAK-BUDAK MELAYU LAIN JOIN.

BUDAK-BUDAK BUKAN MELAYU TAK AMBIL PEDULI PUN POLITIK, YANG MEREKA TAU NAK TAMATKAN KURSUS CEPAT, BOLEH KERJA CARI DUIT BANYAK-BANYAK. MENTERI MELAYU JUGAK YANG MINAT SUNGGUH NAK UBAH AUKU KESANNYA ORANG MELAYU JUGA LA BERTAMBAH RAMAI TAK LULUS UNIVERITI KELAK.

SEDIHNYA DENGAN KERAJAAN SEKARANG.....

WASALAM.

By Sard80Author Profile Page on August 19, 2008 12:14 PM

Assalamualikum Tun

1. Tun ketika saya masih lagi menuntut di IPTA...  
memang ada perasaan terkongkong berkenaan AUKU. Tetapi bila difikirkan balik ada baiknya konkongan itu. All Tun want is we to study and make Malaysia a better place.. where a lot of her people is educated and highly skill.

2. Terus terang saya cakap, AUKU masih diperlukan di IPTA & IPTS.. takperlulah mahasiswa/siswi untuk bergerak aktif dalam xtvt politik, just you guys need to give your attention to your study. No need politician to be among student. Tun u need take back what u said to cancel the AUKU, sorry to say our student is still not mature enough to take the wave of Malaysia politics.If AUKU is cancel maybe it will be a riot to take place everywhere at our IPTA and IPTS.

3. Like what Tun said, after finish study if they want to be a politician plz proceed.. Belajarlah sampai abis, baru lah boleh jadi ahli politik yang berwibawa

4. If you guys still want to, our IPTA & IPTS still have their own MPM, student still can be a politician within their scope of IPTA & IPTS, you guys can collect all the experience from there to be a good politician.

5. Tun can you comment about the election at Permatang Pauh...

Thanks Tun

Plz take care...

By Siva on August 19, 2008 12:15 PM

How I wish I was a student again, having no worries about work, family, earning, saving, paying for this and that.....etc, can just be lost in the jungle of knowledge, gathering all the time and energy in the library

and music,etc as an ice-breaker. There are plenty of books in my cabinet that left unread for years, only to find time to read while caught in the massive jam which I sometime feel almost a blessing in disguise.

Students love distractions, as long as something can get them out of the cocoon, to do something out of thier norms, they would crave for it. Politics is very tempting. It gives them power and an added leverage over someone else. It can do more harm in the hands of students than others. A law student maybe just in the first year but somehow would feel that he/she has known it all.

But the forbidden law makes it more tempting. Anything forbidden becomes tempting, extra marital affairs, discreet relationships,etc.....very juicy because it is forbidden. Legalize it and then its all gone. Just a mental craving to escape.

It's a great waste of resources for a student to indulge in Politics. For a student the Mind functions in a different way. The more it takes in the hungrier it becomes, contrary to what believed as a sponge. The brain works by chemical reactions but not the Mind. If one knows the proper technique, the brain can be minimised and the power of Mind alone can be harnessed. It can absorb incredible amount of information and will never be forgotten for years and years to come. Just like special techniques on reading, mostly we are familiar about the Western style speed reading but there is another technique called psychic reading. Hold a book in your hand ,close your eyes for a minute and throw the book away. Its all transferred into the self. That is why some of the world's most read persons could read on average of 15 to 17 books a "day" and can even quote page by page.

Indulgence in politics does not create an Einstein or Mary Curie. It may create a Stalin or a Hitler.

There is no point in regretting it later...."I should have studied harder, read more,etc....". Too bad, one can never reverse the Time no matter how much one believes in Time Travel.

By Tun Dr Marvellous on August 19, 2008 12:16 PM

Tun,

Perdana Menteri Lee Hsien Loong dari Singapura pun peminat Chedet sebab dia ada sebut salam ucapannya 'National Day Rally'.... mungkin termasuk Menteri Mental Lee Kan Yu dan lain2.

Syabas.....!!!!

By dospenang on August 19, 2008 12:19 PM

SALAM TUN,

Saya pecaya kepada PENGALAMAN.

PENGLAMAN ADALAH ILMU TERBESAR DALAM KEHIDUPAN.

PENGALAMAN TUN selama lebih setengah abad sebagai pemimpin dan negarawan menjadikan TUN lebih matang dan berpandangan jauh daripada semua pemimpin yang ada hari ini termasuklah DSAAB dan DSAl.

Tidak akan adanya sebab TUN menolak kepimpinan hari ini jika TANPA ASAS YANG KUKUH.

JADI bercakap hal DEMOKRASI boleh menampakkan kelemahan orang yang TUN TUJUKAN.

TETAPI pendapat saya TUN tidak akan ke mana jika menulis dan hanya bertindak sebagai 'PENGHIBUR' dan pembaca merasa 'TERHIBUR'.

SAYA ingin mengajukan TUN bertindak DEMI NEGARA MALAYSIA.

Bermula dengan 'TINDAKAN' BARU DAPAT MERUBAH KEADAAN.

## CADANGAN SAYA:

1. TUN perlu mendapatkan sokongan calon pengganti PM yang TUN rasakan layak bertanding melawan PRESIDEN pada EGM UMNO akhir tahun ini dan mencalonkan beliau dengan sokongan MT UMNO.
  2. TUN boleh mencabar PAK LAH supaya SATU PETI UNDI KHAS DIADAKAN semasa EGM UMNO nanti bagi melihat sama ada ahli-ahli UMNO masih yakin dengan presiden atau tidak.
  3. TUN juga boleh mencadangkan atau mencabar satu poll online diadakan di website PEMUDA UMNO atau website UMNO sama ada mereka yakin dengan presiden hari ini.

CUKUP SETAKAT ITU CADANGAN SAYA KERANA SAYA YAKIN TUN LEBIH BIJAK DARI SAYA MENGENAI INI.

TERUSKAN MENGUNDI MENDESAK PAK LAH SUPAYA MELETAK JAWATAN:

<http://www.PetitionOnline.com/PakLah/>

VOTE SEGERA DEMI MALAYSIA!!!!!!!!!!!!!!

APA-APA PUN TERUSKAN MENGUNDI MENDESAK PAK LAH SUPAYA MELETAK JAWATAN:

<http://www.PetitionOnline.com/PakLah/>  
By delimamasammanis on August 19, 2008 12:23 PM

Asalamualaikum wbt.

Apa khabar Tun..??

Saya setuju dengan pendapat atau dengan cara ini.(Point no 5 & 6)

Saya tak setuju pembatalan AUKU, kerana mungkin ada orang tertentu yang akan menyalah gunakan peluang tersebut. Akibatnya pelajar lebih cenderung dari berpolitik dari belajar.

sekian

terima kasih

By zaidi suhaimi gilongAuthor Profile Page on August 19, 2008 12:23 PM

assalamualaikum tun dr. mahathir mohamad... saya menyokong penuh tun dr. mahathir mohamad dan saya akan bertahan sehingga saya tahu di mana kedudukan sebenar saya... saya sayang tun dr. mahathir mohamad sekeluarga begitu juga saya mencinta keluarga saya seadanya... penting untuk kita mencintai dan menyayangi keluarga dan bekerjasama demi mencari siapa lebih flip flop daripada yang sebenar benarnya...

selamat hari raya saya dahulukan untuk kita bersama-sama bertahan dan mencari kedudukan kita dalam keluarga sebenarnya... saya ada itu... dia ada ini... saya akan mengundi selagi saya dibenarkan...

merah itu ingatan saya dan nombor 1 itu hanya dunia yang saya pasti akan tahu jawapannya sudah kerana sumpahan saya masih utuh dan kukuh sehingga kesakitan dalam hati ini tiada sudah...

kita tanggung sama-sama...

saya sayang tun dr. mahathir mohamad... stay healthy okay ^\_~!

By pakbelalangAuthor Profile Page on August 19, 2008 12:32 PM

Dear Tun,

Selagi bangsa Melayu tidak mengutamakan pelajaran untuk anak-anak mereka, tidak keterlaluan kita boleh membuat kesimpulan bahawa bangsa Melayu tidak akan mampu untuk bersaing dengan bangsa lain. Kita akan terus gagal untuk terus meningkatkan tahap kehidupan yang selesa dimasa hadapan yang penuh dengan cabaran hidup.

Sikap bangsa Melayu masih tidak memberikan perhatian serious tentang pelajaran anak-anak mereka dan begitu juga sikap anak-anak Melayu yang masih mengambil sikap sambil lewa tentang pentingnya untuk mendapatkan kecemerlangan dalam pelajaran mereka.

Walaupun segala kemudahan telah diberikan sepenuhnya oleh kerajaan kapada anak-anak bangsa Melayu tetapi selagi sikap negatif ini tidak dikikis oleh mereka maka harapan untuk berjaya akan menjadi sesia sahaja.

Ibu bapa bangsa Melayu kebanyakannya mengutamakan perkara yang berbentuk materialistik apabila berbelanja dan tidak ada keinginan untuk berkorban menyimpan wang untuk keperluan pelajaran anak-anak mereka.

Umpamanya jika menjelang Hari Raya mereka lebih mengutamakan keperluan menghias rumah dan berbelanja mengikut nafsu yang tidak terkawal sehingga sanggup berhutang.

Berlainan dengan bangsa lain yang sanggup berkorban demi untuk pelajaran anak-anak mereka. Ada setengah dari bapa bangsa Cina dikampung umpamanya sanggup berpakaian harian mereka dengan "singlet PAGODA" sahaja dan hanya mempunyai basikal untuk berkerja dikebun atau berniaga di kedai runcit tapi mempunyai simpanan tabungan beribu ringgit khas untuk keperluan masa depan pelajaran anak-anak mereka.

By wirawati on August 19, 2008 12:34 PM

Salam semua,

Nama pun student, belasan tahun plak tu, paling tua pun kalau ambik Degree full time, baru dalam 20an. Zaman dah berubah, information boleh dapat melalui banyak laman web. Sebab tu, baca semua namun timbang-timbangkanlah kebenarannya. Belum tentu semua betul.

Kalau di tempat saya, Permatang Pauh, budak2 sekolah rendah pun dah tau PAS tu apa, dan PKR itu apa.

Kalau pilihanraya macam ni, yang berhingus ni yang melebih belasah orang. Tak tau sebenarnya untuk apa, samalah macam student ni, tidak pernah terlintas langsung AUKU itu satu masalah masa zaman saya belajar dulu. Malah rakan2 yang gemar berpolitik pun setakat Perwakilan Pelajar cuma di kampus sahaja, takde plak melalut samapi buat demonstrasi. Budak2 sekarang, suka memberontak tanpa hujung pangkal.....Tun, saya pun sedih sangat tengok Malaysia hari ini...macam2 musibah.

By sunray on August 19, 2008 12:35 PM

Salam Ayahanda Tun Dan Bonda Siti Hasmah serta keluarga.

Terlebih dahulu anakanda ingin mengingatkan khas kepada pelajar-pelajar UITM dan IPTA-IPTA lain khususnya bahawa apa yang telah disediakan dan diperuntukan kepada kau semua adalah yang terbaik. Ini telahpun terbukti keberkesannya dan telah berjaya membawa anak-anak melayu kesatu tahap yang tidak dapat difikirkan dan diimpikan oleh datuk-datuk dan neneh kamu orang. Langkah bahagianya datuk-datuk dan neneh kamu orang sekiranya tempat kamu belajar sekarang sudah sedia ada semasa zaman bapa-bapa kamu. Saya percaya datuk-datuk dan neneh kamu sanggup bergolok bergadai untuk menyediakan wang untuk menempatkan bapa-bapa kamu disitu semoga bapa-bapa kamu akan mendapat pembelajaran yg sempurna dan pula dapat mendidik kamu supaya menjadi lebih berjaya daripada mereka.

Apa yg ayahanda Tun katakan adalah betul kerana kamu adalah harapan kami untuk bakal pengganti kepada pemimpin yg sedia ada sekarang ini seperti yg kamu orang sedia maklum tetapi sekiranya kamu orang mementingkan perkara yg tak sepatutnya kamu akan ketinggalan disegi pembelajaran dan jadilah pemimpin 'half past six' spt yg ada sekarang ini. Apa kesudahannya?

Telah diketahui umum dan anak-anak saya juga yg mana IPTA-IPTA yg dihuni oleh anak-anak melayu khususnya UITM gejala-gejala sosial spt yg terdapat didalam MMS, Internet dan depan mata amat memalukan dan itu tidak dapat diterima oleh akal fikiran kerana namanya pun melayu yg terkenal dengan adab susila dan sopan santun. Terpengaruh dgn cara hidup barat yg terang-terangan menyimpang dari cara kita melayu kalaupun bukan islam dan sekarang ini terpengaruh pula dgn agenda kepentingan sesuatu pihak yg memang ingin membawa dan melihat kehancuran anak-anak melayu kita.

Sedarlah dan buka minda kau orang seluas-luasnya. Kami mahukan kau orang menjadi pemimpin yg bijak dan cekap kalau tak setanding Ayahanda Tun, 80% pun jadilah. tetapi tidak mustahil kamu orang boleh menjadi lebih baik daripada Ayahanda Tun tetapi dgn syarat waktu yg kamu orang ada untuk belajar gunakan sepenuhnya dan lupakan tetang lain-lain perkara yg boleh membawa kamu bakal menjadi pemimpin 'half past six' spt yg ada.

Spt kawan blogger kita ANBA terangkan betapa susah beliau dan kaum beliau untuk mencari tempat di IPTA walaupun cemerlang kena menjual hartabenda utk membawa kaum mereka keluar ke mercu kejayaan dan saya juga berfikiran daripada kita mempunyai pelajar yg banyak tetapi tiada 'quality' baik kita serahkan meja dan kerusi tersebut kepada kawan kita ANBA moga mereka yg berjaya dalam pelajaran boleh mengajar pula kau orang mengenai keperitan hidup utk berjaya dan mcm mana menggunakan waktu belajar yg sebaik nya.

Bersyukur adalah hikmat kepada semua perkara, itu juga yg telah diajar kepada kamu orang dari kecil hingga sekarang ini. Maka cubalah berfikir cara seorang graduan dan bukan cara segelintir 'species'.

Mohon maaf ayahanda Tun, ada betulnya juga pendapat YB. Tan Sri Khalid dengan kemasukan 10% bukan bumiputera ke UITM memandangkan tiada siapa lain yg berwibawa seperti ayahanda Tun utk

membimbang mereka-mereka ini biarlah 'good competition' mecelikan mata anak bangsa kita.

Wassalam.

By mantoba on August 19, 2008 12:37 PM

Salam YBhg TUN dan sekalian bloggers.

Saya amat setuju dengan AUKU. Dan berharap kerajaan tidak akan menghapuskan AUKU.

1.Politik hanya sesuatu yang besifat "creativity". Boleh dilakukan setelah tamat pengajianan.

2.Lebih mantap politik itu jika kita punya pelajaran yang tinggi.Dan lebih berpengaruh bila kita punya kerjaya yang baik.Ahli koperat atau ahli perniagaan yang berjaya.

3.Jangan hampakan ibu bapa yang sangat2 mengharapkan anak2 berjaya memiliki ijazah yang cemerlang,bukan sekadar cukup makan saja.

4.Memang benar ramai pelajar Melayu sangat cenderung berpolitik.Apakah mereka lihat politik sebagai kerjaya yang mudah untuk cari makan. Dengan hanya bijak bercakap politik dah boleh hidup senang dan mewah.

5.Tanpa pelajaran dan ilmu yang tinggi,agak sukar lah nak jadi pemimpin yang berwiba. Cuma layak jadi ahli politik kedai kopitiam atau pun tukang sorak2 saja boleh lah...

6.Jangan bergitu terpengaruh dengan pehak2 tertentu yang cuba jadikan kalian "Balaci" mereka atau budak2 suruhan.

7.Apabila pencapaian akademik tak cemerlang dan ketika itu kaum lain lebih berjaya, mulalah salahkan dasar kerajaan tak betul.

8.Seorang Doktor Pakar Bedah tak perlukan ilmu politik untuk membedah pesakit nya. Berikan lah tumpuan pada pembelajaran. Jangan sia2kan wang ringgit ibu bapa dan wang rakyat yang membawa pengajian anda semua.

TUN, tak perlu risau, saya pasti kerajaan tak akan tarik balik AUKU.

Kami sebagai bakal2 bapa yang akan menhantar anak2 ke IPT akan pastikan AUKU tetap diteruskan.

Teruskan usaha TUN mendidik rakyat Malaysia.....

By anak brunei on August 19, 2008 12:39 PM

Askm Tun.

Sebenarnya apa yang perlu kita fikirkan sekarang ialah macam mana hendak menaikkan taraf pelajar Universiti itu sendiri. Melalui pengalaman saya sebagai seorang majikan semasa menemuduga pelajar Universiti 'KITIA' inilah di antara contoh jawapan mereka:

1. Soalan: (Saya menunjukkan kepada 'Gambar Cerucuk' di tapak pembinaan) Anda Lihat gambar ini apa yang anda boleh beritahu dengan saya.

Jawapan: Engineer(CGPA 3.26). Tiang bagunan.

2. Soalan: Kamu pasti.

Jawapan: Engineer(CGPA 3.26). Ya

3. Soalan: Apa kamu tahu tentang Anwar

Jawapan: Engineer(CGPA 3.26). Dia difitnah...

4. Soalan: Kamu Pasti

Jawapan: Engineer(CGPA 3.26). Ya. Ini adalah kerja orang2..... lebih 100 perkataan.

Mungkin Tun faham apa yang diperkatakan selanjutnya. Tapi apa yang saya hendak ketengahkan di sini adalah jawapannya mengenai cerucuk yang bersangkut paut dengan apa yang dia belajar di U.

Langsung tidak mengambarkan ianya seorang Engineer. Dimana salahnya? Apa akan jadi kalau AUKU dibatalkan?

By Hajar on August 19, 2008 12:39 PM

Salam Yg Amat diKasihi Tun,

Well said Tun!

1. Artikel yang sepatutnya dibaca oleh semua orang, terutamanya penuntut-penuntut Universiti. Mereka patut sedar yang mereka secara langsung atau tidak langsung sedang menggunakan duit rakyat semasa berada di Universiti, dan tidak boleh berbuat sesuka hati untuk berpolitik secara aktif yang akhirnya menjadi penyebab kepada kegagalan mereka untuk mendapat keputusan yg cemerlang. Tiada guna jika sekadar lulus cukup makan. Lebih teruk jika GAGAL DAN DIBUANG DARI UNIVERSITI.
2. Saya sebagai pembayar cukai yang memang tidak pernah lupa akan tanggungjawab tidak rela duit rakyat dibazir sesuka hati. Jika guna duit titik peluh sendiri untuk berpolitik, tiada sesiapa yang akan melarang.
3. Saya setuju dengan poin 12, tetapi memandangkan yang sikap orang-orang Melayu/Bumiputra yang sentiasa TERPAKSA DIAWASI DAN DIKAWAL supaya tidak berbuat sesuatu yang merugikan diri sendiri, saya TIDAK YAKIN yang penuntut-penuntut universiti boleh berfikir sendiri untuk tidak membuang masa bergiat dalam politik.
4. Sebagai rumusan, AUKU masih diperlukan buat masa ini. Belum masanya lagi untuk membatal AUKU. Ianya masih RELEVEN.

Semoga Tun & keluarga sihat sejahtera dan sentiasa dirahmati Allah SWT.

By zap on August 19, 2008 12:42 PM

Salam Tun,

AUKU ni takde masalah kepada pelajar sebenar yang hendak belajar. Masalah AUKU ni datang dari setengah pelajar yang berfikir mereka sudah pandai and ingin menunjuk yang mereka ni pandai. Saya tidak bermasalah jika mereka ingin berdemonstrasi atau sebagainya, jikalau mereka berjaya didalam bidang mereka sekarang ini. Iaitu sebagai pelajar, mereka haruslah mendapat gred yang terbaik, seperti 3.5CGPA dan ke atas. Bukan setakat 2.2, 2.5 dan sebagainya.

Jadi, jika pelajar-pelajar ini ingin berdemonstrasi bawalah transkrip bersama dan tunjukkan yang mereka ini sebagai pelajar yang berjaya. Barulah orang nak ikut dan barulah bolih memimpin.

By terongpipit on August 19, 2008 12:47 PM

Salam Tun,

Saya masuk U tahun 1976... bagi saya dari kalangan orang susah (anak petani) tak kisah sangat pun dengan dengan AUKU sebab kami masuk U kerana nak belajar dan meninggikan taraf hidup keluarga.

Saya menikmati kehidupan dikampus dan bagi saya politik dalam kampus tidak jadi tak ketahuan jika tidak ada gangguan dari parti politik samada pihak kerajaan atau pembangkang.

Bagi saya kerana adanya gangguan dari luar yang menyebabkan pihak pelajar menjadi barang mainan politik... contohnya demo kerana kanak2 meninggal dunia dibaling kerana kelaparan adalah tidak benar sama sekali.... masyarakat Melayu/Islam tidak akan membiar anak jiran mereka mati kelaparan malahan pula jika ianya terjadi dikampung.

Demo oleh AnWar dan rakan2 pelajarnya adalah demo yang amat jahat sekali!!!!

By wokyoh on August 19, 2008 12:48 PM

SALAM PERJUANGAN BUAT TUN YANG DIKASIHI.

1)Apa kata kalau AUKU juga dilaksanakan kepada pensyarah universiti juga.baru adil.kerana ada segelintir pensyarah yang yang setiap kali memberi lecture mengutuk kerajaan dan menghasut dan

meracun fikiran pelajar seolah-olah mereka adalah pembangkang yang tulen.

2)Satu lagi pendapat saya agar kementerian pelajaran malaysia juga membuat satu akta seperti AUKU juga kepada guru-guru sekolah kerana kebanyakan guru yang saya temui adalah pembangkang kerajaan yang dasyat.kegiatan mereka berparti amat membimbangkan dan terbawa-bawa kesekolah.mungkin kerana mereka hanya mengajar 2 atau 3 jam sehari dan masa selebihnya habis untuk berdiskusi politik dikantin atau dibilik guru..menjadikan mereka teramat peka dengan perubahan dan iklim politik semasa.kepada guru-guru kaum pendidik, maafkan saya, maksud saya tidak semua guru-guru begitu.bagi saya bidang politik baik pro kerajaan atau pembangkang tidak seharusnya berkembang dari dan di sekolah.sekolah dan universiti adalah satu tempat atau medan untuk berlumba mencapai kecemerlangan dalam bidang ilmu itu sendiri...seperti kata tun..kalau dah berjaya menggenggam segulung ijazah dan sudah ada wang dari titik peluh sendiri..bolehlah mula berjinak dengan dunia politik.

3)politik adalah penting ..tetapi masa untuk bergelumang dengan dunia politik adalah bukan dibangku sekolah atau di menara gading.  
mengikut perkembangan politik muktakhir juga tidak salah malah sudah tidak boleh dielak dizaman IT langit terbuka ini...tapi jangan mudah terpengaruh dengan fahaman politik tertentu yang boleh melalaikan dan menjaskankan prestasi pelajaran.

sekian...WOKYOH

By neg7 on August 19, 2008 12:57 PM

Salam Tun n pembaca ..

1. Bagi saya pelajar melayu lemah sebab sikap sendiri, banyak peluang di beri tp disebabkan peluang yang banyak itu menjadikan kita lalai.. Sikap tak kisah, gagal di universiti, ada lagi poli, ikm, kolej komuniti - sbabkan ini melayu jadi malas untuk usaha itu yang banyak masa buat kerja-kerja buang masa...
2. Lihat lah apa yang diguna dengan wang PTPTN, JPA dan lain2.. bukan untuk guna belajar sangat, yang penting hp mesti baru, plng canggih, klu pda lagi bagus (boleh lihat sendiri kat pasaraya yg dekat dgn IPT masa 1st day duit ptptn n JPA masuk) JPA dah naik biasiswa RM5000 1 semester pun bising kata tak cukup (orang yang kerja kilang tanggung ank bini pun tak dpat banyak tu untuk 4 bulan kerja)...
3. Belajar dapat gred rendah x pe nanti pegi bodek lecturer mesti la dapat lulus punya, yang penting tak kena repeat, tak dapat F, lecturer kan melayu jugak mesti dia tolong...
4. Skim cepat kaya tu yang perlu labur, boleh buat duit, labur beli buku buat apa, nak jual blk kat junior brapa sen je dapat: buku tu guna buat lulus periksa je (Pengalaman saya sendiri, ada rakan begitu taksuh dengan benda-benda mengarut ni sudah tak kisah untuk belajar, dia kata klu gagal pun takpe, dia boleh kaya dengan buat skim internet ni, akhirnya betul2 gagal dan semakin miskin sebab guna kad kredit bapa untuk msk skim2 ni)
5. Bagi saya yang penting sikap kita, bangsa melayu tetap dipandang lekeh waima yang sampai ke menara gading pun klu sikap 'alah takpe' ni ada dalam diri kita...
6. Cadangan saya: Buang saja tongkat2 yang tak sepatutnya ada, bila seronok bertongkat, ingin pula berkerusi roda sampai lupa hendak BERDIRI SENDIRI... (Biar jatuh terduduk sekarang dari bila orang lain dah berlari baru kita nak belajar berdiri)

Mungkin tidak semua pelajar melayu begini tapi kita lihat sendiri buku konvokesyen universiti, siapa paling ramai graduat kelas 2 bawah dan 3 kalau bukan BANGSA MELAYU?

Saya Sayang Malaysia dan Saya Sayang Melayu...

By fawz on August 19, 2008 1:02 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya pernah menyatakan beberapa kali bahwa Tun ialah saorang yang baik. Tun telah memberikan yang terbaik kepada Bangsa Melayu. Kini sudah tiba masanya Bangsa Melayu benar benar belajar berdikari. Sekian, terima kasih  
Wassalm.

By AMiN on August 19, 2008 1:07 PM

Kepada TUN yang disayangi,

TUN,

1. Saya benar2 terharu dengan penjelasan Tun tentang AUKU.
2. Parti pembangkang dan pihak2 di luar sana beria2 benar minta AUKU dihapuskan. Kata mereka, AUKU telah digunakan oleh pihak kerajaan untuk memperalatkan mahasiswa untuk menyokong kerajaan.
3. Sebenarnya, mereka yang berniat ingin memperalatkan mahasiswa. Mereka sedar mahasiswa terutamanya penuntut Melayu sgt gemar berpolitik.
4. Namun, mereka gagal meracuni pemikiran mahasiswa gara2 kewujudan AUKU. Dengan menghapuskan AUKU, mudahlah bagi mereka menyusup masuk ke Universiti2 dan seterusnya menyebarkan fahaman politik kepartian mereka.
5. Pelajar Melayu bukannya kurang cerdik jika dibandingkan dengan pelajar bukan Melayu. Hanya yang membezakan mereka adalah peluang dan kesungguhan belajar.
6. Apabila kerajaan memberi peluang yang lebih kepada anak2 Melayu melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi( Universiti ), ramai yang berjaya. Meskipun mereka adalah dari kalangan pelajar yang kurang cemerlang pada awalnya, namun dengan peluang yang dibuka kerajaan, mereka ini boleh berjaya.
7. Nyatalah, teori Melayu kurang pintar adalah tidak tepat.
8. Namun, peluang yang diberi selalu disalahgunakan oleh pelajar. Mereka bukan sahaja tidak bersungguh2 ketika di menara gading, banyak dikalangan mereka terlibat dengan aktiviti2 tidak berfaedah di universiti. Dadah, merempit, bersekedudukan, dan pelbagai lagi.
9. Berpolitik tidak terkecuali.
10. Ini amat mengganggu tumpuan pelajar. Fokus utama untuk menuntut ilmu telah tersasar. Hasilnya lahirlah graduan Universiti kurang berkualiti. Penagih yang mempunyai ijazah, mat rempit yang "intelek" dan "sampah universiti" yang menyakitkan mata.
11. Berbeza dengan pelajar Melayu, pelajar bukan Melayu amat tekun menuntut ilmu ketika di Universiti. Mereka ketepikan hal2 yang tidak berkaitan dengan pelajaran semata2 untuk belajar. Lahirlah golongan intelektual bukan Melayu yang ramai.
12. Apabila ini berlaku, orang Melayu akan "hairan". Kenapa sudah begitu lama diperkenalkan, DEB masih tidak mencapai sasarananya.
13. Mahasiswa jenis inilah antara puncanya.
14. Pihak yang mahu AUKU dihapuskan harus bertanggungjawab jika mahasiswa menjadi bertambah lemah.
15. Kita telah dilambakkan dengan ahli politik yang sangat memualkan. Majoriti mereka adalah lulusan universiti. Ramai antara mereka punya sejarah terlibat dengan gerakan politik ketika berada di universiti.

16. Pandangan ini mungkin tidak popular bagi ramai pihak. Mereka merasakan AUKU perlu dihapuskan bagi memberi laluan mahasiswa berpolitik. Mahasiswa ini nanti akan menjadi pemimpin masa depan parti2 politik mereka.

17. Sebab itu ramai doktor dan jurutera berada di parliment.

18. Ustaz dan ustazah lulusan universiti dalam dan luar negara pun penuh di dewan rakyat.

19. Apapun, saya amat bersetuju dengan pandangan TUN.

20. Kekalkan AUKU!!!

By anakjitra on August 19, 2008 1:09 PM

Salam Tun

Kebanyakan artikel Tun berdasarkan kepada sejarah dan masa silam yang telah berlaku dan boleh diambil iktibar .

saya juga memohon pendapat Tun sebagai sorang yang berpandangan jauh dan pemikir melangkaui zaman apakah sekiranya Malaysia kurang daya saing dan Islam serta Melayu tidak lagi di lihat sebagai tonggak kedaulatan negara ini , apa akan berlaku ?

adakah sekiranya AUKU ini tidak dikuatkuasakan ,maka setiap hari pelajar akan berdemonstrasi mengikut acuan mentor mereka ( NUAR ) sehingga Jalan Tunku Abdul Rahman dan Bukit bintang tidak akan pesat seperti sekarang , atau mungkin peniaga -peniaga kat situ menukar bisnes mereka hanya menjual air mineral dan topeng gas pemedith mata .menyebabkan sumbangan cukai dari mereka akan susut atau mungkin tiada langsung.?

adakah dengan konsep malaysian malaysia maka setiap rakyat akan mendapat jaminan di layan secara adil , sedangkan dalam sebuah keluarga sendiripun ada kalangan ibu bapa tidak melayan secara adil kepada anak anak nya?

adakah dengan menghapuskan DEB dan tidak lagi memberi peluang bersaing secara adil kepada bumiputera , menyebabkan kesukaran untuk menguasai agihan ekonomi dan mengurangkan kuasa beli , maka non bumi akan menerima tempiasnya di sebabkan bumi adalah majoriti sebagai pembeli dan pengguna dan masyarakat peniaga majoriti dari non bumi hanya dapat bergantung kuasa beli dari kalangan mereka sahaja.Selalunya mereka mendabik dada merekaalah penyumbang cukai yang terbesar kepada negara ?

adakah dengan konsep malaysian malaysia yang acuannya seperti sebuah negara di bawah kangkang kita maka azan tidak akan lagi boleh dilaungkan dengan pemberian suara ?

adakah dengan selalu menidakkannya hak keistimewaan melayu dan mengurangkan lagi hak yang telah semakin kurang ini , orang melayu akan lebih menghargai mereka dan sebaliknya melebihkan kepada mereka yang telahpun terlebih banyak akan memberimereka peluang untuk tidak lagi menuntut yang bukan bukan dan lebih menghargai pemberian itu ?

adakah suatu hari kita ini sentiasa akan bernasib baik dan mustahil akan berlaku kesengsaraan seperti di Palestin , Bosnia satu ketika dulu dan Georgia sekarang kerana walaupun semakin ramai rakyat tidak berpuas hati antara satu sama lain( atas dasar keterbukaan dan human rights) Perdana Menteri berkata , jangan buat lagi , maka semua rakyat akan tunduk dan hormat kepada Perdana Menteri tersebut kerana semangat toleransi rakyat yang amat tinggi?

adakah dengan memansuhkan ISA maka anasir anasir seumpama Komunis dahulu akan berterimakasih

dan menjulang kedaulatan malaysia kerana hak mereka untuk bergiat semula telah dikembalikan ?

disebalik kita melihat apa yang dah berlaku , kita juga patut meramal sesuatu yang mungkin akan atau tidak berlaku yang ianya bukan di dalam kemampuan ilmu kita tetapi anugerah akal itu patut di manfaatkan sebaiknya untuk survival keturunan dan peninggalan kita nanti.

sekian tun untuk kali ini , semoga sejahtera.

By tha-bAuthor Profile Page on August 19, 2008 1:12 PM

Salam Tun dan pembaca sekalian,

Saya menunggu penulisan Wokyoh yang seterusnya.

Terima kasih kepada Tun Mahathir kerana memberi kesedaran kepada pembaca.

Wasalam,

Shahrane

By Iea on August 19, 2008 1:21 PM

assalamualaikum Tun.....

Pandangan peribadi saya yg tak minat nk berpolitik, perjuangan sebenar bagi seorang yang bergelar "MAHASISWA/SISWI" (tak kira la melayu, cina, india, etc...) adalah untuk tamat pengajian dengan keputusan cemerlang supaya lebih jelas hala tuju. Buat apa nak sibukkan diri dgn politik, mengarut la! Contohnya pelajar2 uitm yg baru2 ini terlibat dgn demonstrasi menentang usul MB Selangor 10% utk kemasukan non-bumi ke uitm, sebahagian besar mereka ponteng kelas semata-mata nak join demonstrasi tersebut. Penyertaan mereka dlm demonstrasi sebegini tidak menjamin keputusan cemerlang dlm final exam nanti. Niat mereka baik utk mempertahankan kepentingan bumiputra, cuma pendekatan yg mereka gunakan kurang wajar.

Akhir kata utk semua.... kalau semua orang nak ikut jejak Tun, penuhkan dada dgn ilmu terlebih dulu dan jgn sia-siakan peluang yg tersedia di depan mata, bertindaklah dgn akal fikiran yang waras.

By ctmardianamohd on August 19, 2008 1:23 PM

Kepada Tun dan semua yang komen,

Ramai yang menyokong tulisan Tun dan ada juga yang membangkang..Yang membangkang tentunya orang bukan bumiputera yang dengki kepada pembangunan bangsa melayu atau bangsa melayu sendiri yang sudah lupa asal usul pembangunan bangsanya...

Tiada masalah pun dengan AUKU.. Saya juga adalah bekas pelajar universiti awam tempatan. Dengan adanya suatu peraturan dan garis panduan, kita akan ada tempat rujukan atau sekurang-kurangnya sesuatu yang megawal pergerakan kita di universiti.

Mengapa hanya menumpukan AUKU yang melarang pelajar terlibat dalam politik sahaja?? AUKU juga menyatakan tentang larangan perkara lain yang mendisiplinkan pelajar melayu di universiti. Jika tiada AUKU, adakah kita rasa seronok dan puas terlibat dengan politik dan abaikan pelajaran? Kita ke universiti untuk menuntut ilmu,bukan?

Setiap universiti mempunyai cara politik dalamannya sendiri yang turut mendedahkan pelajar senario politik sebenar jika pelajar sudah tamat belajar nanti. Terdapat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang mengajar pelajar universiti memilih pemimpin mereka. Jadi keluarlah mengundi jika tiba saat untuk mengundi..lakukan demonstrasi aman jika perlu dan rentangkanlah wajah pemimpin kegemaran anda dimana sahaja..

Saya tidak faham kenapa generasi sekarang suka pada huru-hara dan kekerasan. Setiap kebaikan yang dilakukan pemimpin terdahulu tentu ada sebabnya...Kalau dah pandai sangat, cubalah jadi Perdana Menteri untuk sehari...Kan bagus jika ada 'Rancangan Realiti-MENJADI PM'...

Jangan hanya tahu komen tanpa berfikir. Cuba tanya kepada diri anda sendiri..APAKAH SUMBANGAN AUKU UNTUK NEGARA?? Jika anda dapat membuat senarai sumbangan anda itu, tanya pada diri sendiri lagi...ADAKAH SETIAP SATU SUMBANGAN ANDA ITU DAPAT DIRASAI SETIAP SEORANG RAKYAT YANG ADA DI MALAYSIA?? Atau hanya dirasai oleh orang terdekat anda dan persekitaran sahaja.

Jika tiada...Cubalah berfikir dan lakukan sesuatu yang menunjukkan anda adalah rakyat Malaysia yang sayangkan negaranya dan bangsanya.

Jika anda masih tidak mahu..Malulah sendiri?? BECAUSE VISION WITHOUT ACTION IS A DREAM...ACTION WITHOUT VISION IS SIMPLY PASSING THE TIME...ACTION WITH VISION IS MAKING A POSITIVE DIFFERENCE...

Jika anda rasa AUKU lebih banyak keburukan daripada kebaikan, cuba cari saluran untuk betulkannya...Betul kata Tun, jika anda rasa sudah matang, hapuskan AUKU...Tetapi peraturan apa yang dapat mengantikannya?? ANDA PUNYA IDEA? Atau anda hanya masih menunggu pemimpin sekarang atau akan datang memberikan cadangan baru..Jadi bolehlah anda semua komen lagi..Pandainya...

Nampaknya anda sendiri tidak dapat memajukan diri..bagaimana anda hendak majukan orang lain...Betul tak??

By telagiAuthor Profile Page on August 19, 2008 1:23 PM

Mengikut pengalaman Ibnu Batutah,orang orang yang berkulit gelap lebih mudah teruja apabila disogokkan dengan sesuatu isu.Mereka amat suka dengan hiburan dan suka memperagakan sesuatu untuk menarik perhatian.

Betul kut...

<http://telagi.blogspot.com>

By zali lampai on August 19, 2008 1:26 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya bersyukur kerana akta ini saya tidak menyertai politik masa belajar dulu dan menumpukan kepada aktiviti lain.

Ada dikalangan rakan yang menyertai aktiviti politik ni kecundang dengan result2 yang teruk. Mereka merasa bangga berkenalan dengan orang itu dan ini dan menyertai banyak aktiviti (terlalu byk) hingga tiada masa untuk membuat apa yg sepatutnya.

<http://anakmalaysia81.blogspot.com/>

By umnomudaAuthor Profile Page on August 19, 2008 1:33 PM

Tun,

Saya amat bersetuju dengan AUKU. Semasa saya di universiti dulu, melayu mmg cepat leka. Banyak yang aktif dlm aktiviti luar selalunya keputusan teruk. Contoh terbaik, Anwar Ibrahim, kelas 3 aje degree di UM walaupun hanya ambil kursus Pengajian Melayu!

<http://umnomuda.wordpress.com>

By aku lah barua on August 19, 2008 1:41 PM

TUN, saya setuju dgn cdgn itu dan tidak menolaknya sama sekali, sbb bilangan penuntut melayu yg bodoh paling byk sekali di universiti.saya bayar kerajaan hanya rm 200 se semster utk pengajian dan dpt

diplma, tiada universiti yg dpt offer mcm tu kat melayu. tapi mas melayu tunjuka saya blajar dulu byk sgt pelajar yg hisap ganja,dadah, beromen, main guitar kat tembok dan mcm2 lagi. depa ni semua byk join pkr sbb, dulu org suruh blajar depa tak mau skrg dah jadi bodoh nak salahkan kerajaan. bila tanya apa tanggung jawap pada kerajaan, depa jawap apa yg kerajaan patut bagi pada depa.skrg ni diploma tak da, blajar tak habis, dpt kerja ngam2 cukup mkn, buat anak pandai sampai byk2 ikut sunah nabi konon (sembahyang tak buat pun)tapi tak plan. org buat anak ikut gaji, depa buat anak ikut hati,skrg anak2 makan kais pagi dan kais petang, saya amat sedih keadaan ini berlaku. ini diamakan mat jenin zaman moden.apa yg saya boleh buat. tak kan nak bantu depa kot, depa tak plan masa depan skrg kita kena kerja lebih supaya dpt duit lebih lps tu bantu depa.nabi tak suruh buat mcm tu depa buat.skrg kalu depa mati pun masuk neraka juga sbb buat naya kat anak2 sendiri. lps tu pakat nak salahkan TUN plak la ni. org suruh blajaq depa buat kurang ajaq. skrg Allah dah bagi kat depa atas apa yg mereka kerjakan depa kena terima la, betul tak. sharanan agama depa kat kita bukan main lagi tapi depa lupa ayat Allah dlm Quran - Aku (Allah) akan berikan akan apa yang engkau kerjakan. depa tak blajaq lps tu fails dan skrg susah, depa kena tanggung la sendiri apa pulak nak salahkan TUN. TUN ckp kat depa, kalau tak kerana TUN depa tu dah lama merempat kat tanah air sendri, depa buta ka, org cina dan india tak da status bumiputra boleh kaya raya depa papa kedana, tanya depa mat rempit tu cina ka india ka melayu ka yg paling ramai dan dok masuk TV, dulu masuk tv remaja mk sisa buangan makanan mc donald tu bangsa apa?????????

By malan3395 on August 19, 2008 1:51 PM

Dear all,,,

Budak2 U skrg levelnya tk mcm kta dlu2. Skrg nk msuk U snang ada pnjaman. Dlu kbun getah ayah sy dipajak smata2 utk byr yuran U. Skrg sume tanah kebun sy dh tebus balik siap dgn bli tnah lg utk org tua sy. Psan sy bdk U la ni tk yah nk megah dgn kedudukan anda skrg psl bnyakan yg msuk U tu ambil course th ape2. Dh la ambik course ntahape2 pointer plk bwah 3 je.

By bunnies on August 19, 2008 1:51 PM

Tun,

I think you did not anticipate the adverse effect of your action then. You did not foresee that by allowing your race to have concession in education and everything else, meaning a bigger share of the pie it would lead them to be dependent and weak. Admit it.. your race has become so dependent on this so called "Malay rights" that it is now an addiction. The mere mentioned of reality that such "rights" will eventually be taken away spells terror to your race. So much so, it has become a funky trend to incorporate it into a religion ideology to defend such "rights" even if it means in a terror style.

As you have mentioned, your race were given concession to education at the expense of other races. This is done against the rule of nature where the best are to be given the chance to survive, because in your terms, it will not be healthy for the nation where your race are not on par with the rest of the races. So, what did you found out? Your race did not appreciate this opportunity, your race did not hold dearly to this sacrifice and instead, end up wasting everything away to indulge in their hobby to "kepoh" which of course means politics! At the end, you had to have rules banning such indulgence just to get your race to concentrate and study! OMG!! Using tax-payers money too!! Tax payers which consist of other races and at your era, it was quite a large ratio compared to your race!

Is this fair? How many other races children were deprived and cheated of an opportunity to better themselves and in return, contribute to their nation? How many other races Malaysians were left bitter and sad because of such biasness? Have you ever considered that these other races are also Malaysians whose forefathers worked their ass off to help build this nation to where it is today? Most of these other races forefathers who had worked their ass and bones off were just as backwards and illiterate as your race when they landed on this piece of land. Why and how come they could be so farsighted and understood the whole works of a "better tomorrow" but your race couldnt??

Yes, you are now saying if it is irrelevant, abolish it.. but like I have said in my first para, can it be done in peace?? Does your race understand why there is an urgent need abolish such parasitic concession and

rules? Will there be a jihad? It is all so screwed up now and all because of 1 man's love for his race! Is that right? Nope, I dont blame you entirely. You did what you thought was the best for your race then but you forgot to teach your race how to run the RACE!!

By emma49 on August 19, 2008 2:05 PM

Dear Anba..

setahu saya tun pon dulu tak dapat masuk study law .. tapi dapat study jadi doc jerk.. pahtue tun tak jadi doc, tun jadi politician + economist + architect JERK...

so kesimpulannya... no one can predict the future... org puteh kate "every cloud ade silver lining"... my adek pon.. malay dapat 9`s A spm tak dpt masuk medic.. dapat study pharmacy jerk.. now die kate... naseb baik die tak dapat masuk medic... coz she happy in pharmacy...

GOD love you Anba, that why he choose you to be born in MALAYSIA & not INDIA. Do you blame god for making you born HERE? is HE making mistakes?

GOD bless you to MR Anba. PEACE upon you.

By anakku5 on August 19, 2008 2:09 PM

Tun yang dihormati.

Langkah Tun untuk memperkenalkan AUKU mungkin tindakan yang tidak popular tapi besar manfaatnya. Pelajar di U masih remaja, berdarah panas dan adakalanya hilang kewajaran dalam tindakan. Lebih mengikut kata hati tanpa memikirkan masa depan. Malangnya, perjuangan yang tak tentu hala tujuan ini berakhir dengan kerugian diri sendiri, kehampaan harapan ibubapa yang mengharapkan kejayaan anak-anak. Ada diantaranya yang lupa pengorbanan orangtua bergolok gadai untuk memasukkan mereka ke U. Ada yang menyebabkan penjamin menanggung hutang kerana pelajaran tidak kesampaian. Mereka ini lupa diri dan tidak berterima kasih atas nikmat yang diterima. Lupa tujuan sebenarnya mereka berada di U untuk apa. Saya fikir pelajar-pelajar yang menentang AUKU sekarang sudah pun tua dan bekeluarga, adakah mereka rela jika anak masing-masing berkelakuan seperti mereka dahulu? Adakah mereka ini sudah sedar atau masih angkuh dengan perjuangan?

Inilah pelajar melayu yang mendapat manfaat dari dasar kerajaan dan kemudiannya tidak mensyukuri nikmat yang dikurniakan. Sebenarnya yang gagal di dunia dan akhirat adalah mereka ini sendiri.

U have nothing to regret. I will always support u.

By mir\_skp on August 19, 2008 2:09 PM

Assalamualaikum...

Tun,mmg ptut akta AUKU tun perkenalkan...

KI tanpa AUKU,lg rmai anak melayu n bumiputra yg lungkup semasa belajar di U @ kolej kerana politik. Tapi yg menjadi kemusikan adalah pelajar MELAYU yg pling kuat menentang akta in padahal akta ni dibuat untuk membantu org MELAYU.

Satu lagi,golongan yang kuat menentang akta ni apabila mereka telah habis belajar tidak pulak mereka aktif dalam politik.Ini kerana apabila mereka telah berkerja dan tahu bertapa susahnya untuk mendapatkan duit mereka akan tumpukan usaha mereka untuk mencari duit yakni untuk menampung hidup mereka.

Semasa belajar,mereka mungkin tidak berapa kisah tentang duit kerana yg bg duit pada mereka adalah kerajaan atau ibu bapa mereka.Mereka tidak memahami keperitan untuk mendapatkan duit.

So,sedar pelajar2 MELAYU belajar la bersungguh semasa berada di kolej kerana hanya ilmu sahaja yg akan membantu anda di masa hadapan.

By taurus on August 19, 2008 2:11 PM

TO Siva

Agreed.....

By Cheers on August 19, 2008 2:12 PM

Dear Tun

If AUKU di perkenalkan khusus untuk meningkatkan kemajuan perlajaran kaum Melayu, YES I'm all for it. It is indeed very good & considerate of TUn to introduce AUKU.

But what I sad about is how many Malays really, I mean really know & appreciate why & what purpose AUKU. Those who understand the significance of eduction would realise & appreciate, but those who juts taking opportunity to be called a 'Uni student' are plainly has no knowledge of what AUKU could & would do for them.

Yes, as TUN suggest, if Malay feels that they can now compete & stay compete with other races & able to stand on their own 2 feets, AUKU can be abolish.

Sadly I don't feel the Malays are ready for this. Just take UiTM for instance, they can't even afford a 10% to non-bumis and they had to take to the street. Apa tak lagi dimansuhkan AUKU, it would have been a riot.

Apa yang jadi persoalannya ialah, sampai bila harus kerajaan memanjakan Melayu.

Some Malays always says the Chinese are the riches, but do they realise for every richness, there is effort, sacrifices.

Pardon me. Just a mathematic calculation, if the Chinese are riches, that means they pay taxes the most, so who contributes to the growth of the economies, and expenses of these student of AUKU. What about the professional Indians, they contrubutes also. The good Malays, they also contributes. BUT is all these contribution worth be spending on.

By haliamuda on August 19, 2008 2:16 PM

Assalamualaikum TUN,

Saya sungguh terharu dengan penjelasan Tun.

Saya pun hairan apa sebenarnya pelajar2 mahukan. Alhamdulilah saya juga bekas pelajar yang pada hari ini boleh dikatakan agak berjaya samada dalam pelajaran mahupun business yang dulunya tertakluk kepada AKTA AUKU yang sama. tak ada masalah pun.Masa jadi pemimin pelajar dulu kami juga berpolitik dan belajar berpolitik tapi tak ada sampai nak mempolitisikan isu AUKU tu. so pesan saya pada budak2 U ni, korang belajar sudah lah, kalau rasa nak jadi calon pilihanraya tu tunggu gred dulu...sekarang ni liazah pertama korang tu tak ke mane nye.....apalagi apalagi kalau CGPA bawah 2.5

By sjankanAuthor Profile Page on August 19, 2008 2:23 PM

UNTILL LION HAVE THEIR HISTORIANS, TALES OF HUNT SHALL ALWAYS GLORIFY THE HUNTERS

Tun ini memang pandai berpolitik. Biar saya rumuskan pandangan saya yang pebaca boleh membacanya dan komen di [www.chedet-unlimited.blogspot.com](http://www.chedet-unlimited.blogspot.com)

Seperti semalam saya bongkarkan tentang IMF dan ramai setuju yangtun menolak IMF atas sebab peribadi dan bukanya kepentingan negara.

Begitu juga Tun memperkenalkan AUKU hanya untuk survivor politik. Bukan survivor politik UMNO tetapi Tun takut ombak keterbukaan dan ketelusan akan melanda UMNO dan BN dan juga kerajaan. Salah satu

kaedah yang digunakan dengan mematikan politik mereka secara sah. Hasilnya hari ini negara mengalami krisis ekonomi, rasuah melambung, krisis kepimpinan, tukang ampuberkuasa, dan palin teruk badan kehakiman macam dah tiada dah untuk memberi keadilan kepada semua tanpa mengira kedudukan dan pangkat.

TUN PEMBINASA MALAYSIA. Pembaca juga boleh mengundi sebab TUN memperkenalkan AUKU di [www.chedet-unlimited.blogspot.com](http://www.chedet-unlimited.blogspot.com)

sekian,  
sjankan  
By pijas\_3379\_ on August 19, 2008 2:24 PM

tun,

saya memang bersetuju ngan AUKU ni. Biarlah diteruskan.  
Mahasiswa & mahasiswi skrg nak seronok nyer. Diorg lahir zaman senang. tak cukup duit belajar ader PTPTN tanggung. Tak bayar takpe kerajaan lambat nak ambik tindakan tuk masukkan diorg dalam jail. sekarang lagi bagus interest 3% dah turun 1%. itu pun belum tentu nak bayar balik.

nasib baik saya tidak ambik pinjaman PTPTN dulu. dapat duit memang seronok nak membayarnyer liat jer. setiap sen duit PTPTN dtg dari cukai rakyat. sempat byr takpe tak sempat di akhirat tanggung la akibatnyer.

By JimmyHillhead on August 19, 2008 2:31 PM

Sir,

Salam and Salute to you & Tun Dr Hasmah. As always, I pray to ALLAH SWT for HIM to continue showering both of you with good health and wisdom.

Please continue to give us the directions and guidances. We're in dire straits. We're in dire need of your help.

I did my diploma at a local university and subsequently further my studies abroad.

At a local U, several of my friends were actively in politics, either involved with campus politics or interested in the mainstream politics. They were proud with their actions of becoming a "politikus". Several of them succeed in their studies but majority of them went down with casualties. Several of them still actively involved in politics but they are in the opposition camp. I wonder why, go figure.

They were the people who always complain of the "AUKU" but for the majority of us, we never knew the existence of AUKU, as such, we never bother.

For the majority of us, our aim and goal were to graduate with diplomas or degree, either wise we don't have the guts to face our parent and their high expectations. To go home with nothing is like killing our parent with our bare hands.

When I was abroad at a prestigious university (over 500 years of reputation) , the majority of us don't even bother about politics, either campus or local politics. We cast our vote in campus and local council election for funs but we monitored Malaysian politic through newspaper, letters or news from home.

Our aims and goals were the same, to get the required qualifications and fulfilled our parents' and nation's expectations.

Of course we were involved in Malaysian Students Association but the associations were mainly acted as a vehicle for us to solicit funds legally from the universities, Malaysian Students Department (MSD), ONE PARTICULAR political party and the visiting dignitaries for us to organise our activities, such as buka

puasa, hari raya, Merdeka Day, gatherings, ski trips, fishing trips, study tour cum sight seeing, etc, etc. It was merely an excuse for us to solicit the funds legally for our gathering purposes, FULL STOP.

As such, I am here to support AUKU. The AUKU should be enforced in perpetuity.

Thank you, Sir for your involvement in formulating the AUKU. The AUKU has probably save our nation from the unwanted elements.

Cheerio

By anakjitra on August 19, 2008 2:36 PM

Salam YBHG TUN

Real Estate and Housing Developers' Association ( REHDA )

mauh kerajaan kaji semula peraturan dan syarat kouta pembelian rumah oleh bumiputra yang pada masa ini layak mendapat diskaluan atas status sebagai bumiputra

adakan ini satu lagi strategi terancang untuk menghapuskan DEB dan melonjakkan konsep MaLaysian Malaysia walaupun masih lagi di bawah pemerintahan kerajaan BN

Nampaknya penghapusan dan pemansuhan AUKU , DEB dan kouta kuota tertentu bakal dan sedang giat diperjuangkan oleh melayu sendiri dan sekutu sekutu Malaysian malaysian .

By pandakedah on August 19, 2008 2:38 PM

Salam Tun.,

TQ Tun pasai crita sikit AUKU ni.Saya dok tgu lama dah.

Saya sokong banyak2 apa yang Tun kata 2.Bdk2 U la n nak tunjuk hebat.Kononnya bila dah masuk U suma benda depa tau.Tapi bila mai exam result macam cikai..!

Kerajaan buat dasar, depa komen, bangkang.Sumu x adil.Tapi bila habis blajaq kalut nak cari keja dengan kraaan!

Pas 2 tak dapat keja dok kedai kopi ngumpat kraaan.

Masa blajaq depa kalut nk buat demonstrasi tepi jalan.

Apa suma ni?

Orang bagi duit soh blajaq, blajaq la betui2..

Sok2 klu dah tera sgt, ha! baru masuk glanggang politik.

Tun,

Pada hemat saya, rasanya AUKU dah elok dah..toksah la nak pinda2.

Saya pun bdk IPT jugak.

Kita kena jaga demi maruah bangsa,agama & negara kita.

Moga Tun dipanjangkan umoq.

t.q

By bujang on August 19, 2008 2:41 PM

assalamualaikum Tun,

Semoga sentiasa sihat dan dirahmati..

langkah Tun memperkenalkan AUKU tu memang berpatutan..Penuntut ini merasakan tanpa mengadakan demonstrasi mereka akan nampak kurang pengetahuan politik. Sebenarnya mereka ini cuma terasa 'cemburu' dengan teman-teman universiti mereka diluar begara, khususnya negara jiran, Indonesia dan Thailand. Pelajar2 negara2 ini menunjukkan bahawa mereka berkuasa untuk menetukan kerajaan.

Justeru itu, itu lah yang ingin di tonjolkan oleh mereka..yang anehnya, tanpa ada demonstrasi tapi tetap berkualiti pelajar-pelajar di Singapura pula tak mau jadi ikutan.

Sebenarnya perkara ini hanya berlaku waktu didalam kampus sahaj. hanya nak menunjuk gah sebagai pelajar universiti. tapi kebanyakan dari pelajar-pelajar ini menyembunyikan 'taring' selepas tamat...dan ada pula yang tak mau ambil pusing berkenaan politik tanah air sendiri. bak kata pepatah 'hangat2 tahi ayam'

By Faiz Al-KelantaniAuthor Profile Page on August 19, 2008 2:42 PM

AUKU lah yg buat pelajar Melayu-Islam kita tak gila berdemo macam mahasiswa2 di Indonesia yg jahanam masa depannya dek kerana taksuh dgn politik KEBEBASAN melampau.

By Create on August 19, 2008 2:45 PM

AUKU adalah acuan malaysia. Kita nak maju dengan acuan kita sendiri. Think Global ACT Local.Pendidikan Untuk kemampanan Kualiti Kemakmuran. Saya sangat setuju AUKU adalah salah satu cara menyumbang kemakmuran. Malaysia kebanggaan semua. Itulah sebab Tun kenalkan sesuai dengan sense of place sistem pendidikan demi mencapai WAWASAN 2020.

By TDMhater on August 19, 2008 2:47 PM

Bar Council: We are not anti-Islam Tuesday, 19 August 2008 10:09 All headers

The Bar Council, which has come under attack for organising a forum on conversion and Islam 10 days ago, emphatically denied PKR MP Zulkifli Nordin's accusation that it is anti-Islam.

Zulkifli, who was one of the leaders in the rowdy protest against the forum that day, told the press yesterday that he was considering proposing a motion in Parliament to sanction the Bar Council for its anti-Islam stand.

"He was a former council member, you know. And everyone knows our stance. Our more than 50-year history will attest to the fact that we are a multi-racial, multi-religious organisation consisting of members from all religions," said Bar Council president Datuk Ambiga Sreenevasan.

She went on to say that his description of events that took place that day was not accurate. "What I would say is, the film is on YouTube... what took place... and it speaks volumes for itself. There are also many witnesses. You can ask any one of them.

"As far as the motion is concerned, of course he is free to say what he wants, but nothing could be further from the truth. We believe in the freedom of all to practise their religious beliefs and we are the last to be anti any religion.

"Nothing said in the forum can be remotely called anti-Islamic. In fact, half the participants were Muslim. What Dr Mehrun Siraj said will attest to this and shows you there was nothing un-Islamic about that forum. People like her will definitely not sit in a forum like that if it's going to be anti-Islam.

"The forum was essentially to discuss the jurisdictional conflict between the syariah court and the civil court. The other thing to note is that it has been reported that Pas wants to dialogue with us and we are ready to do that."

A past president of the Bar Council, Datuk Kuthubul Zaman Bukhari, reaffirmed Ambiga's position about where the council stands on matters relating to all religions, not just Islam.

"The Bar Council has never been anti-Islam. I was president of the Bar Council for two years, I've been a member of the Bar Council for the last 14 years and I am still a council member now, and for sure, being a Muslim, I can consider myself a staunch Muslim as well. The Bar Council has never taken any stand that is anti-Islam. The Bar Council has never taken any position against any racial, religious, ideology and so on. The Bar Council is free from all this," he said.

"I take issue with the fact that he says the Bar Council did not seek representatives from Islam, I think he's wrong and the facts speak for themselves. There should be an ex-syariah judge there, someone from Ikim as well, or at least, they wanted to come but subsequently pulled out.

"I totally disagree with the stand taken by Zulkifli. Everybody knows what the Bar Council is about."

Meanwhile, Lim Chee Wee, the Bar Council secretary whom Zulkifli said had invited him into the auditorium to verify that the forum had indeed ended, had a very different account of what happened that day.

"Ambiga had actually consented to invite him up to discuss whether the session should end early or continue. So Ambiga actually invited him into the building to have that discussion with her.

"Downstairs, essentially what happened was, he basically told us, if we didn't stop the meeting at 10 o'clock, he would invite the more hostile and aggressive of the demonstrators to storm the building. That was how he put it.

"So, under those circumstances, we had no choice but to invite four representatives to go upstairs to witness and confirm that the forum would end at 10 o'clock. We were under threat of people storming the forum. That's Number One.

"Number Two... you saw their behaviour when they were in the auditorium. You saw the way they didn't sit down, they stood in front of all the speakers and they started shouting, coming close to 10 o'clock or thereabouts, to ask us to close the forum. And then there was the unpleasant exchange of things between Muslim and Muslim. He shouted at Mehrun.

"And the one thing I hope you can say in The Malaysian Insider is this: nobody, nobody can actually quote any speaker at the forum for criticising Islam, who challenged the position of Islam in our Federal Constitution, who challenged Article 121(i). Nobody was critical of any religion.

"What people spoke about was the effect of a spouse or parent who converted and then they were left abandoned."

He said the Bar Council was particularly concerned that some of the newspapers played up the perception that the council was anti-Islam. "The Pas Research Centre and Dr Mehrun Siraj herself said we should have an open dialogue so as to educate Muslims and non-Muslims."

By fauzie on August 19, 2008 2:47 PM

salam,  
saya setuju AUKU dilaksanakan.. bahkan jgn dikurangkan.. kerana ape?? kerana saya melihat pelajar yang perjuangkan pemansuhan AUKU ini hanya la pelajar-pelajar yang tidak terbuka minda.. mereka

perjuangkan sesuatu yang menjaga hak kepentingan mereka.. jujur juga saya ckp, tidak ramai pelajar yang perjuangkan pemansuhan AUKU ni berjaya dalam akademik. tapi tu la.. nak marah n tegur pun, yang nak mansuhkan benda ni adalah orang melayu gak... ntahlah....

By GoodChinese on August 19, 2008 2:50 PM

Tun,

Sebagai seorang rakyat berbangsa cina, saya sangat bangga dapat hidup bersama kaum Melayu, India dan lain lain. Saya adalah penyokong kuat pembangkang terutamanya DAP. Semasa Tun jadi PM, Malaysia dikagumi ramai. Negara kita aman sentosa. Walaupun Dato' Anwar dipecat dan dipenjara, rakyat masih bersama BN.

Tetapi, selepas Tun melepaskan jawatan kepada Pak Lah, negara kita bagai ditimpa bencana. Kes samun, bunuh, rompak, ekonomi merosot, demonstrasi jalanan bertambah, rakyat hidup adalah sangat susah. Banyak janji yang dikatakan Pak Lah hanyalah janji kosong. Pak Lah sudah menjadi PM sudah agak lama, tetapi negara masih kabur dengan objektif yang hendak dilaksanakan beliau. Saya rasa Wawasan 2020 yang diluah-luahkan selama ini tidak akan tercapai.

Ekonomi kita merudum, Inflasi tinggi. Kita memerlukan seorang pemimpin yang betul-betul berkaliber seperti Tun. Dari kecil lagi, saya suka dengar ceramah Tun. Ceramah-ceramah yang disampaikan Tun cukup bermakna.

Disini, saya mengucapkan terima kasih kepada Tun kerana menjadi Malaysia sebagai sebuah negara yang maju. Moga-moga Tun selalu sihat dan bahagia.

By mahadi on August 19, 2008 2:50 PM

Salam Tun,

Semoga sihat selalu..

AUKU dibuat Tun atas dasar kepentingan pelajar dan wang rakyat. AUKU sebenarnya mendisiplinkan pelajar dan menjadi 'barrier' kepada keinginan politik yang melampau. Betul Tun, masa di universiti hanya 3 atau 4 tahun sahaja. Selepas keluar, berpolitiklah sepenuhnya.

AUKU hanya perlu di baiki tapi bukan untuk dihapuskan. Pelajar dulu, sekarang dan pada masa depan pun tidak akan 'cukup' matangnya. Jangan jadi 'jaguh sorak, kampung tergadai'.

Teruskan memberi komen Tun.

Kami ingin faham apa yang Tun buat.

By nookvillage on August 19, 2008 2:51 PM

Tun,

Saya bernasib baik dapat "tongkat" Kerajaan semasa belajar di Universiti sebanyak 3 kali. Sekali di dalam Negri dan dua kali di UK. Pelajar U seharusnya belajar bersungguh-sungguh dan lupa politik. Selepas Iulus dengan baik bolehlah berpolitik dan berpolitik bersungguh-sungguh memajukan rakyat dan Negara. Ilmu yang tinggi adalah yang paling baik untuk menjadi pemimpin yang berkualiti dan berprinsip tinggi. Tun adalah contoh yang baik. Melayu boleh berjaya jika mereka letak ilmu sebagai teras perjuangan utama. Politik tanpa ilmu boleh membawa padah kepada Bangsa dan Nusa. Contoh sudahpun banyak.

By threesixtynine on August 19, 2008 2:58 PM

salam che det, dengan situasi sekarang ini, di manakah relevannya lagi ilmu itu? tidak perlu bersusah payah, hanya perlu belajar mengampu & menabur wang bagi pihak calon pilihanraya sudah cukup untuk memberi kesempatan untuk mencapai tahap jutawan di malaysia ini.

sejarah dah membuktikan ramai jutawan-jutawan di malaysia ini bukannya kerana hebat bermiaga, tetapi hebat mengampu & menabur wang & jumlahnya bukannya sedikit, malahan berjuta-juta. saya tahu ini prinsip che det. bagi che det bila orang dah buat baik, maka eloklah diberi habuan, sedangkan habuan

yang diberi bukan lagi besar, malah terlebih besar. kemudian ia menjadi ikutan pemimpin-pemimpin portfolio yang lain. sehingga begitu rakus sekali budak hitam tu minta percent, tapi sebijak-bijak tupai hitam melompat, akhirnya dia jatuh juga.

kepada yang bersimpati sangat terhadap badan kehakiman tu cuba pergi lihat rumah hakim-hakim yang kononnya tertindas itu. silap-silap anda terbeliak meihat barisan-barisan harta himpunan mereka yang tidak padan pun dengan gaji & pencek mereka...

By bokarachai on August 19, 2008 3:05 PM

SOKONG TUN 1000 PERATUS..WAHAI BUDAK-BUDAK U..BALAS JASA IBU BAPA DULU BARU HIDUP DIRAHMATI ALLAH S.W.T..SETIAP TITIK PELUH IBU BAPA KITA ADALAH KASIH SAYANG MEREKA TERHADAP KITA..JADI JANGAN JADI SI TANGGANG..BERI KASIH SAYANG PULA KEPADA IBU BAPA KITA..LEPAS TERIMA IJAZAH BARU LAH JOIN POLITIK ATAU KERJA DI KERAJAAN KA ATAU JADI USAHAWAN YG BERJAYA..SOKONG AUKU..JANGAN BERPOLITIK LA WAKTU STUDY SEBAB DARAH MUDA NI LAIN SIKIT..PANAS BARAN + EMOSI LEBIH-LEBIH.. ALLAH PANJANGKAN USIA TUN DR MAHATHIR AMIN..

By joehoneyAuthor Profile Page on August 19, 2008 3:07 PM

Salam buat Tun serta Keluarga,

Memang betul Tun! Masa belajar sibuk nak berpolitik. Nanti kalau tak lulus salahkan kerajaan pulak. Ada lagi satu lagi yang paling merepek, nak kawin pulak. Takut nanti buat dosa. Mak bapak juga yang susah nak sediakan duit.

Hidup Tun!

By jadi on August 19, 2008 3:12 PM

Assalammualaikum Tun Dr Mahathir,

Saya masih ingat kata kata Tun bahawa pelajar itu tugasnya belajar.

So, pelajar janganlah menghabiskan masa berpolitik. Politik itu kerjanya besar. Ia memerlukan masa dan wang serta pakatan masyarakat yang berbilang bagi. Tujuan utama politik ialah untuk mendapatkan kuasa. Rakyat manakah yang kurang cerdik untuk memberikan kuasa kepada pelajar?

Pelajar sentiasa digunakan oleh golongan tertentu untuk menghalalkan cara mereka menuntut sesuatu.

Sekiranya pelajar tidak berpolitik atau kurang berpolitik maka peluang untuk sentiasa menggunakan khidmat mereka pasti kurang.

By rakyatengah on August 19, 2008 3:14 PM

Assalamualaikum,

Dear Tun(Atuk yang ku kasih),

Atukku,(Mungkin kau lebih ku sayang dari atukku sendiri)

Bangsamu kau satukan tapi kau halalkan kami menghina  
bangsamu sendiri di kelompok asing(parti lawan),

Kau hidukkan AUKU, tapi kau benarkkan politikus politikus barisan mu menyelinapp masuk ke institusi ilmu itu., kau wajibkan semua hadir ke Majlis sokonganmu berimejkan Biro Tatanegeara.

Kau tentang serangan keatas palestin, tapi kau teruskan ketidakadilan di Malaysia.

Kau perkenal kan DEB tapi kau lamakan, kau usangkan pemikiran bangsa-bangsamu.

kau gengam institusi kehakiman tetapi kau biarkan rasuah bermaharajalela di bumi ini. Milikmukah bumi ini.

Kau cipta sajak indah buat melayu yang slupa, tapi kau burukkan bangsa lain di hati Melayu.

Kau kawal polis dan barisan hadapan negara, tapi kau biarkan anak-anak melayu hanyut dengan kesenangan dan kemewahan. Merekakah pelapis yang mengantikkan barisan hadapan, aku akan meraguinya.

Kau bina pembangunan Malaysia seindah KLCC, tapi kau biarkan malah kau musnahkan pembinaan rohani dalam diri setiap jiwa seburuk tapak pembuangan sampah.

Kau tegas dengan kata-katamu tapi kau lembut dengan kepentingan dirimu.

Dan ingat lah atukku,

Aku seorang peguam dan hakim yang sentiasa dengan rasuah yang hanya mencari untuk kepentingan dunia.

Aku seorang polis yang hanya mementingkan duit dan menggunakan kuasa ku untuk kepentingan ku dan sekutuku.

Aku seorang pelajar yang semakin hari semakin malas.

Aku seorang petani, nelayan yang hanya mampu menilai harga subsidi.

Aku seorang peneroka yang tidak lagi mampu menjaga kelurga hanya duit matlamat hidup ku.

Aku seorang Datuk, Tan Sri yang hanya pandai memijak rakyat dan menghabiskan duit yang ada di depan mata, malah dosa dan pahala tiada maknanya lagi bagi ku.

Aku penjawat jawatan kerajaan dan aku yakin hidup ku senang sehingga ke mati. tak perlu bersusah payah. Aku hanya perlu relaks. Makan gaji buta.

Aku seorang peniaga yang sentiasa mencari ruang dan jalan mudah untuk hidup dan cukup benci dengan peniaga-peniaga cina apatah lagi india.

Dan yang pasti Atukku, Aku seorang MELAYU.

Melayu baru yang kau cipta untuk menghadapi masa depan.

Mampukah kau bangun dari kuburmu nanti untuk membantu ku ketika tiada lagi kekuatan dalam diri ketika kami hanyut dan Tuhan tidak lagi dihati.

Petikan dari "Atukku tanding lagi"-Just kidding  
Hanya menginsafi.

Buat Wokyoh.

Yang hang duk cerita tu padia, masa tu dia dalam parti memerintah. Bolehkah wokyoh pastikan perkara-perkara yang berkemungkinan tersebut itu tidak berlaku dalam kerajaan "Sekarang". Malah perkara yang wokyoh ceritakan tidak pula di buka atau dibuktikan kesahihhannya. Saya telah berfikir seperti yang di anjurkan oleh saudara tapi saudara asyik menceritakan sesuatu yang tidak berani dibuktikan oleh sesiapa pun.

By Tunteja on August 19, 2008 3:14 PM

Tun yang dirahmati,  
AUKU patut dikekalkan kerana itulah cara terbaik membendung kegiatan yang boleh melalaikan penuntut2 universiti.Kenapa setelah melihat apa yang terjadi kpd Saiful Bukhari masih ada lagi orang dewasa yg tidak bertanggungjawab mahu mengajak penuntut meneruskan kesilapan sama? Saya percaya apa yg berlaku kpd Saiful adalah kerana ilmu yang cetek dan usia setahun jagung dalam politik.Akhirnya beliau terjerumus,terjebak dan terperangkap dalam kancang SEBENARNYA orang berpolitik.Ambil iktibar daripada kejadian ini.Bukan semua yang berpolitik itu bertanggungjawab.Ramai yang mengambil kesempatan !!

TQ Tun.

By key on August 19, 2008 3:19 PM

Assalamualaikum buat TUN,isteri,keluarga serta chedet fan.Disini suka memberi sedikit komen tentang isu yang ditulis.Mengenai akta universiti dan kolej universiti(AUKU)apa yang Tun cuba lakukan itu memang sepatutnya.Kalau kita lihat pada pencapaian pelajar2 kita terutama bangsa melayu adalah agar ketinggalan kebelakang.Daripada peringkat menengah lagi dapat diukur berbanding dengan pelajar bangsa lain di M'sia ,terutama apabila pengambilan untuk ke universiti tempatan .Contohnya dengan keputusan sijil pelajaran malaysia(spm)ketika waktu saya lagi sudah nampak jurang yang amat berbeza.Apalagi sekarang ,setahu saya lagi mudah.Kebanyakkan pelajar sekarang kurang mahir dalam penggunaan bahasa inggeris, setengahnya juga bahasa melayu juga begitu terutama bagi pelajar luarbandar bahasa inggeris dikalanya mereka amat jauh ketinggalan berbanding dibandar yang hampir semua boleh bertutur dgn bahasa tersebut.Kerana saya anak luarbandar dan bapa cuma peneroka sahaja dengan keluarga yang serba serbi biasa2 saja.Sebab saya pernah mengalaminya.Bagi saya tindakkan Tun memang betul,terutama pada pelajar2 sekarang tiada beza anda tinggal dibandar/sebaliknya yang penting tekad untuk menukar taraf keluarga .Tiada alasan kenapa kita tak maju dalam ilmu.Semuanya dari dalam diri sendiri.Kerajaan jangan terlalu memanjakan bangsa kita saja dengan pelbagai pembiayaan memlainkan yang benar berhak untuk mendapatkannya.Pelajar2 melayu terutamanya selalu menyibukkan diri seperti dalam politik.Kenapa ini berlaku ?cuba kita lihat kita anwar ditangkap.Sepatut nya sebagai seorang pelajar bukan disitu tempat anda.Selagi belum tamat pelajaran dan memperolehi sijil ,janganlah anda jadi tukang menyibuk.Sebagai pelajar tugas dan amanah anda adalah belajar dengan jayanya.Jangan kita salahkan kerajaan apabila lebih ramai pelajar bukan melayu/bumi yang membanjiri universiti2 tempatan ummunnya.Apalagi diuniversiti luarnegeara.Apa yang menghairankan ialah sikap pelajar kita yang ambil mudah dalam hal2 mengenai ilmu pengetahuan,berbandingkan dengan hal2 seperti hiburan yang kadang2 kecenderungan pelajar2 ini amat ketara sekali.Dimana ada setghnya sangguh berhenti belajar kononnya minat pada dunia lakonan/nyanyian tak boleh dipisahkan.Cuba difikir dengan akal yang waras,berapa lama kita boleh jadi pelakon/penyanyi?adakah sepanjang hayat kita?.Apakah keistimewaan?kebanyakkan hanya ingin glamour sahaja.Berbanding dengan artis luarnegara yang kebanyakkan berpelajaran tinggi.Bukan tujuan saya memandang rendah pada dunia hiburan kita,begitu juga pada dunia politik dinegara kita.Tak sudah2 dengan rasuah2 tetapi tugas tak juga dilakukan.Setakat kempen sana sini tetapi satu tugas yang diamanahkan terbekalai,duit dah ambil kerja tak buat .Ini semua berpunca pada sikap menyibuk2 pelajar2 melayu kita.Kerana sifat amanah dan jujur sudah hilang masa bergelar pelajar lagi.Sungguh malu jika kita nak menyalahkan oranglain dalam hal ini.Samaada perlu atau tidak sesuatu sistem itu dilakukan untuk ke universiti2 tak perlu dipersoalkan.Kenapa ALQURAN diturunkan kerana didalam terdapat peraturan2 yang umat islam mesti menurutnya,kerana perintah ALLAH.Begitu juga yang cuba Tun lakukan pada pelajar2 bumi/melayu & bukan bumi.Jika tidak semuanya tak teratur,ada peraturan pun kita tak mematuhi apa tak jika sebaliknya.Pelajar2 kita hendaklah dikenakan peraturan yang ketat.Terutama jika masih dalam pengajian lagi,mereka tidak boleh mencebur mana2 kegiatan yang bukan dari pusat pendidikan mereka.Dengan melarang dari menyertainya/mereka dibuang dari pusat tersebut.Biar mereka tahu betapa susah untuk memasuki pusat pengajian tinggi berserta dengan kelulusan dan disiplin yang tegas.Sekarang ada segelintir dari mereka ini sanggup melakukan kerja2 tk bermoral kerana disiplin yang terlalu longgar.Seperti pelajar2 yang keluarmasuk di pusat itu.Malah pergaulan yang terlalu bebas telah merosakkan masadepan mereka.Apalagi pada pelajar2 dari luarbandar,kata org baru kenal dunia hingga mereka lupa tujuan asal mereka ke universiti.Bagaimanapun kerjasama dari pihak seperti kementerian pendidikan serta pihak2 universiti amat diperlukan dalam melaraskan sistem ini berjaya dan semua mendapat ganjarannya kelak.Begitu juga pada pihak ibubapa,jangan mengambil sikap lepas tangan.Tetapi bila sesuatu berlaku jangan menuding jari pula.Semoga akan lahir generasi yang menyenangkan semua pihak.Kita ingin generasi ini dapat terus memperjuangkan negara mereka dalam apa jua situasi ,tak kira apa bangsapun.Semoga NIAT TUN DAN KAMI YANG INGIN MELIHAT ANAK BANGSA KAMI MENJADI MANUSIA YANG BERILMU DAN BERAKHLAK BAIK TERCAPAI.AMIN.....

By observer on August 19, 2008 3:23 PM

assalamualaikum tun,

terima kasih untuk penjelasan ini.sewaktu saya belajar,memang betul,pelajar melayu suka berpolitik.mereka sanggup pergi meraih undi di tempat yg jauh dan keputusan mereka hanya cukup-cukup makan.paling menyedihkan,mereka sanggup menolak dasar kerajaan seperti pada waktu itu "sekolah wawasan" kerana mereka menyokong parti pembangkang sedangkan dasar tersebut utk kebaikan orang islam berbangsa melayu.saya malu dan terasa akan pelajaran di universiti masih tidak mampu meninggikan ilmu golongan ini kerana ternyata perlakuan mereka menunjukkan mereka bukan golongan terpelajar.tidak dapat berfikir dgn waras dan bersifat KEPARTIAN yg tanpa asas.kesian...kenapa pemikiran bangsa yg terjajah masih ada dlm anak2 melayu ini.semepena bulan kemerdekaan ini,saya mengucapkan SALAM KEMERDEKAAN buat Tun dan keluarga.tidak lupa juga untuk keluarga Almarhum Tunku Abdul Rahman,Allahyarham Onn Jaafar,Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn. MERDEKAnya Malaysia adalah jasa mereka semua.mungkin mereka akan bersedih di atas keadaan bangsa dan negara yg semakin terpesong pada hari ini kerana ibarat usaha mereka hanya sia-sia.marilah kita sama sedekahkan Al-Fatihah kpd mereka.Wassalam

By zrd on August 19, 2008 3:29 PM

Assalamualaikum..

TUN yg saya kagumi dan hormati..

1. Saya berpendapat AUKU masih relevan pada masa kini terutama sekali kepada bangsa Melayu yg mudah terpengaruh..
2. Yg lebih suka mengaplikasi drp mengkaji..
3. Yg tak suka mengkaji Al-Quran dan kitab2 tetapi lebih suka bertanya kpd ustaz-ustaz lps tu percaya bulat2..
3. PENDIDIKAN akan menjadikan seseorang itu berilmu dan berpengetahuan manakala PENGALAMAN akan menjadikan seseorang itu lebih matang..
4. Kedua-duanya penting dan tidak boleh berharap kpd teori semata2..
5. Sekiranya para pelajar nak buktikan kebolehan dan kepandaian mereka rasanya byk lagi cara lain yg boleh dibuat.
6. Sumbangan pelajar dari segi hasil ciptaan, idea, tenaga dsbnya sgt diperlukan oleh agama, masyarakat dan negara..

By dfkl on August 19, 2008 3:40 PM

Good day to you TUN,

I strongly support you in your past action and your article in teaching science and maths in english.

Mahasiswa should focus more on learning new knowledge and acquiring new skills in universities and spending less time on politics.

Don't waste time, it will not wait for you.

I'm from UM, all seniors who graduated in the 70's & 80's are proud to say they're from UM. Look at the world ranking now, lebih daripada 100. Why? go to university not for study, do not attend tutorial. Where got enough focus on study. Join all the angkatan & go for street demo. Anti this, anti that.

If the leader is wise enough, is this heart sick. Waste the tax payer money, giving them time to do nonense. Should tighten the act.

However not all under graduates are interested in politics in uni.

To conduct the subjects in english is a wise move, look at the under graduates today, the way they studies, reading the reference books written by Mat Salleh also got problems. I have seen in my own eye, my course mate from the adult class in UM asking the Pensyarah, "Sir" Boleh expain in BM. They still do not understand the commercial world requirement as yet, after a few years working outside.What a pity!!!

Why? since in primary school, the focus in english is not enough, tak cukup. We must not glorify the english language, but we must understand lots of text has been written in english, from statics, engineering, accounting, medicines, economics & etc. Do we have enough reference books translated in BM?

It's like building houses, when the foundation is no good, than what you expect?

I remembered, when I was in my secondary school, we got real good teacher for english subject & at times we have a Mat Salleh teaching us english. Look at the teachers who taught english in the primary school today, how they converse with our children.

In some school, if you're caught to speak in english during non english subject, you will be subject to punishment, "denda faham".

How to be well verse.

Wake up all.

Hope the current leaders will follow your foot step & put more emphasis on the issues.

I agree with you in these two topics.

Good health to you.

By sbp on August 19, 2008 4:02 PM

Salam Tun

Saya berdoa tun sentiasa dalam keadaan sihat walafiat sekeluarga.  
berkenaan isu auku nih, saya berpendapat tun telah lakukan sesuatu ihsan kepada negara, melahirkan ilmuan negara yg masyhur dan gemilang..ini smua disebabkan pemisahan dari segi akademik/kokurikulum dan politik itu sendiri..saya rasa isu mengharamkan auku ini adalah desakan dari sesuatu pihak ke atas bangsa melayu (ditujukan kepada anak2 remaja yg beremosi tanpa memikirkan masa depan bangsa sendiri)..anak2 remaja sekarang tidak mampu berfikir secara waras disebabkan kejahilan akidah dan ilmu yg cetek..suka saya katakan bahwasanya tun telah lakukan sesuatu yang revelan dan masih relevan untuk masa akan datang..hidayah yg ALLAH berikan pada tun telah digunakan sebaiknya tuk agama, bangsa dan tanahair yang tercinta...terima kasih tun..

By ken on August 19, 2008 4:03 PM

this is something different, but i was hoping to get your two cents worth.

<http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2008/8/19/nation/20080819140627&sec=nation>

i don't know much about hudud law, but providing 4 witnesses? isn't this something that should be followed in principle rather than to the letter? i understand that the need to provide 4 witnesses might be a safeguard for defamatory accusations, but shouldn't be pay more attention to the context rather than the wording?

thanks

By warisanpang5Author Profile Page on August 19, 2008 4:12 PM

Slm YABhg Tun Dr Mahathir,

Saya pun bekas pelajar U juga masa di akhir penggal Tun jadi PM. Memang diakui, kadangkala jika berpeluang menghadiri ceramah-ceramah politik di kampung kebetulan masa 'semester break', terasa syok pula melihat dan mendengar pemimpin-pemimpin politik memberi ceramah yang berapi-api demi memperjuangkan agenda politik masing-masing. Dalam hati, kalau lah dapat digapai mikrofon dan tumpang sekaki untuk memberi ucapan kepada penduduk kampung halaman alangkah seronoknya, glamer habis !!

Malangnya, masa itu, saya cuma seorang pelajar yang perlu memenuhi setiap ruang yang ada di dada untuk menimba sebanyak mungkin ilmu yang diperolehi di menara gading demi masa depan yang sempurna. Dalam hati kecil berkata, mungkin selepas keluar U, masa saya akan tiba untuk menjadi seorang ahli politik, kerana minat dan rasa tanggungjawab ingin menabur bakti demi bangsa, agama dan negara.

Tun, tiada salahnya AUKU diperkenalkan atas dasar kepentingan para pelajar sendiri, khususnya di kalangan pelajar-pelajar Melayu. Timba lah ilmu dengan sebanyak mungkin di Universiti, dan jika selepas anda telah berjaya memperolehi segulung @ 2 gulung ijazah, ceburilah bidang politik kerana di situ lah kita akan dapat merasakan tinggi rendahnya langit, terutama di dalam menyatu padu dan mengharmonikan rakyat yang berbilang kaum serta memastikan kestabilan dan kedamaian negara Malaysia yang kita cintai.

Apapun, jasa & pengorbanan yang dilakukan oleh YABhg Tun Dr Mahathir kepada rakyat & negara, tidak dapat dinilai dengan wang ringgit maupun jutaan kata puji yang ditaburkan. Hanya doa 'Semoga Allah swt merahmati YABhg Tun & Keluarga, dikurniakan kesihatan yang a'fiat, dipanjangkan umur serta murah rezki" agar Tun dapat terus membimbang dan menjadu sumber inspirasi seluruh rakyat Malaysia. AMIN...

Wassalam.

By jamallyna on August 19, 2008 4:14 PM

Salam Tun dan rakan2 semua,

Saya bersetuju dgn apa yg Tun huraikan rasional AUKU semasa Tun menjawat jawatan sebagai Menteri Pelajaran. Sepatutnya setiap pelajar menumpukan sepenuh perhatian kpd pelajaran lebih2 lagi mereka yg mendpt biasiswa kerajaan kerana semua duit itu datang dr pembayar cukai. Dan sebagai anak mereka juga mestilah mengenang jasa ibu bapa mencari rezeki utk membiayai pelajaran mereka.

Alangkah sedihnya ibubapa seandainya anak2 mereka terkandas dlm pelajaran akibat tindakan mereka yg melibatkan diri dlm politik. Kalau diperhatikan hampir TIADA bangsa lain seperti cina & india yg melibatkan diri dlm demonstrasi atau politik semasa tempoh pengajian mereka kerana mereka fokus terhadap pelajaran. Maka adalah perlu AUKU itu tidak dimansuhkan, memadai dgn diubah bersesuaian dgn keadaan semasa.

Wassalam...

By wokyoh on August 19, 2008 4:19 PM

minta perhatian kepada rakan rakan sekalian...sudah lama wokyoh perhatikan...semacam satu trend pula untuk meletakkan ayat-ayat alquran atau huruf-huruf tertentu dalam ejaan rumi dibawah setiap komen...contohnya:

-yaa sin,alif lam min,kaf ya ha ain sod,haa mim,alif ba ta,al fatihah....dan lain-lain...

rasanya kalau kita tak berapa arif atau faham dengan "hakikat" atau asbaabun nuzul ayat-ayat al-quran itu...usaha lah diletakkan dibawah komen kita...wallohu'l lam...minta maaf..itu pendapat wokyoh je...

By arin on August 19, 2008 4:29 PM

Assalammualaikum Tun,

- 1.Dari pandangan saya budak budak kita belum lagi "mature" dalam pemikiran mereka. Dengan sebab itu mereka tidak boleh berfikir "rational", dan senang dipenggaruh.
- 2.Kita tidak boleh salahkan mereka, sebab orang dewasa kita pun begitu juga sehingga menjadi taksub. Cuba baca komen komen di blog blog, lihat pengikut pengikut parti politik, lihat pengikut pengikut pertubuhan saperti Al-arqam. Tidak boleh masuk akal yang "rational" kenapa mereka begitu taksub.
- 3.Minda mereka terkongkong dan sempit. Yang berpelajaran tinggi pun macam itu, seperti pensyarah pensyarah pengajian tinggi dan ahli ahli "professional" dalam kerajaan dan swasta.
4. Kemungkinan kepentingan diri mengatasi fikiran "rational", atau disebabkan kejahilan.
5. Kesimpulannya, jangan sekali kali diberi kebebasan berpolitik kepada penuntut penuntut dan tenaga pengajar dalam institusi institusi pengajian tinggi. Rosak bangsa dan negara esok.

Salam sejahtera kepada Tun sekeluarga. Wassalam.

By chesomAuthor Profile Page on August 19, 2008 4:32 PM

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

TUN

Teruskan menulis dalam blog ini, saya percaya semua rakyat malaysia yang berbilang kaum kini lebih tertumpu kepada blog TUN daripada media-media lain, bahkan blog-blog lain.

saya percaya blog TUN merupakan paling diminati sekali. Tulisan TUN membina. tulisan TUN menaikkan semangat patriotik kami.

love u laways TUN.

chesom

By Hang Kasturi on August 19, 2008 4:33 PM

Salam Takzim Tun,

I am all for the retention of AUKU. The spirit and intent of AUKU is to prevent students from being involved in politics. One can be "addicted" to politics and would forget everything else. So the students , mostly Malays will spend their productive times and brain powers on politics, not on their studies. So they consequently will fail.

Politics usually will ferment religious and racial hatred. Our politics run on ethnic platform, some thing natural as each race will champion its own interests over anybody else's.

Can the students , at the formative age, handle this onslaught on their faculties and emotions? They should instead acquire and hone their skills and thinking process to face the real harsh world: to find a good job and look after their parents.

AUKU does not stifle the students from being exposed to healthy democratic principles. They take part in election process for position to lead student bodies . In the process,students with good talents get spotted and elected as leaders.I liken this practice as 'guided democracy ' in our campuses with the Universities Administration providing the necessary guidance and control.

Leave the AUKU in our statute books. We have enough hatred due to politics outside the campuses.

Hang Kasturi

By nusams on August 19, 2008 4:33 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya perasaan beberapa tulisan Tun cuba menerangkan dan menjustifikasi dasa-dasar yang telah Tun perkenalkan. Tun seorang pemimpin yang jujur dan berani. Banyak kebaikan telah Tun curahkan kepada rakyat bumi bertuah ini dengan izin Allah swt. Memanglah tak sempurna kerana Tun seorang manusia, tapi yang pasti ianya terbaik.

Bagi saya sumbangan terbaik Tun bukannya pembangunan ekonomi, bukannya Proton, bukannya KLCC, KLIA mahupun Putrajaya. Sumbangan terbaik Tun ialah apabila Tun telah menyelamat negara dari pengkhianat dan musuh dalam selimut 9 tahun yang lalu. Sejarah telah mengajar jatuhnya empayar melaka bukannya disebabkan teknoloji peperangan Portugis lebih baik, bahkan ianya disebabkan pengkhianat bangsa Melayu.

Kini terpulanglah kepada pemimpin yang jujur yang ada sekarang untuk meneruskan perjuangan. Tun telah melakukan yang terbaik sebagai perdana menteri.

Terimakasih, semoga Allah membala kebaikan Tun dan mengampuni kita.

Assalamualaikum

By WHY BEE BANGI on August 19, 2008 4:36 PM

Salam Tun,

Tun kata jika masyarakat nak sangat, BATALKAN SAJA AUKU. Saya setuju 100%. Keadaan pun dah berubah dan akan terus berubah tidak lama lagi andainya Anwar mencapai cita citanya. Pada dasarnya orang Melayu pun lebih ramai yang sokong Anwar walau apapun yang digembar gemburkan oleh kerajaan atau media. Melayu kan mudah lupa dan memang mudah dikhayalkan.

Bila Anwar jadi PM dan Nurul jadi Menteri nanti kita nak tengok cara dia mengendalikan semua yang diperjuangkan. Korupsi, ketelusan, kebebasan dan lain lain idealisma beliau. Selama ini beliau jadi TPM dan berselindung disebalik segala macam akta. Tentu seronok dan itulah nostalgia yang diidamkan. Namun apabila segalanya dia sendiri yang ubah, kita nak tengok ia menggelupur ke tidak. Saya doakan ini akan berlaku. Kita dah terlalu sempurna dan selesa selama ni Tun.

Dan tibalah masa kita yang sentiasa bimbang keadaan hari ini boleh ganyang dia tiap tiap hari, kiri kanan, depan belakang(ooops...).

Tun, saya memang tak sabar nak pekena orang macam ni.

Wassalam

By rakyatbiasaAuthor Profile Page on August 19, 2008 4:39 PM

assalamualaikum tun.. saya amat kagam dengan tun. seorang yang bersemangan dab berwibawa. maaf saya katakan, sejak akhir2 ini, artikel2 tun kurang kick seperti awal2 penubuhan blok ini. mungkin artikel akan datan tun akan lebih banyak mendedahkan kepincangan yang berlaku dalam negara kita ketika ini. ataupun komen2 mengenai isu semasa ataupun apa sahaya disebalik takbir. maaf tun.

peminat tun

By rowha on August 19, 2008 4:40 PM

Tun yang dihormati,

saya gembira Tun sentuh tentang isu AUKU. Pemerhatian saya semasa saya jadi mahasiswa UM dulu memang seperti apa yang Tun katakan. Mahasiswa Melayu memang pulun sungguh kalau bab politik, yang pulun politik ni ramai yang kena repeat kertas Bahasa Inggeris. Dah tahun 4 pun masih dok repeat paper tahun 2. Result exam cukup-cukup makan saja. Bab assignment memang depa main suruh orang tolong buat, takpun cedok yang kawan punya. Kalau tengok perangai depa ni time pilihan raya kampus, masyaAllah, entah apa-apa. Yang buat kerja pelik-pelik bodoh ni puak pro 'parti mengambang langit

hijau' tu lah. Asyik berkempen bilik ke bilik asrama ganggu orang nak belajar tu satu hal, sanggup pula berjaga sepanjang malam jadi puaka tangga (depa 'guard' kat tangga-tangga asrama) untuk halang ahli parti yang satu lagi masuk berkempen. Semalam tak tidur, macam mana nak belajar esoknya? Bukan sehari dua depa dok jadi puaka tangga ni, tetapi sepanjang masa tempoh berkempen. Itu tika ada AUKU, kalau AUKU mansuh, tak tahulah nak sampai ke mana tahap dangkal mereka. Kalau AUKU mansuh, saya rasa tak samapi 3 bulan, peristiwa rampasan kuasa macam orang Jemapauh buat dulu akan berulang. Orang hentam Tun bila Tun buat AUKU, depa kecam Tun tak kenang budi mahasiswa-mahasiswa yang sokong Tun masa Tun dibuang parti oleh TAR. Bila Tun dibawa masuk balik ke UMNO dan jadi menteri, terus Tun buat AUKU. Biar apa orang nak kata Tun, asalkan kita ikhlas buat untuk masa depan bangsa kita yang memang tak pernah mahu memandang jauh ke hadapan. Bodohlah kerajaan kalau mansuhkan AUKU. Saya cadangkan hantar orang menyamar jadi mahasiswa survey dulu satu semester kat universiti tengok perangai pelajar-pelajar Melayu sebelum mansuhkan AUKU. Jangan nama kita tercatat dalam sejarah sebagai perosak intelek bangsa dengan memansuhkan AUKU.

By Semporna Mari on August 19, 2008 4:40 PM

Salam TUN...

Tidak sia-sia Malaysia melahirkan seorang pemimpin seperti TUN. TUN seorang pemimpin dan pemikir yang berwibawa. TUN melaksanakan dasar dan tindakan melalui proses dari "akar" bukannya "pucuk". AUKU patut dikekalkan. Bangsa kita yang rugi (MELAYU) kalau AUKU di hapuskan kerana anak MELAYU yang cepat terpengaruh dengan pujuhan pihak yang berkepentingan. Kita lihat sahaja, ramai pelajar kita apabila mendapat pinjaman PTPTN, kedai HANDphone jadi tumpuan berbanding bangsa-bangsa lain.

By osaneAuthor Profile Page on August 19, 2008 4:50 PM

Yang Amat Berbahagia Tun (YAB Tun)..

Semoga YAB Tun dan keluarga sentiasa sihat sejahtera, Insya Allah.

Untuk Sjankan (chedet-unlimited)..

Siapa juu anda,sama ada lelaki/perempuan, rumusan saya ialah.. anda:

1. Pengecut; Sila kenalkan diri anda...
2. Jika lelaki..anda juga suka meliowat;
3. Ulasan dlm blog anda macam orang cacat otak;
4. Hidup penuh hasad dengki;
5. Tak tau malu... guna nama chedet untuk blog anda;
6. Suka hidup dijajah.. anda ni jenis rakyat malaysia yg tak ada keyakinan diri;
7. Sprt katak bawah tempurung.
8. Tak pernah bersyukur....

Saya hanya setuju komen anda tentang ezam..

Semoga YAB Tun terus bersemangat. Wassalam...

By Crestar & Stripes on August 19, 2008 4:51 PM

Assallammualaikum TDM,

I'm in total agreement with you Sir!. I believe a man with foresightedness such as you is always misunderstood....initially. Just like when you decided to handle the 'Asian Financial Crisis in 1997' your own way by imposing many unpopular strategies. Many notable institutions (IMF & the likes), economists, scholars & not forgetting the culprit behind the crisis, George Soros,... thought you were crazy and Malaysia was doomed.

But you made all of us proud when Malaysia came out of the crisis just fine. Later your skeptics even praised & commended you on your bold but yet daring measures. IMF & Soros included. And now, your model & strategy have become case studies in many business schools and economic departments in

universities throughout the world.

I know I've said this in my earlier posting in this blog before, but I'm going to say it again..... YOU ARE TRULY A WORLD CLASS LEADER.

Dear TDM, please continue to aspire & inspire us all.

Stay cool, stay healthy, have a good Ramadhan and May Allah bless you always.

Wassallam.

By chemud on August 19, 2008 4:54 PM

Assalamualaikum, Tun

Memang lumrah dunia, apa yang tersirat dalam hati dan fikiran kita orang salah tafsirkan. Bila kita buat sesuatu dengan harapan dapat memajukan bangsa tapi disalah ertikan sebagai perosak bangsa. Harap banyak bersabar, Allah akan memberi rahmat dunia dan akhirat.

By Lagos69Author Profile Page on August 19, 2008 4:55 PM

Salam Tun

"Jika hari ini penuntut lebih dewasa dan bertanggungjawab batalkan sahaja AUKU. "

Saya amat bersetuju dengan point terakhir daripada Tun itu...Hapuskan sahaja AUKU...(Jangan lupa ISA juga patut dihapuskan....)

<http://www.impianrakyat.blogspot.com>

By Anfarri on August 19, 2008 4:58 PM

Salam tun,

Itu lah masalahnya melayu2 ni...

Mereka ni dah lah xde ape2...

belajar pun takat mane je...

lepas tu, sibuk ke politik memanjang dan tak hiraukan pelajaran.

bangsa lain tengok kita mcm tu, diorg kata ntah ape2 lah

melayu ni...

Kita sepatutnya rasa malu kenang kan balik diri kita ni macam mana di mata orang lain.

Maaflah kalau komen saya ni keterlaluan, tapi saya memang x puas hati dengan bangsa saya sendiri...

By murai77 on August 19, 2008 4:59 PM

Salam Tun,

Komen yang pendek untuk post kali ini...

AUKU menyekat kebebasan pelajar untuk berpolitik tapi tak menyekat kebebasan pelajar untuk mencari ilmu.

AUKU menyekat kebebasan pelajar untuk berdemonstrasi tapi tak menyekat kebebasan pelajar untuk score Dean List dan graduate dengan jayanya.

AUKU menyekat kebebasan pelajar, itu adalah betul....

tetapi kerana AUKU lah anda fokus kepada pelajaran anda dari berpolitik, menyelamatkan masa anda untuk belajar dan buat assignment.

Kerana AUKU lah at least dapat menyelamatkan anda dari kena kick dari Universiti selepas dapat CGPA yang hancus dek keseronokan berpolitik.

Kerana AUKU lah Malaysia selamat di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

sekiranya tiada AUKU jika dari 100,000 orang mahasiswa yang belajar di Universiti dan setengah darinya berdemonstrasi politik, kita kerugian 50,000 orang mahasiswa yang sepatutnya graduate dan menyumbangkan kepakaran yang seharusnya berguna kepada agama, bangsa dan negara.

AUKU masih relevan dalam keadaan Mahasiswa yang masih cetek pemikirannya.

By Ali on August 19, 2008 5:00 PM

Salam TDM dan keluarga, semoga sihat sejahtera

Saya sokong 100% AUKU.....tanpa AUKU pelajar kita akan jadi sama seperti ANUAR IBRAMIM....Selamatkan pelajar kita sebelum parah...

By zaidi suhaimi gilongAuthor Profile Page on August 19, 2008 5:01 PM

assalamualaikum Tun.

Masih perlu ditinjau dan diteliti juga.

salam Tun.

By JAAFAR on August 19, 2008 5:10 PM

Salam untuk semua.

AUKU tu penting dan semestinya ada. Sebabnya telah dihuraikan oleh YABhg Tun dan komentar2 yang lain. Tetapi jangan ianya disalahtafsir dan disalahgunakan.

Demonstrasi itu adalah budaya dan hobi yang sorang tu pelopori. Semasa dia jadi Presiden PBMUM(Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya) dulu, sikit saja hal dah berdemonstrasi. Sehingga Bendera MALAYSIA pun dipijak2. Orang yang tak hormat kat Bendera Malaysia adalah orang yang tak cintakan NEGARA Malaysia dan tak patut sampai bila2 pun jadi PEMIMPIN negara kerana orang seperti itu adalah pengkhianat negara. Tahukah anda semua SIAPA Dia!!

Jengok2lah sejarah dan FIKIR la sendiri.

By ikanbilismoh on August 19, 2008 5:10 PM

TUN.....

KENAPA DALAM BLOG TUN DAH TIADA ATURCARA TUN SELANJUTNYA....

SETAHU SAYA PADA 30 OGOS NIE TUN AKAN HADIR DI FORUM DI SIME DARBY CONVENTION CENTRE.....

ADA BETUL KE TUN....SEBAB SAYA MAU MENGHADIRINYA DAN BAGAIMANA MAU...REGISTER KE FORUM BERKENAAN.....

SEKIAN...PEMINAT SETIA TUN....

By akhurairah on August 19, 2008 5:11 PM

Salam Tun,

Saya menyokong 100% supaya AUKU dipertahankan. Semua pihak perlu terbabit untuk memberi penerangan tentang kebaikan AUKU ini. Pada saya, pelajar tidak perlulah sibuk berpolitik. Habiskan pengajian dulu, ada pekerjaan yang tetap, kemudian baru boleh difikirkan untuk berpolitik.

Memang pada saya politik ini penting. Rasulullah pun berpolitik. Dala Islam pun ada politik. Tapi sekiranya politik sehingga membawa kepada FANATIK, kerja pun belum ada, makan pun mak abah

masih tanggung, yuran pengajian pun orang lain tanggung (biasiswa, pinjaman, orang tua), tak usahlah nak sibuk berpolitik. Pentingkan pengajian dulu kerana jika tiada ilmu, tak pandai berpolitik.

Sekian, terima kasih.

By furido1585 on August 19, 2008 5:20 PM

Penuntut yang mahu berpolitik luar kampus boleh tapi dengan syarat suruh ibu bapa mereka tanggung kos pengajian anak mereka itu. Sedarlah bahawa jumlah yang dibayar sendiri oleh penuntut IPTA adalah sangat kecil berbanding jumlah keseluruhan. Melayu harus sedar diri kerajaan banyak bagi keistimewaan. Masuk universiti untuk dapatkan ilmu. Namun penuntut IPTA yang menjadi penyokong Anwar Ibrahim bukannya ilmu nombor 1 dalam kepala otak mereka. Cipta satu formula dulu macam Albert Einstein baru nak berangan serta politik. Dahlia Bahasa Inggeris lemah! Amalkan sikap sederhana. Sedarlah Anwar Ibrahim itu tak ubah macam Bill Clinton dan Thaksin Shinawatra, kuat seks dan berlagak hero namun realitinya pengecut!

By sangkancil on August 19, 2008 5:25 PM

saya... bersetuju mahasiswa/siswi menumpukan perhatian mereka kepada kursus masing-masing dan bukannya terlibat dalam politik!

By edalia on August 19, 2008 5:26 PM

Salam Yang Berbhg Tun,

Banyaknya komen yang menyokong kewujudan AUKU.. Saya seorang pelajar yang masih menuntut di salah sebuah IPTA. Diakui,AUKU penting untuk mengawal pelajar dari melibatkan diri dari politik. Tapi AUKU telah dimanipulasi oleh sesetengah pihak terhadap pelajar yang mengambil tahu tentang politik. Lansung tidak boleh berkumpul..dan banyak lagi kekangan. Saya pun tidak bersetuju dengan demonstrasi yang tidak terkawal yang diadakan oleh pelajar, tetapi adakah pelajar menjalankan demonstrasi aman, cuma disalah ertikan oleh pihak polis dan media.

Disini ramai pelajar bukan melayu dan boleh dikatakan setiap minggu akan diadakan perhimpunan sesama mereka di fakulti. Kenapa kalau kaum bukan Islam yang berhimpun tiada tindakan diambil? Tapi kalau perhimpunan pelajar Islam diadakan aje mesti dituduh nak berpolitik.

Cadangan saya,bagi pelajar ruang untuk memberikan idea,tidak kira lah dari segi politik atau pun dari aspek lain. Maksud saya saluran selain MPP. Memang kami disuruh belajar dan pergi kuliah,adakah dgn ini hak kami untuk bersuara telah dimansuhkan sama sekali? (seolah-olah kami dibiaya untuk belajar,dan ddk diam-diam..)

Dan apa yang saya dapat lihat banyak pelajar tidak mengkaji keadaan politik semasa, mereka hanya menyokong secara membuta-tuli lebih-lebih lagi pelajar yang pernah di'subsidi' kerajaan.

Wassalam

By wakmes on August 19, 2008 5:32 PM

Assalamualaikum TDM.

Wahai anak-anak Melayu bukalah minda dengan membaca blok Che Det agar Melayu terus maju di arena global.

Wassalam.

By Jebat2008 on August 19, 2008 5:34 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya sokong 100% pemikiran Tun dalam hal "AUKU - AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI" yang telah Tun perkenalkan dahulu sehingga sekarang. Saya rasa ia patut dikekalkan demi kebaikan penuntut pusat pengajian tinggi di Malaysia. Hasil idea Tun perkenalkan sekarang kita dapat melahirkan ramai generasi intelektual terutama dari bumiputera. Terima kasih Tun.

Bagi saya dengan adanya ini telah banyak mengurangkan golongan penuntut seperti perangai Anwar Ibrahim. Jika tiadanya AUKU saya tidak tahuhah apa nak jadi dengan penuntut-penuntut terutama Melayu yang suka terikut-ikut rentak budaya luar yang banyak kita lihat di luar negara penuntut-penuntutnya ramai terlibat dengan demonstrasi jalanan.

Apa salahnya 3-5 tahun mereka tumpukan perhatian penuh dengan menuntut ilmu demi masa depan sendiri dan sebagai aset negara yang bernilai.

Hakikatnya, AUKU adalah satu dari beibu jasa Tun terhadap masa depan negara. Hanya pemimpin yang bodoh sahaja yang akan membubarkan AUKU.

Fikir-fikirkanlah....

By dospenang on August 19, 2008 5:51 PM

SALAM TUN,

Saya hargai penjelasan TUN mengenai AUKU yang teerbukti ada kebenarannya.

Tetapi ada sesuatu yang ingin saya perkatakan.

Saya pecaya kepada PENGALAMAN.

PENGLAMAN ADALAH ILMU TERBESAR DALAM KEHIDUPAN.

PENGLAMAN TUN selama lebih setengah abad sebagai pemimpin dan negarawan menjadikan TUN lebih matang dan berpandangan jauh daripada semua pemimpin yang ada hari ini termasuklah DSAAB dan DSAI.

Tidak akan adanya sebab TUN menolak kepimpinan hari ini jika TANPA ASAS YANG KUKUH.

JADI bercakap hal DEMOKRASI AUKU atau sebagainya boleh menampakkan kelemahan orang yang TUN TUJUKAN.

TETAPI pendapat saya TUN tidak akan ke mana jika menulis dan hanya bertindak sebagai 'PENGHIBUR' dan pembaca merasa 'TERHIBUR'.

SAYA ingin mengajukan TUN bertindak DEMI NEGARA MALAYSIA.

Bermula dengan 'TINDAKAN' BARU DAPAT MERUBAH KEADAAN.

CADANGAN SAYA:

1. TUN perlu mendapatkan sokongan calon pengganti PM yang TUN rasakan layak bertanding melawan PRESIDEN pada EGM UMNO akhir tahun ini dan mencalonkan beliau dengan sokongan MT UMNO.
2. TUN boleh mencabar PAK LAH supaya SATU PETI UNDI KHAS DIADAKAN semasa EGM UMNO nanti bagi melihat sama ada ahli-ahli UMNO masih yakin dengan presiden atau tidak.
3. TUN juga boleh mencadangkan atau mencabar satu poll online diadakan di website PEMUDA UMNO atau website UMNO sama ada mereka yakin dengan presiden hari ini.

CUKUP SETAKAT ITU CADANGAN SAYA KERANA SAYA YAKIN TUN LEBIH BIJAK DARI SAYA MENGENAI INI.

TERUSKAN MENGUNDI MENDESAK PAK LAH SUPAYA MELETAK JAWATAN:

<http://www.PetitionOnline.com/PakLah/>

VOTE SEGERA DEMI MALAYSIA!!!!!!!!!!!!!!

.....,.,~"..... ``~,  
.....,.,~"..... ``~,  
.....,.,~"..... ``~,  
.....,.,~"..... BELUM PAGI LAGI..... ~,  
.....,.,~"..... SAMBUNG TIDUR!!..... \,  
..... /..... PAK LAH..... ,}  
..... /..... TURUN!!!..... ;^.. }  
..... /..... .....,"..... /  
..... ? .....,`..... ;..... /  
..... /(...~,"~,..... ;..... /  
..... /(...~,"~,..... ;..... /  
..... {..\$;..~"=,...~,"~,.....,-~..},~"/. .... }  
..... ((... \* ~ .."=..~,"~,..... /'.... /'.... /  
..... ,\~,...,"~,..... ;..... /..... /  
..... (....`=..,..... ;..... (.... ;,,"  
..... /`~,..... ;..... \..... \..... \  
..... \~.\*\_..... ;..... |, /..... \,..... \  
..... ,`>..\_..... |..... =~,  
..... `=~,..... \,..... \  
..... `=~,..... \,..... \  
..... ;,..... \,..... \  
..... `=~,..... %`>--=``  
..... \,..... ,-%.. .... `\\

By nmjnhAuthor Profile Page on August 19, 2008 5:59 PM

AUKU pada dasarnya adalah suatu Akta yang dibuat untuk kebaikan semua. Namun dari segi pelaksanaannya, ia telah disalahguna oleh mereka yang berkepentingan politik dengan memberikan keutamaan kepada mereka yang pro BN. Apa jua aktiviti berkaitan BN, UMNO boleh diadakan tanpa karenah birokrasi. Namun jika ia berbau parti pembangkang seperti PAS, ia akan dihalang sepenuhnya. Hinggakan ada sampai peringkat dibuang universiti, ditarik balik biasiswa dan sebagainya. Justeru itu, tidak timbul soalan AUKU perlu dibatalkan jika para pelajar sudah berfikiran terbuka atau pandai, tetapi AUKU perlu dibatalkan selagi pihak birokrasi masih ditampuk lama. Kuat kipas orang atasan, dan menyalahgunakan kuasa demi kepentingan politik dan isi perut mereka sendiri.

<http://nmjnh.wordpress.com/2008/08/17/isu-uitm-dipolitikkan-media-perdana/>

Walaupun begitu, saya bersetuju dengan Tun, para pelajar harus menggunakan masa diuniversiti dengan sebaiknya untuk mendapat keputusan cemerlang, bukan berpolitik (semua sekali UMNO,PAS etc), dan hanya perlu melibatkan diri dalam politik selepas tamat belajar.

By luqman on August 19, 2008 6:08 PM

Salam Tun,

Saya juga nak nyatakan kebanyakan pelajar yang aktif dengan pembangkang mendapat keputusan yang teruk khasnya orang Melayu. Kalau tak percaya, pergilah check dengan semua University Tempatan di Malaysia.

Satu lagi Tun, AUKU ni macam 'bersunat' .... sakitnya sebentar tapi faedahnya sepanjang hidup.

Terima kasih Tun

By crazyidiot on August 19, 2008 6:15 PM

The problem with the current government is that it has gone from partially deaf to a totally deaf government.

At least, Tun Mahathir had the correct sense to start a blog for the public to voice out their opinion. Whether supportive or otherwise is a different issue.

The current administration is totally ignorant to the voice of the people! This needs to be changed or else, they will just face the consequences.

There's absolutely no way/channel for a commoner in the country ( a citizen of Malaysia) to tell the current Prime Minister whether he is doing the right thing!!!!

He completely shuts his eyes, ears and nose. This is the problem. Whether university students are allowed to be politically inclined would make no difference if the eyes, nose and ears of the PM are disabled!!!! He needs disable peoples association's attention!!!

By tokano on August 19, 2008 6:19 PM

Salam semua,

Kepada pelajar2 universiti yg baca artikel ni, tolonglah ikut nasihat Tun..Apa kejadahnya korang nak sibuk berpolitik sedangkan nak sara diri sendiri pun pki duit biasiswa(duit rakyat) ataupun duit PTPTN and even worst pki duit mak bapak sendiri..baik korang tumpukan perhatian kat pelajaran korang supaya bila abis belajar nanti, bleh korang sama2 bangunkan negara, ada gak faedahnya..kalau nak sangat merasa berpolitik ni, buat dalam kampus korang sendiri jer..

Contoh terbaik, tengok si Saiful tu..sibuk sangat nak berpolitik, kan dah kene reject oleh universiti..kene suntot lagi plak tu..last2,pelajaran ntah ke mana, politik pun ntah ke mana..

Habiskan belajar dulu, dah lulus ngan cemerlang barula korang pikir2 nak sibuk ngan politik ni..barula nnti orang akan respect korang kalo jadi ahli politik..

By hangsapa on August 19, 2008 6:20 PM

Kalau semua pihak menghormati AUKU memang tak salah. Undang-undang manapun kalau dibuat dan dihormati memang tak salah. Tapi kalau satu pihak tak boleh sedangkan satu pihak lagi boleh memang berat sebelah dan langsung tak masuk akal yang sihat!

Sebagai contoh masa di universiti dulu, mata kepala sendiri menjadi saksi dan melihat berbondong-bondong wanita muda pakai baju warna pink bertopi. Semuanya sama saja berpakaian.

Tak salah pak menteri datang sekiranya datang hanya sebagai pak menteri. Yang jadi salah hanya bila datang sebagai individu berpolitik. Naik atas pentas seolah-olah jadi hysteria bercakap yang bukan-bukan atas dasar parti. Tapi kebenaran hanya diberikan sebagai jawatan pak menteri!

Sesetengah pensyarah pun 2x5 jugak. Yg pro UMNO macam tak sedar-sedar yang dia ni dok dalam universiti yg dilarang berpolitik (kononnya!). Disebabkan pensyarah ni agak keterlaluan mempromosi UMNO maka sy dan beberapa rakan yg lain yg masih mempunyai fikiran waras sebagai seorang mahasiswa, mengangkat tangan dan mengatakan kepada pensyarah tersebut beliau tiada hak utk promosi UMNO kerana ini universiti dan telah ada undang-undang yang teramat jelas melarang politik dalam kampus (harus faham bukannya politik memilih perwakilan mahasiswa ya)! Samada BN atau pembangkang harus hormat AUKU. Bukannya hanya pembangkang yg perlu patuh kpd AUKU.

By OrangLama on August 19, 2008 6:21 PM

Salam Tun dan semua,

## **1. PELAJAR MELAYU LEMAH "CRITICAL THINKING"**

Satu perkara penting yang perlu diketahui semua ialah pencapaian cemerlang pelajar melayu semasa SPM dan matrikulasi tidak menjaminkan keputusan cemerlang peringkat ijazah. Unsur berdikari tidak diasuh dengan baik oleh sistem pendidikan sekolah dan juga matrikulasi. Budaya "critical thinking"(pemikiran kritis- harap terjemahan saya betul)tidak ditanam pada anak2 muda Melayu di peringkat sekolah. Sebab itu lah budak lelaki lemah atau tidak minat belajar di sekolah sebab tidak diajar menggunakan fikiran secara kritis. Pelajar2 Melayu disajikan dengan latihan bertubi2 untuk SPM dan lain2 lagi. Pelajar2 cemerlang pelajaran pulang hanya robot hidup yang tak boleh berfikir dengan baik!

[http://en.wikipedia.org/wiki/Critical\\_thinking](http://en.wikipedia.org/wiki/Critical_thinking)

Kelemahan "critical thinking" inilah yang menyebabkan orang Melayu ketinggalan walaupun adanya Dasar Ekonomi Baru. Tanpa "critical thinking" orang Melayu Mudah terpedaya kata2 manis, janji2 palsu dan mimpi2 indah dari racun2 perosak masyarakat.

## **2. PERLUKAH PEMANSUHAN AUKU**

Ada baik dan buruknya jika dimansuhkan AUKU.

Kebaikan utama ialah dengan pemansuhan AUKU mungkin mmebenarkan pelajar2menyertai parti politik. PEMUDA UMNO khususnya teramat kurang pemuda2 yang berkualiti untuk menjadi pelapis pemimpin. Biar ramai2 siswazah Universiti masuk UMNO supaya dapat ubah struktur UMNO dari peringkat bawahan lagi. Orang muda2 ini biasanya belum terdedah dengan sifat tamak haloba, rasuah dan lain2 lagi.

Kelemahan utama jika AUKU dimansuhkan ialah saya bimbang pelajar melayu tak reti nak seimbang pencapaian akademik dengan aktiviti politik!. Depa bukan lah pandai sangat dari segi akademik. Harap Pensyarah Melayu hang nag pa pun diberhenti kerana tak sampai tahap worl class! Bertambah bimbang pula Kebimbangan ini bertambah pula jika pelajar Melayu ini maklumlah orang muda mudah tertipu oleh penyangak2 politik.

Maka saya tidak setuju AUKU dimansuhkan demi masa hadapan orang Melayu.

## **3. PERLU TUMPU KEPADA PENGAJIAN UNIVERSITI**

Pelajar Melayu kena beri perhatian sepenuhnya kepada pengajian di Universiti. Kementerian Pengajian Tinggi kena ubah sikap pelajar melayu dengan bermula dengan mengubah sikap Pensyarah Melayu dahulu. Mereka bukan semuanya betul2 cemerlang. kalau bukan kerana mereka Melayu, ramai mungkin tak layak jadi Pensyarah. Kalau tak percaya, bandingkan hasil terbitan akademik mereka dengan pensyarah Universiti luar negara. Sorry kalau kecil hati.

Pensyarah Melayu juga ramai yang sebenarnya tak sokong kerajaan. Para Pensyrah Melayu harus berusaha bersungguh2 menaikan kualiti supaya setanding Pensyarah luar negara. Mereka harus bersedia mulai sekarang kerana apa2 boleh terjadi masa hadapan. Mana lah tahu mungkin bilangan orang Melayu di Universiti termasuk pensyarah dan Pelajar akan berkurangan kerana orang Melayu sendiri dah ramai tak sokong Barisan Nasional sementara dasar Pakatan Rakyat pula berasaskan merit atau kelayakan. La ni ada Anwar Ibrahim mungkin DAP belum naik tocang,masih berlakun2 nanti lepas dah tak de Anwar Ibrahim baru hang pa semua tahu. Apa hai lah Anwar pi join Pakatan Rakyat, kita bimbang merugikan bangsa sendiri? Barisan Nasional hang pa tak suka. Harap PAS, asyik melepas saja!  
By crazyidiot on August 19, 2008 6:22 PM

Apa guna akta diubah kalau PM itu sudah pekak dan buta?

By mirae on August 19, 2008 6:49 PM

Assalamualaikum...

saya pelajar universiti tempatan yg akan konvo pd 23hb ini..

dan sy rs, tiada apa yang menyekat hak saya..  
buat masa ini, saya cuma berbangga yang saya sudah tamat belajar dan akan berbakti kepada negara tercinta (InsyAllah sy akan berjaya)..

5 tahun tempoh pengajian adalah satu jangkamasa yg cukup singkat buat sy...

Ilmu yang ada terlalu sedikit.Saya pelik bila ada pelajar yang tidak bertungkus lumus menggunakan masa yang ada utk mengejar impian mereka sendiri..mungkin mereka tiada hala tuju..wallahu alam..kadang2 menyampah bila tgk muda-mudi yg kosong tp berlagak mcm pandai nk tadbir negara..nak buat kira2 matematik pon tegagap2..huhuhuh

Malaysia ini sgt kecil..apa salahnya kalau kite hidup dlm pakatan yang harmoni..saya cukup bersyukur dengan keadaan yang sedia ada ini..kita sepatutnya hanya perlu bergerak kehadapan sahaja..tak perlu lagi toleh menoleh dan tunding menundung diantara satu sama lain...kesilapan yang lepas tidak perlu lagi dirungkai dan dipersoalkan..what's gone is gone..thinks ahead..(kata2 abah sy yang amat bermakna buat sy)

sekian..TAHNIAH TUN..i'm really proud of u...

p/s: teringat ms Tun dtg utk terima anugerah kat U sy di bp..saya sempat ambil gambar tun..tp cuma kecewa tak dpt ambil gambar bersama tun dan isteri...saya jd kaku bila tun lambai2 di hdpn saya..tercapai jd hasrat sy nk jumpa face to face dgn tun...kenangan terindah dalam hidup sy~~~

By Herotamil on August 19, 2008 6:52 PM

Salam sejahtera TUN serta keluarga,

Apa lah susah nya dia orang nie..  
Di suruh tumpu masa untuk belajar pun kecoh...  
Actually this is the best time of your life...being a student.

Namun,Ramai yang saya tengok masa belajar dulu...amatlah idealistic,  
Itu salah...ini tak betul ... sana haprak ... sini sangap.  
Tapi bila dah dapat jawatan dapat kuasa...these are the guys yang paling merosakkan bangsa dan negara.

Nak libatkan diri dalam politik pun..bukan boleh mengundi.  
Kalau ada pun...ntah berapa kerat jer.

Belajar jer lah rerajin.... buat duit ..tolong mak bapak, ilmu yang ada taburkan anak bangsa.

Jika ada rezeki ada bakat dan yakin pada ALLAH...mungkin adalah tempat nak jadi pemimpin negara.  
Kalau tak pun, jadi jer lah pemimpin pada keluarga dan masyarakat sekeliling.

AUKU?? Just let it be.

Semoga tun diberkati ALLAH sentiasa,  
you are needed, STILL.

By speedbirdAuthor Profile Page on August 19, 2008 6:59 PM

Check out this link

<http://malaysia-today.net/2008/content/view/11553/84/>

raja petra is making a mockery out of the malays and muslims!!

This SOB Raja Petra should realise who is he. Like what Dato Shafee says, he has only his underpants to lose, otherwise he wouldn't be so brave. A coward irresponsible man who hides behind his chinese wife all the time. That is what he is, bodoh and childish retarded looking man.

By iswara on August 19, 2008 7:02 PM

Saya turut menyokong AUKU diteruskan....setuju juga dengan post asamjawa....

By harun on August 19, 2008 8:18 PM

Dear Tun,

I'm a Malay my self. Struggling to survive and be competitive. I'm been working in several companies. What I notice that many companies still approached the concept of cronyism. Many companies that controlled by Bumis still prefer to employ staff which have family relationship if not BAU2 BACANG relationship. Not to mention companies controlled by other races. Surely no place for bumis(expecially the professional) and if and only if being employed just to comply to the quota established and the position merely for general workers.

My point here that we the typical Bumis with no cables to the upper management in big2 company will have zero(0) opportunities to practice our professional career. If being employed we will only get the lowest pay and uphill task and in the end will stop halfway due to pressure by our own race. I notice that Malay cannot see other Malay being successful. I'm sure many agree with me.

I'm a little worried about this trend. Just imagine there are lots of brilliance Malay lost the opportunity to expand their career and be a competitive professional. What a waste. Not that we the Malay are not good but the opportunity to show our capability is too narrow. Please advice something about this. I thank god with this kind of situation I still manage to get job to take care of my family and will proceed to get my professional engineer by the end of this year. Hopefully this will add to the number of Malay professional. Luckily I met kind hearted Malay who cares bout their own race. Kind hearted Malay who has the spirit to help other Malays is very2 rare to find nowadays.

My write-up here is little bit diverse to your issues but what I am try to bring to your attention here that by giving university education opportunities to Bumis alone cannot guarantees the successful of Bumis if the job/career opportunity is not there for them. The true fact that happened to many of my friends (fellow engineering graduate) did not practice their professional career. Some doing jobs which is not related (for example teachers) and some doing small business. Therefore forever we will left behind in the number of bumis professional not to mention bumis professional who open their own firm. My wife is an Account degree graduate. The scenario is also the same. Then who 's to blamed? The education system, the bumis graduate or the government?

About the AUKU I'm totally agree with you. The bumis must focus in their studies first. Get the degree...find a job/business....serve/payback to the rakyat...then involve in politics...and BERJUANG UNTUK AGAMA, BANGSA & NEGARA.....

For me..politic is a must because if we are successful in what ever profession that we involve alone cannot go no where if our fellow bumis is left behind and if we are successful, PERJUANGAN for agama, bangsa & Negara have to go in parallel....

Tun...just my thought.

p/s : still waiting the Cecindui & Man Tiger views....:)

By KarambaAuthor Profile Page on August 19, 2008 8:24 PM

saya rasa AUKU boleh dikurangkan....tetapi ,ikut IQ pelajar aa...

tapi apa yang saya nak komen ialah berkenaan pelajar UITM demo arituh, sbb demo tu, skrg 'harga' pelajar UITM akan jatuh mendadak di pasaran . Fikir lah wahai student UITM, kerajaan tak mampu nak hire korg semua. so swasta still pegang bangsa lain, kesian ,korang memang mangsa org2 politikk!!!

So macam kena AUKU gak kot.

By Harimau1900 on August 19, 2008 8:30 PM

Salam YAB Tun Dr.M,  
I have no comment on your article above today...But I must say thank you to Tun Dr Marvellous's comment above....

Well done Tun Dr Marvellous...

Maybe the current government have to seriously look into this to improve so those who really deserve them gets it. Otherwise we will see more drop-outs like Saiful from Universiti as this guy we call as "Half boiled egg" given this previledge that he doesn't deserve. There are more Malays who deserve this than person like Saiful.

Thank you.

By Mamak Nyanyok on August 19, 2008 8:37 PM

Memang pun pelajar melayu agak lemah dalam universiti  
Dengan itu memalui politik  
Namapaknya ada peluang lebih cemerlang jadi kaya  
Saiful ... gagah dalam pelajarannya  
namun isu jubur telah dapat mengemparkan dunia  
Begitu juga budak Uitm  
Ini kesemuanya adalah pengajaran dari Umno sendiri  
tetapi sekiranya AUKU diperketatkan malah Umno akan hilang penyokong dari mahasiswa  
apa kata Tun??

<http://www.youtube.com/watch?v=yI-ZIf9Wvbg>  
By ajnasutionAuthor Profile Page on August 19, 2008 8:47 PM

Pada pendapat saya, AUKU patut dikekalkan. Tidak perlu dimansuhkan. Ianya masih relevan.  
By anakmiri on August 19, 2008 8:54 PM

Untuk kongsi semua,  
Anak2 kita tak bersalah, mereka seperti kain puteh. Akan tetapi ada guru2 yang sengaja menghasut supaya anak anak kita tidak menyukai bangsa satu sana yang lain.  
Walau pun di sekolah menengah, ini kan pula dalam sekolah tinggi.  
Sedarlah guru2 yang mementingkan diri ini, jangan gunakan anak anak murid yang tak tau apa2 ini.  
Ada juga ibu-bapa dan abang-abang yang sengaja menghasut adik2 mereka supaya tak bercampur dengan bangsa lain.  
Saya hairan sekolah kini tak seperti kita dulu.

By Jebat2008 on August 19, 2008 9:04 PM

TUN,

SAYA SOKONG SARANAN OLEH "DOSPENANG" YANG BERBUNYI :

SAYA ingin mengajukan TUN bertindak DEMI NEGARA MALAYSIA.

Bermula dengan 'TINDAKAN' BARU DAPAT MERUBAH KEADAAN.

CADANGAN SAYA:

1. TUN perlu mendapatkan sokongan calon pengganti PM yang TUN rasakan layak bertanding melawan PRESIDEN pada EGM UMNO akhir tahun ini dan mencalonkan beliau dengan sokongan MT UMNO.

2. TUN boleh mencabar PAK LAH supaya SATU PETI UNDI KHAS DIADAKAN semasa EGM UMNO nanti bagi melihat sama ada ahli-ahli UMNO masih yakin dengan presiden atau tidak.

3. TUN juga boleh mencadangkan atau mencabar satu poll online diadakan di website PEMUDA UMNO atau website UMNO sama ada mereka yakin dengan presiden hari ini.

CUKUP SETAKAT ITU CADANGAN SAYA KERANA SAYA YAKIN TUN LEBIH BIJAK DARI SAYA MENGENAI INI.

LAKUKANLAH TUN, DEMI MARUAH BANGSA, DEMI NEGARA TERCINTA.

AMINNNNNN.

By adass on August 19, 2008 9:08 PM

well..

1st of all dis is my first comment..

really appericiate ur effort..

but den im sure students nowdays r not dat concern bout their studies..malays espicially...

suke lepak2..hang out.im nt saying all..but we can observe them directly..

so,AUKU need to exist so dat our studnt's behaviour can still be controlled..just stay focus on their studies..

thanx tun..

By Jit on August 19, 2008 9:18 PM

YBhg Tun,

AUKU patut dikekalkan seperti ISA, OSA dan sebagainya. Kalau tidak pelajar Melayu tak fokus kepada pelajaran. Mereka kena faham yang mereka masuk IPTA bukan emak bapak mereka yang tanggong. Dapat biasiswa atau pinjaman bukan buku yang dibelikan tapi handphone, motor dan kereta yang dipentingkan. Kaum lain terpaksa buat pinjaman bank, jual rumah dan buat kerja part time untuk belajar. Sepatutnya pihak penaja atau pihak IPTN kena tengok performance mereka setiap semester macam Petronas buat. Tak dapat tiga pointer ke atas setiap kali exam, tarik balik biasiswa atau pinjaman. Biar dia balik kampong majukan tanah pertanian emak bapak mereka.

By TheStig on August 19, 2008 10:07 PM

Salam Tun,

Hope you are in good health, Tun. May I ask if there has been surveys linking the correlation between political activism and academic performance of Malaysian students? A cursory search in google yielded the following thesis from the Virginia Polytechnic Institute which researched the various factors that affect a student's degree completion; among the factors investigated is social activism.

The link in question is

<http://scholar.lib.vt.edu/theses/available/etd-12122004-225657/unrestricted/>

Thank you, and assalamualaikum

By emville on August 19, 2008 10:13 PM

Klu dah banyak sgt berpolitik, bila pulak la nak belajar? Klu sikit2 tu paham la. Tapi klu dah terlalu berpolitik, akibatnya pelajaran entah ke mana. Apa2 pun AUKU ni cuma utk beberapa tahun saja semasa di universiti, atas perbelanjaan/tajaan kerajaan/pinjaman. Bila dah habis belajar, buat la apa2 pun, guna duit sendiri. Baru la betul2 hebat. Tapi klu pelajaran pun takde, nak memimpin komuniti/negara macam mana?

By Tinta Kinabalu on August 19, 2008 10:18 PM

aSSALAMMUALAIKUM TUN,

Saya bersetuju bahawa AUKU itu bertujuan utk mengelak mahasiswa dari melibatkan diri dalam politik kepartian. Penglibatan mereka dalam politik kampus adalah suatu yang biasa berlaku dan tidak menjelaskan. Mungkin TUN tahu atau mungkin Tun tidak sedar mengenainya. Pendapat saya ini berdasarkan pengalaman saya semasa belajar di sebuah universiti tempatan sekitar tahun 1980an. Memang AUKU amat baik. Masalahnya ialah aspek penguatkuasaan dan keberkesanannya. Sama ada kita suka atau tidak, dari dahulu, walaupun AUKU ujud, hakikatnya dalam mana-mana universiti tempatan, pengaruh politik kepartian itu sudah menular. Hampir semua parti politik mempunyai kader-kader mereka di mana-mana universiti. UMNO, PAS dan Dap dan kini PKR mempunyai orang hubungan untuk menerapkan ideologi masing-masing di kalangan para mahasiswa. Malah soal ini berlaku secara terbuka, dan menjadi budaya pula. Persatuan-persatuan pelajar boleh dikesan arah kiblat politik mereka berdasarkan samada warna persatuan, ideologi atau kekerapan menjemput ahli-ahli politik tertentu. Malah kakitangan dan pensyarah universiti sendiri antara pihak yang membentarkan politik kepartian ini meresap secara bebas di universiti tempatan. Inilah punca segala masalahnya, AUKU tidak dikuatkuasakan secara adil dan berkesan, pentadbir universiti menutup sebelah mata. Keadaan menjadi lebih parah apabila mana-mana pelajar yang cenderung ke kiblat pembangkang akan dikenakan ugutan AUKU tetapi pelajar yang cenderung ke arah pemerintah akan terlepas dan dibiarkan.

AGAK MALANG kerana AUKU yang amat baik ini tidak berkesan kerana kegagalan penguatkuasaan oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian dan pihak pentadbiran universiti itu sendiri. YBH Tun, jika Akta yang baik ini dilaksanakan dan dikuatkuasakan secara efektif dan adil, tiada masalah akan timbul. Penentangan yang berlaku sekarang sebenarnya adalah kerana akta yang ujud ini tidak dikuatkuasakan secara adil dan akhirnya AUKU yang dijadikan mangsa. AUKU memang ujud, tetapi tidak dikuatkuasakan secara berkesan dan adil khususnya keatas mahasiswa yang memihak kepada UMNO. Percayalah, kemerosotan kualiti mahasiswa sekarang berlaku bukan kerana AUKU tetapi kerana mahasiswa sibuk melakukan berbagai aktiviti lain yang tidak berkaitan khususnya sebok dengan politik UMNO, PAS, DAP dan PKR. Pihak universiti menutup mata kerana sukar menguatkuasakan akta ini secara berpilih, jadi dibiarkan. Sebenarnya AUKU tidak pernah dikuatkuasakan secara berkesan di mana-mana universiti. Jika ada kes terpencil pun, tindakan diambil ke atas pelajar yang pro pembangkang sahaja, yang Pro UMNO akan terlepas.

Bagi negara ini, bukannya soal apakah akta itu, tapi bagaimanakah perlaksanaan dan penguatkuasaan sesuatu akta itu dibuat, dan inilah yang menjadi isu. Seperti mana keadaan sekarang, bila berbagai pihak mula mempertikaikan berbagai aspek agama Islam dan kontek sosial, kerajaan berdiam diri dan memilih untuk popular. Akibatnya keadaan semakin tenat. Jika akta berkaitan hasutan dan ISA digunakan secara berkesan dan adil, rakyat majoriti akan dapat merasakan betapa akta-akta itu perlu demi keharmonian negara.

Tun, agak malang bagi negara ini kerana pada suatu ketika negara ini dipimpin oleh pemimpin yang tegas dan berani dan satu ketika yang lain pula dipimpin oleh pemimpin yang mementingkan populariti, nama dan pujian. manusia ada berbagai ragam, bila ada pilihan untuk mencabar mereka akan mencabar dan mengubah semuanya utk disesuaikan dengan kehendak mereka tanpa memikirkan kepentingan negara dan rakyat secara keseluruhannya.

#### KES KELUAR ISLAM:

YBH Tun, satu aspek lagi walaupun tak ada kaitannya dengan topik ini. Berkaitan dengan kes keluar Islam. Secara peribadi, jika seseorang itu sudah tidak mengamalkan ajaran Islam, menolak Islam walaupun sudah dididik dan dinasihatkan, saya setuju keinginan mereka utk keluar Islam di benarkan seperti kes di pulau Pinang dan Pahang. Tiada faedah menahan mereka kekal dengan title Islam jika mereka tidak ingin dan tak suka kepada Islam. Mengelakkan mereka sebagai Islam akan hanya menyusahkan Islam itu sendiri. Kes seperti keluar Islam ini kebanyakannya berkaitan dengan mereka yang masuk Islam hanya atas sebab berkahwin dengan Orang Islam. Jika bercerai mereka akan meninggalkan Islam. Mungkin sudah sampai masanya pihak yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam mengeluarkan peraturan berkaitan dengan memeluk Islam atas alasan berkahwin. Walaupun bukan semua, tetapi kes keluar Islam ini banyak yang berkaitan dengan isu perkahwinan dan penceraian. Adalah lebih baik jika, bagi kes memeluk Islam utk berkahwin dengan orang Islam ini diberi peraturan

baru agar mereka tidak dikhawinkan terus setelah mengucap dua kalimah syahadat. Satu peraturan baru mungkin perlu seperti mewajibkan saudara baru ini khatam quraan atau apa-apa peraturan yang boleh membuktikan mereka sudah menjawai Islam dan mengamalkannya sebagai cara hidup baru lah mereka dinikahkan dengan pasangan mereka. Jika pagi memeluk islam petang atau malamnya terus dinikahkan, maka kes selama bertahun mengaku islam tiba-tiba keluar dari islam akan terus berlaku dengan alasan sudah bercerai. Ternyata mereka memeluk islam sekadar untuk memuaskan nafsu seks mereka dengan pasangan Islam mereka sahaja atau sekadar berpura-pura. Mereka inilah sebenarnya menimbulkan masalah bukan sahaj kepada Islam itu sendiri malah menimbulkan pergeseran antara kaum dan agama. Jika boleh, pengislaman atas dasar muhul berkahwin dilarang atau disekat sama sekali kecuali mereka sudah dapat membuktikan yang mereka sudah benar-benar memahami, mengamal dan menjadikan Islam sebagai cara hidup. Jika ini dapat dilakukan bukan sahaj Islam akan lebih terjamin, malah masalah pertikaian yang berlaku seperti sekarang ini akan dapat dielakkan. Apa pendapat Tun?

By Anba on August 19, 2008 10:42 PM

Reply to Sdahenan:

Dear Sdahenan,

I replied to you under the blog title 'Corat-Coret/Snippets' but did not get a reply from you. This is my problem with my fellow Muslim friends, when a serious question is asked about Islam, they fall back to sayings that's not referenced and they are not telling me where they are taking this from. Let me re-produce my reply to you:

By Anba on August 14, 2008 11:34 AM

Reply to 'Sdahenan',

Sdahenan, I'm sorry to say that you are a classic example of the group of Malays who believe that the NEP is their birth right. If Dr. Mahathir reads his comments, I'm sure he will be ashamed with the quality of Malays such as 'Sdahenan'.

Please do not teach me about halal and haram. I'm a decent human being. I do not place much emphasis on accumulating wealth but on developing a solid individuality. Do you pray 5 times a day? Do you follow the Islamic principles? Does Islam encourage their people to discriminate other races for their own well being? Muslims believe in giving zakat, but your race seems to be dependent on 'zakat' from the government.

I'm sorry for your blind faith towards Dr. Mahathir and your race. One day, when all the privileges given to the Malays are taken away, and when you are standing on your own two feet without the help of the government to enter the universities through the back door, and when the government can no longer give you subsidy, then perhaps you will wake up to the reality.

Until then, please continue to sleep. Sdahenan, please go back to sleep.

Here is my reply to you for the AUKU blog:

It's quite arrogant for you to denounce the law of karma. Perhaps Dr.Mahathir can explain the meaning of that word for you. What is this soal jawab kubur? What are your references for this?

I can see that you are such a fanatic...fanatic towards Dr. Mahathir and fanatic towards your religion. please understand your religion on the entirety...not from Adam dan Hawa. Do you know how old is your religion? Do you know how old is Hinduism or Buddhism? Please go and read scriptures other than the Quran. When you read the scriptures of other religions, you will understand that all human beings are all brothers and sisters of the same God. If you do NOT understand this, I consider you to be a fanatic. In my point of view, when anyone from a particular religion says that their religion or their God is more powerful or bigger than the 'other God' they are being really fanatic. Perhaps it is this fanaticism that breeds the terrorist groups like Al-Qaeda, The Crusaders, The Tamil Tigers. It does not matter what they are fighting for, when they harm anothers life for the sake of their fighting, then they are a fanatic.

Are you such a fanatic? Tepuk dada, tanyalah selera.

God bless.

Anba

By wokyoh on August 19, 2008 10:59 PM

buat RAKYATENGAH...

mu ni sapo?,ikut aku la nak tulis apa pun dalam blog tun ni..mu tak suka mu toksoh baca la..blog ni bukan hok mu punya...mungkin mu orang anwar la tu....kalu sumpah dr osman pusrawi,sumpah bala mu caya..kalu sumpah murad mu tak caya...kalu saiful sumpah mu tak caya..mu buleh buktikan anwar tak masukkan roketnya kebontot saiful???

mu buat sajak merapu tu..orang masuk sini 5 juta orang..mu sorang jah hok tulis sajak lagu tu ko tun...mu nak tunjuk hero ko??baik mu gi cari anwar...pulas telinga dia..suruh dia bersumpah..tak sampai 10 saat je sumpah..tak payah banyak dalih..kalu mu kata anwar tak payah bersumpah..mu sapa? mu mufti ke?

tak kira la anwar dulu dalam kerajaan atau sekarang ni dia dalam pkr...anwar adalah anwar...salah tetap salah...itu dalam kerajaan dulu...kalu jadi pm nanti lagi teruk la wei...

aku tulis sini untuk aku sampaikan komen aku pada tun..tu aku tak kisah aku jadi orang yang komen nombor berapa.aku juga tak kisah apa orang nak kata sebab aku bukan nak cari pengaruh apa-apa kat sini.tun pun tak kenal aku sapa...dan aku pun tak dapat se sen pun dok komen kat sini.

buat rakyatengah..boleh hubungi saya at :wokyohmektot@yahoo.com

By normal citizen on August 19, 2008 11:09 PM

Dear Tun,

For the good of the students in University, AUKU must be maintained. I just feel disgusting and ridiculous when I saw in the newspaper how those youngsters protest to change the Akta.

They are just another group of irresponsible students wasting their time for unproductive activity instead of concentrating on their study, scoring A's and bring up the standard of university.

By mbsinpoliticAuthor Profile Page on August 19, 2008 11:11 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya bersetuju dengan kebanyakkan komen di ruangan ini. It just a simple thing, you go to "U", study ( i mean really study ) for 3-4 years -- thats it!-- lepas tu nak politik tang mana pun takpa la.. betul jugak.. kita orang melayu nih dapat masuk universiti kerajaan, berapse sangatlah yuran dier kalau nak dibanding ngan jumlah perbelanjaan sebenar-- tambah lagi UiTM----- ;)

By kedah youngster on August 19, 2008 11:13 PM

Tun,

Saya sebenarnya setuju dan yakin apa yang Tun lakukan dulu adalah untuk kebaikan anak-anak bangsa melayu.

Teruskan perjuangan sejati mu!!

Semoga Tun panjang umur & dimurahkan rezeki!! AMIN.....

By dakjam on August 19, 2008 11:23 PM

Assalamualaikum..... Y.BHG. Tun.

Saya yakin yang TDM yakin berhubung dengan usaha TDM menwujudkan AUKU. Memang pelajar kita sama ada di sekolah atau universiti tak pernah faham bahawa mereka belajar di sekolah atau di universiti

adalah juga atas sumbangan duit pembayar cukai. Sekiranya tiada duit pembayar cukai, percayalah mereka tak sanggup belajar di sekolah atau universiti walaupun ada pinjaman PTPTN. Hal ini jelas dengan pinjaman yang perlu dilakukan, iaitu setelah menerima subsidi daripada duit pembayar cukai, mereka melaung dan melalak untuk menjelaskan pinjaman PTPTN itu. Oleh itu, mereka seharusnya sedar bahawa masa belajar di sekolah atau universiti mesti digunakan untuk belajar dan bukan perkara lain, lebih-lebih lagi berpolitik kepartian. Kita yang membantu mereka untuk belajar menerusi cukai yang dibayar berhak mengkehendaki mereka menumpukan masa untuk belajar sepenuh. Kita juga berhak menegur mereka sekira mereka lalai atau membuang masa daripada aktiviti belajar. Hal ini kerana mereka telah menggunakan duit cukai, iaitu menerusi pembiayaan pelbagai instruktur seperti tandas, elektrik, pendingin hawa, gaji tenaga pengajar dan pensyarah, kemudahan perpustakaan dan lain-lain yang tak mampu ditangung oleh ibu bapa mereka. Sebenarnya, sekira mereka yang mendapat segala perbelanjaan untuk belajar di sekolah dan universiti daripada pembayar cukai (ada antara ibu bapa mereka sendiri tidak pernah membayar cukai) untuk belajar tetapi mengabaikan aktiviti belajar dengan perkara-perkara lain dan gagal pula, mereka sebenarnya adalah pengkhianat kepada pembayar cukai, agama, bangsa dan negara. Oleh itu, apabila pelajar dimarah atau ditegur oleh guru atau pemimpin kerana mengabaikan pelajaran, pelajar jangan marah kerana apelajar telah menggunakan wang orang untuk belajar di sekolah atau iniversiti. Berapa ramaikah pelajar pernah sedar atau tahu akan hal ini?

AUKU yang diwujudkan oleh TDM adalah tindakan betul. TDM usah pilu berkaitan isu AUKU ini. Saya salah seorang pembayar cukai memang mahukan anak bangsa saya menumpukan sepenuh masa mereka pada pelajaran. Menerusi cukai yang dibayar itu dan dinikmati oleh pelajar di sekolah atau universiti itulah menjadi sumbangan dan jasa kepada bangsa, agama dan negara. Gagal mereka dalam pelajaran kerana menumpukan masa dengan hal-hal lain yang tidak berkaitan dengan pelajaran setelah mereka menikmati sumbangan duit daripada pembayar cukai, bermakna mereka mesti rasa bersalah dan malu kerana sumbangan dan bantuan yang diberi dikhianati.

